

Bil. 36

**Selasa
3 Julai 2007**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Larangan Penyiaran Ucapan Pemimpin Parti Pembangkang di Stesen TV dan Radio Swasta - <i>Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)</i>	(Halaman 20)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 21)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007	(Halaman 22)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 87)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Pembekalan Elektrik Di Sabah Menjelang 2010 - <i>Y.B. Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran)</i>	(Halaman 87)
Kutipan Tol Di Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) - <i>Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)</i>	(Halaman 89)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP

22. Yang Berhormat Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Dato’ Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP

60. Yang Berhormat Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Dato' Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Dato' Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS

-
97. Yang Berhormat Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
 98. “ Dato’ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
 99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
 100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
 101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
 102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
 103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
 104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
 105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
 106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
 107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
 108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
 109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
 110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
 111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
 113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
 114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
 115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
 117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
 118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
 119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
 120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
 121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
 122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
 123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
 126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
 127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
 128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 3 Julai 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh mana positifnya akan hasrat Malaysia untuk menjadi pengeluar darah tiruan yang pertama di dunia untuk manusia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Salah satu teknologi dalam perbincangan dan penilaian kita untuk dibawa masuk ke Malaysia ialah teknologi dalam pengeluaran produk pengganti darah ataupun *blood substitute*. Walaupun Malaysia tidak menjadi pengeluar produk pengganti darah yang pertama di dunia untuk manusia, jika projek ini direalisasikan, Malaysia berpotensi menjadi pengeluar produk ini yang terbesar di dunia dengan menggunakan teknologi ini.

Buat masa kini, salah satu agensi pelaburan di bawah pihak kementerian sedang dalam proses perbincangan dengan pihak terbabit yang berpangkalan di Amerika Syarikat bagi menentukan struktur dan juga jumlah pelaburan yang diperlukan. Pelaburan ini telah pun dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan Berimpak Tinggi dan telah pun mendapat kelulusan dan bergantung pada kelulusan terakhir daripada Kementerian Kewangan.

Ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membawa teknologi bernilai tambah yang tinggi ke dalam negara dan yang boleh mempercepatkan pertumbuhan industri bioteknologi negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, tadi disebut tentang beberapa perkara yang begitu besar hajat kita untuk menjadi pembekal pengganti darah yang terbesar di dunia. Bagus, syabas, tetapi ada pula ayat yang digunakan itu sedang berunding. Saya tidak tahu. Ini menggambarkan kepada saya, ketidakjitian dari segi usaha-usaha kita di bidang ini. Malah satu kajian menunjukkan bahawa dari segi bioteknologi ini, Malaysia tangganya ialah ketinggalan 30 tahun daripada kemajuan dicapai di Amerika itu. Saya nak tahu daripada Yang Berhormat. Apakah *road map* kita sebenarnya dalam program ini, iaitu menghasilkan pengganti darah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Apakah peruntukan yang ada dari segi *research and development and commercialization*? Apakah kita akan eksport ke luar negara ataupun sekadar keperluan dalam negara sahaja?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita berbincang dengan syarikat Amerika dengan kaedah dalam bentuk

pengambilan teknologi ataupun *technology acquisition*. Pelaburan ini jangka panjang adalah boleh memberikan pulangan yang besar dan boleh meletakkan Malaysia di posisi yang strategik di dalam sektor *biotech* dan farmaseutikal.

Sebenarnya program ini, produk yang ingin dihasilkan adalah bertujuan untuk penggunaan tempatan dan juga untuk eksport ke negara-negara luar. Sebagai contohnya, produk ini pun telah dihasilkan di US dan telah dieksport ke beberapa *country* termasuklah negara Afrika Selatan. Sebenarnya kilang yang berada di Amerika ini adalah kilang yang tidak besar, yang boleh mengeluarkan hanya lebih kurang dalam 150,000 paket *per year* tapi di dalam perancangan kita, kita ingin mengeluarkan sehingga setengah juta paket per setiap tahun dan menjadi keutamaan eksport adalah terutamanya ke negara India dan juga negara China. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kilang ini sudah berjalan ke?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Kilang ini sudah berjalan?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Kilang di Amerika telah pun berjalan.

Tuan Yang di-Pertua: Di sini, di sini.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Di sini kita, dalam perancangan kita, tahun keempat baru kita membuat kilang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tahun keempat daripada bila?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Daripada tahun ini. Tahun ini, tahun pertama, kedua, ketiga kita akan lebih menyediakan *basic* daripada keperluan seperti membuat *testing* dan sebagainya produk ini untuk keperluan negara dan sebagainya, dan selepas semuanya diterima oleh masyarakat dan juga oleh juga pengguna-pengguna luar negara, barulah kita mendirikan kilang yang lebih besar, berkapasiti besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jadi Yang Berhormat boleh melawat nanti ya?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Empat tahun lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Soalan saya. Saya ingin tahu sama ada bahan ini, adakah telah dibawa ke Malaysia untuk dibuat pengkajian peringkat awalan di Malaysia? Seperti mana yang saya tahu, bahawa dalam sistem badan manusia, penolakan terhadap tisu asing ataupun sel asing begitu kuat.

Walaupun kita buat satu pembedahan yang mudah, contohnya kalau kita buat, katakan *skin implant* contohnya. Pakar sakit kulit pun ada di sini, Yang Berhormat Kepong. Kita tahu bahawa seseorang itu harus makan ubat anti penolakan (*anti-rejection*) seumur hidup. Jadi yang menjadi kekhawatiran saya ialah, kalau seseorang itu diberi darah yang baru, saya ingin tahu adakah peringkat kajian awal dibuat di Malaysia, kerana saya khuatir bahawa apabila produk ini dibawa di Malaysia, kita tak boleh guna pakai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Itu sebab saya kata untuk tiga tahun pertama, produk yang sedang dihasilkan di US akan di bawa ke Malaysia untuk tujuan *clinical test*, penggunaan dan sebagainya dan juga untuk kita membangunkan ataupun menubuhkan badan *regulatory, that means* badan kawal selia untuk produk ini.

Tentulah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bersama dengan Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Kewangan akan melihat semua keperluan asas kepada penghasilan produk untuk eksport akan dilaksanakan, sebelum kita boleh mendirikan kilang. Itu sebab kita kata tadi kilang kita hanya dibangunkan tiga tahun selepas siap kajian dan sebagainya. Terima kasih.

2. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat mana beliau dapat melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan termasuk peningkatan penguasaan bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil oleh para pelajar. Apakah hasil daripada lawatan sambil belajar beliau ke negara China tempoh hari.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa pertanyaan yang berhubung kait dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan juga lawatan pihak kementerian ke negara China yang telah pun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mohon izin untuk menjawab kesemua soalan ini secara serentak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bermula dari pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006/2010 iaitu pada 16 Januari 2007, seluruh warga Kementerian Pelajaran Malaysia serta pelbagai agensinya telah pun bekerjasama dalam melaksanakan pelan ini. Pelaksanaan itu ialah untuk mencapai matlamat seperti yang diharapkan oleh kita semua. Matlamat utama seperti temanya ialah untuk merintis pembaharuan, satu misi nasional untuk menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Ia satu perancangan lima tahun yang dapat menyediakan landasan yang kukuh untuk membentuk generasi bangsa Malaysia yang akan datang dan mencorakkan pembangunan negara setanding dengan negara-negara maju di dunia ini, insya-Allah.

Sehubungan itu, fokus dan strategi yang dirancang melalui enam teras dalam PIPP sehingga kini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan telah menunjukkan hasil yang amat positif. Ini dapat dibuktikan melalui kad laporan pertama PIPP yang akan saya umumkan sebentar lagi. Kejayaan pelaksanaan ini mengikut fokus bulanan meliputi teras merapatkan jurang pendidikan melalui program lonjakan perdana pendidikan luar bandar iaitu bulan Februari. Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan menerusi kluster sekolah cemerlang iaitu bulan Mac. Memperkasa sekolah kebangsaan dengan memberi penumpuan kepada program pembestarian sekolah dan juga pendekatan ICT di dalam pendidikan, bulan April. Memartabatkan profesion perguruan melalui pemantapan latihan guru dan kepimpinan serta pengiktirafan kepada institusi-institusi perguruan, bulan Mei. Bulan lepas, penekanan kita adalah untuk membangunkan modal insan dengan memberi fokus kepada pemantapan program-program kokurikulum.

Aspek penguasaan bahasa merupakan satu agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia dalam meneruskan teras pertama PIPP iaitu pembinaan negara bangsa di mana keutamaan dan fokus bulanannya telah pun ditetapkan bulan Julai dan Ogos ini. Sehubungan itu, kementerian memberi penumpuan memperkasa bahasa Malaysia yang merupakan bahasa kebangsaan bersama-sama dengan Menteri KeKKWa dan juga Menteri Penerangan Malaysia. Bahasa Inggeris yang tidak dapat dinafikan keutamaannya di peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama, kementerian sama sekali tidak berhasrat untuk meminggirkan bahasa ibunda lain di negara ini khususnya bahasa Cina dan bahasa Tamil. Antara usaha yang telah dirancang dan dijalankan sehingga kini adalah seperti berikut; bagi memperkasakan bahasa Malaysia, kementerian telah dan akan terus melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan di semua peringkat yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuklah meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959.

Fokus dalam bahasa Inggeris ditumpukan dengan pemantapan latihan perguruan dalam bahasa Inggeris bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara. KPM juga telah menerbitkan beberapa buku tambahan dan juga menggunakan kaedah ICT dan juga *teaching courseware* bagi meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris. Kementerian hari ini sedang melihat semula dan melihat semua program dan pendekatan

yang sedia ada dalam konteks ini sebagai satu pakej. Dalam konteks memperkenalkan mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan sebagai rintis. Pada masa ini sebanyak 100 sekolah kebangsaan telah menawarkan bahasa Cina dan 60 sekolah kebangsaan menawarkan bahasa Tamil sebagai program rintis. Bilangan murid yang sedang mengikuti kelas bahasa Cina di sekolah kebangsaan adalah seramai 1,908 manakala 668 orang murid mengikuti kelas bahasa Tamil. Dalam memantapkan latihan perguruan dan bahasa Cina, Institut Pendidikan Guru (IPG) akan menjalinkan kerjasama dengan *Beijing Foreign Studies University* dalam bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan lawatan kerja rasmi ke negara China yang berlangsung dari 19 hingga 25 Mei 2007 yang lepas, ia merupakan satu lawatan yang cukup bermakna dalam konteks kerjasama pendidikan antara kedua-dua buah negara. Lawatan kerja tersebut telah membuka ruang bagi kedua-dua negara untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama yang lebih erat dan lebih rapat. Ia telah dapat mewujudkan persefahaman antara kedua-dua negara selain daripada berkongsi pengetahuan serta pengalaman khususnya berhubung isu-isu pendidikan termasuklah yang berkaitan dengan latihan guru dan juga jurang pendidikan bandar dan luar bandar. Dalam lawatan tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengenal pasti beberapa sekolah cemerlang di Beijing yang berpotensi untuk menjalinkan kerjasama lebih erat dengan sekolah-sekolah di Malaysia. Antara sekolah-sekolah tersebut adalah seperti sekolah pendidikan khas, sekolah sukan, sekolah muzik, sekolah seni, perincian mengenai bentuk kerjasama yang sesuai dengan sekolah-sekolah ini sedang diperhalusi oleh Kementerian Pelajaran kedua-dua negara. Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia turut memeterai satu perjanjian kerjasama dengan *Beijing Foreign Studies University* atau BFSU untuk menghantar pelajar Malaysia ke sana untuk mengikuti program ijazah *Chinese as a second language* dengan izin, pada bulan September 2007 ini. Bulan Ogos ini pula, lebih daripada 40 pelajar China yang sedang belajar bahasa Malaysia, fasih bertutur dalam bahasa Malaysia telah pun bersetuju untuk bersama-sama kita dalam program-program Menteri KeKKWa dalam perayaan 50 tahun negara kita merdeka.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara yang betul yang dibuat oleh pihak kerajaan ialah peruntukan 24% daripada bajet kita kepada pendidikan sama seperti negara-negara lain termasuk Hong Kong, 24% itu baik. Walau bagaimanapun, di sini bolehkah Yang Berhormat dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, kita ada dua di sini untuk sampai 2010. Yang ini pembangunan pendidikan, yang ini Pelan Induk Pembangunan Pendidikan. *[Sambil menunjukkan dua buah buku]* Jadi tempoh itu bertindih-tindih, ini ada lapan bab, ini ada sepuluh bab. Tambah dua bab kerana dia holistik dan ... *collaborative*. Jadi bolehkah, saya memang di dalam ini kita baca itu baik semualah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* baca habis ke?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Habis jugalah, ini penting sekali negara kita hendak wujudkan negara bangsa, kita mesti menguasai kedua-dua buku ini. *[Dewan ketawa]* Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan ini, selain daripada program-program yang disebutkan, adakah kajian ...

Seorang Ahli: Kaji lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mesti kaji, dia tidak kaji, dia ada program, program dan prosedur mesti ada, tetapi tidak ada kajian yang saintifik. Misalnya sejak 1956 lagi Tuan Yang di-Pertua, Penyata Razak yang hendak memperkasakan bahasa Malaysia. 51 tahun kemudian, apakah kajian kita di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan lepas universiti, apakah tahap bahasa Malaysia, tahap bahasa Inggeris, Mandarin dan sebagainya? Ini memang perlu, saya berharap Yang Berhormat dapat membentangkan di dalam Dewan ini, kajian ke atas BM kita, bahasa Malaysia kita dan bahasa yang lainlah untuk diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Setakat mana kita mencapai ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Soalan saya nombor tujuh, Yang Berhormat cakap panjang, takut tak sampai soalan saya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mesti sampai, mesti sampai. Itulah, ini sambungan kerana Yang Berhormat kata Mandarin sebagai bahasa yang kedua dan lawatan ke China, apakah keistimewaan lawatan ke negara China yang boleh diterapkan ke negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Kajian kita buat dan sememangnya sebelum Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dibentangkan, jelas bahawa kita telah pun gubal satu Pelan Rancangan Pelaksanaan (PIPP) lima tahun ini bersandarkan kepada dasar-dasar yang sedia ada. Dalam PIPP pun, bab awalnya telah pun menyatakan bahawa Dasar Pendidikan Negara, pelan kita sehingga 2010, Wawasan 2020, Penyata Razak semuanya telah pun diambil kira, jelas mungkin Yang Berhormat Kepong tak baca secara lebih terperinci PIPP kita.

Dari segi kajian-kajian yang lebih menyeluruh berhubung kait dengan semua teras yang termaktub dalam PIPP ini, saya hendak menekankan di sini seperti tema kita iaitu untuk merintis pembaharuan di bawah lima tahun ini, masa inilah kita akan teliti secara lebih terperinci bermula dengan hari ini di mana kita akan membentangkan kad laporan pelaksanaan kita dan input daripada semua pihak bagaimana kita dapat menambah baik termasuklah Yang Berhormat bagi Kepong sendiri supaya pelan yang berterusan ini yang tidak sentiasa statik, yang tidak memikirkan satu formula yang tidak boleh diubahsuai mengikut keadaan dan zaman, sentiasa dapat dinilai tambah dan ditokok tambah dengan pendekatan yang lebih menjurus kepada golongan sasaran yang kita harap-harapkan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai PIPP, memang saya ingat Yang Berhormat Kepong tidak bacalah seluruhnya.

Di sini saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana PIPP ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin di satu majalah yang telah, sedang dan akan dibaca oleh pemimpin-pemimpin politik dan juga pemimpin perniagaan di negeri China, berjuta-juta bilangannya. So, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Ini menunjukkan *acceptance* dengan izin daripada sebuah negara yang membangun ini mengenai PIPP kita.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri ialah mengenai pembestarian mengenai sekolah kluster ini, iaitu saya tahu ada lebih kurang 300 sekolah kluster akan berada di bawah program ini, melalui ICT dan sekarang satu isu ialah kalau kita memberi tumpuan yang fokus kepada 300 ini, dan nanti kalau pelaksanaannya tidak begitu lancar, ini mungkin akan menyebabkan satu jurang perbezaan, di antara yang *balance* atau bakinya lebih kurang 9,700 dan bagaimana kita atau apa rancangan kementerian untuk mengurangkan jurang ini? Sekarang kita ada masalah jurang di antara bandar dengan luar bandar. So, pendapat saya kalau boleh kita jangan wujudkan satu *gap* atau jurang perbezaan di antara sekolah PIPP dengan sekolah yang jurang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Puchong. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ada hubung kait juga dengan soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Apa yang kita lakukan di negeri China baru-baru ini telah pun mengambil kira teras-teras yang sedia ada dan mencari jalan persamaan dan berkongsi pengalaman bagaimana kita dapat membantu untuk merintis kaedah-kaedah baru ini. Tidak benar bahawa kelompok atau klusters kecemerlangan ini akan mewujudkan jurang kerana di bawah PIPP, selain daripada enam teras yang saya sebutkan, enam teras ini akan diterjemahkan kepada dua pendekatan.

Pendekatan pertama yang paling penting ialah untuk menyediakan akses pendidikan kepada semua iaitu untuk menyamaratakan padang pendidikan kepada semua tidak kira luar bandar, bandar, hiliran bandar, di pendalaman dan juga di kawasan-kawasan yang memerlukan pendekatan dan juga keutamaan dan juga pembelaan. Itu merupakan pendekatan pertama dan paling penting. Tidak guna kita memikirkan kelompok-kelompok yang sudah cemerlang, tetapi masih lagi wujud sekolah-sekolah yang tidak mempunyai api

dan air, tidak mempunyai guru yang mencukupi, tidak mempunyai infrastruktur yang boleh sedikit-sebanyak mengizinkan mereka bersaing dengan sekolah-sekolah yang cemerlang. Cuma dalam kita hendak menunggu padang itu disamaratakan, tidak mungkin kita akan abaikan sekolah sekarang ini yang telah pun cemerlang.

Maka pendekatan kedua kita ialah untuk kita senaraikan beberapa sekolah yang sudah pun cemerlang dan 300 buah sekolah setakat ini kita anjakkan kepada tahap dunia dan antarabangsa. Jadi dia ada dua pendekatan, serampang dua mata di mana dalam kita memastikan semua mempunyai pendekatan akses pendidikan, kita juga melihat kepada kelompok yang juga telah pun cemerlang supaya dapat dirangkaikan dengan sekolah-sekolah yang kita anggap sebagai sekolah-sekolah bertaraf dunia, contohnya di China dan Yang Berhormat pun bersama-sama dengan saya di mana kita tengok sekolah-sekolah pendidikan khas di Dongcheng contohnya, sekolah sukan di Shichahai contohnya, *orchestra music school* dengan izin yang ada kaitan dengan Central Conservatory of Music, Experimental High School Beijing University, Beijing Foreign Studies University, Peking University dan perkara-perkara yang kita bincangkan dengan pucuk negeri China, mereka juga terpaksa berhadapan dengan masalah yang sama dengan sekolah-sekolah yang cemerlang yang saya senaraikan tadi. Mereka mempunyai satu masalah yang lebih besar kalau hendak dibandingkan dengan masalah yang kita hadapi di Malaysia. Pelajar sahaja di negara China, kalau kita 5 juta, mereka mempunyai 209 juta pelajar. Guru sahaja kalau kita mempunyai 330,000 guru, mereka mempunyai 10.3 juta guru. Sekolah sahaja kalau kita ada 10,000, mereka mempunyai 650,000 sekolah. 400,000 sekolah rendah, 250,000 sekolah menengah. Jadi perkongsian, bagaimana dapat kita merapatkan jurang itu banyak ada kaitan dengan apa yang China sendiri terpaksa lalui dalam dunia yang semakin berubah dan semakin sempit pada hari ini.

3. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana kerajaan boleh bertolak ansur dalam isu penggunaan ruang udara Malaysia oleh jet pejuang Singapura dan apakah rundingan mengenainya telah selesai.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa di atas soalan yang dikemukakan. Ingin saya perjelaskan yang soal bertolak ansur dalam ruang udara dengan Singapura tidak wujud oleh sebab kita tidak memberi keistimewaan penggunaan ruang udara oleh tentera udara Singapura semenjak 1998 sehinggalah ke hari ini dan tidak ada apa-apa rundingan yang telah dimulakan pada masa kini. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Luar memang arif bahawa sikap Singapura tidak ubah seperti sikap negara Israel di Asia Barat, kurang mesra dan kurang kerjasama dengan jiran-jirannya. Tentu Yang Berhormat arif juga bahawa politik ini seperti permainan biliard ataupun snuker. Lain yang dipukul, lain yang masuk lubang. Lain yang diminta, lain yang akan dapat. Jadi Wilayah Pembangunan 'Persekutuan' memang akan menarik pelabur-pelabur, syarikat-syarikat Singapura untuk menguasai tanah-tanah, bangunan-bangunan di Johor dalam kawasan ini dengan sah mengikut undang-undang dan internasional.

Bagaimana saya hendak tanya, langkah-langkah pencegahan supaya kedaulatan negara kita dan hak rakyat ini dapat dijaga, tidak akan terkubur dan tidaklah seperti mana kata, menang sorak, kampung tergadai nanti. Apakah kaedah yang akan diguna pakaikan dalam pemberian hak milik tanah ini dalam wilayah pembangunan ini, sama ada kaedah *leasehold*, pajakan 80 tahun, 60 tahun, ataupun provinsi kekal selama-lamanya kepada rakyat Singapura? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa cukup arif untuk memindahkan soalan. Soalannya berkenaan dengan ruang udara pergi kepada WPI dan ia tidak mempunyai hubung kait. Biar saya *respons* dengan cara begini iaitu tidak ada sesuatu yang akan dilaksanakan oleh kerajaan

kita yang akan menjejaskan kepentingan strategi dan kepentingan kebangsaan kita ataupun mengancam keselamatan dan kedudukan kita.

Segala peraturan yang dibuat adalah untuk mengawal kepentingan Malaysia dan khususnya di negeri Johor dan menentukan kedudukan rakyat tidak terpinggir oleh kerana kita membuat pembangunan. Pembangunan ini untuk kebaikan dan kita akan mengadakan peraturan yang akan mengawal kedudukan supaya ia membawa manfaat kepada keseluruhan negara dan rakyat kita.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tadi jawapannya ialah kita tidak pernah memberi ruang udara kita kepada Singapura dan kita ketahui bahawa Singapura juga mempunyai jet-jet pejuang yang handal yang terpaksa menggunakan mana-mana ruang di rantau ini atau di sekelilingnya seperti mungkin ruang udara Indonesia, Malaysia dan sebagainya.

Soalan tambahan saya ialah, apakah tindakan Malaysia sekiranya ruang udara kita dicerobohi oleh Singapura. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mengatakan bahawa soal ruang udara tidak timbul oleh kerana kita telah membatalkan ruang udara semenjak bulan September tahun 1998 dan amalan biasa dan pendekatan biasa yang kita gunakan apabila ada pencabulan ruang udara adalah untuk memberi amaran dan kalau amaran tersebut tidak diendahkan maka jet pejuang kita akan naik untuk menghalau jet pejuang tersebut daripada duduk di dalam kawasan ruang udara kita.

Selain daripada itu, kita juga akan membuat bantahan secara diplomatik. Caranya banyak. Soalnya sama ada kita hendak berperang atau hendak bertembung atau peruntukan tidak tetapi jet pejuang kita akan sentiasa mengawas dan mengawal kedudukan udara kita. Oleh itu ia dalam keadaan selamat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada pemimpin masyarakat dari Kuala Terengganu dan pelajar daripada Perak.

4. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta Menteri Penerangan menyatakan apakah kementerian mempunyai jumlah kakitangan yang mencukupi dalam menjalankan fungsinya dan berapakah jumlah daripada mereka berjawatan tetap, kontrak, sambilan dan sementara.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Penerangan termasuk jabatan dan agensi di bawahnya masih belum mempunyai perjawatan yang mencukupi bagi melaksanakan fungsi-fungsi yang dipertanggungjawabkan.

Oleh sebab itu usaha untuk menambahkan perjawatan yang sedia ada telah, sedang dan akan dilakukan. Di peringkat kementerian sendiri, usaha bagi memantapkan bahagian-bahagian termasuk penambahan jawatan sedang dilakukan di mana perakuannya telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA.

Bagi Jabatan Penyiaran Malaysia, penstrukturan semula jawatan ini bagi mewujudkan jawatan-jawatan yang diperlukan sedang dilakukan dan kertas pertimbangan mengenainya telah dikemukakan kepada JPA pada akhir bulan Jun tahun ini. Jabatan Filem Negara dan BERNAMA masih dalam peringkat kajian awalan untuk mengenal pasti jumlah jawatan yang diperlukan. Jabatan Penerangan walau pun telah melaksanakan penstrukturan pada tahun 2003 dalam mendapatkan jumlah perjawatan yang diperlukan akan tetapi dengan perkembangan semasa jumlah yang sedia ada masih tidak mencukupi. Oleh sebab itu cadangan penambahan perjawatan sedang dalam kajian jabatan.

Bagi Jabatan Hal Ehwal Khas atau JASA walaupun struktur organisasinya telah dimantapkan dengan perwujudan jawatan tetap di peringkat negeri dan juga jawatan-jawatan kontrak di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri pada tahun 2006,

JASA masih dalam kajian bagi mewujudkan jawatan-jawatan tetap dan kontrak di peringkat daerah dengan jawatan-jawatan sedia ada yang belum diisi, proses pengisian sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa dengan kerjasama JPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan lain-lain agensi yang berkenaan.

Pada ketika ini jumlah perjawatan kementerian, jabatan dan agensi adalah sebanyak 11,512 orang dengan pecahan 9,139 kakitangan tetap, 2,201 kakitangan kontrak manakala sejumlah 172 lagi merupakan kakitangan sambilan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih timbalan menteri. Kecekapan sesebuah kementerian ataupun agensi bukan sahaja terletak kepada kecukupan kakitangan. Saya tahu bahawa Kementerian Penerangan dan juga RTM dan sebagainya bukanlah badan komersial ataupun perniagaan. Namun demikian, kalau ada pun kakitangan yang mempunyai pengalaman yang baik tetapi tidak mempunyai teknologi yang moden, sudah tentulah kecekapan tidak akan wujud.

Saya hendak bertanya kepada timbalan menteri. Sekarang ini saya perhatikan masih ada banyak kelemahan dari segi logistik, dari segi teknologi moden iaitu zaman ICT dan zaman digital sekarang ini yang saya kira kementerian ini ataupun RTM masih belum boleh mengatasi badan-badan penyiaran yang lain.

Setakat ini soalan saya, berapa peratusan kementerian ini dan agensi di bawahnya telah melaksanakan sistem teknologi moden. Maksud saya, digital dan sebagainya dan jangkannya bilakah pendigitalan keseluruhan sistem dalam Kementerian Penerangan ini melalui program-program yang akan dilaksanakan yang akan membolehkan kakitangan yang walau pun tidak cukup tetapi dengan adanya teknologi moden ini boleh memperkembangkan lagi pelaksanaan program ini. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Memang Kementerian Penerangan sedar betapa pentingnya kita perlu mempertingkatkan ilmu dan pengetahuan di kalangan kakitangannya dan betapa perlunya menggunakan teknologi yang moden untuk bidang kerja dan sebagainya.

Sebagai satu contoh, RTM sedang menjalankan satu kajian atau projek perintis pendigitalan di mana selaras dengan perwujudan dan teknologi di mana dari analog sampai ke digital dan sebagainya dalam penyiaran dan produksi, memang dalam prospek projek perintis ini RTM akan mengkaji bagaimana dapat kita mengubah daripada teknologi analog ini kepada teknologi digital dan bagaimana masyarakat dapat menerima teknologi yang baru ini.

Kalau kajian perintis ini boleh dikatakan berjaya dan penerimaan oleh masyarakat dapat diterima, kita akan menjalankan projek ini ke seluruh negara selaras dengan negara-negara lain yang mana berubah daripada analog kepada digital. Dengan adanya digital ini barulah kita boleh balik kepada *high definition*, umpamanya seperti yang telah dijalankan semasa *World Cup* dan akan dilaksanakan pada Sukan Olimpik ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kerana kualiti yang menyebabkan Kementerian Penerangan lebih mementingkan kakitangan kontrak kerana mereka dibayar dengan gaji maksimum dan menyebabkan kakitangan tetap yang begitu ramai tidak ada kerja oleh kerana kebanyakan kerja telah dibuat oleh pekerja-pekerja kontrak dan ada di kalangan mereka ini terpaksa berhenti kerana hendak mengambil peluang sebagai pekerja kontrak kerana gaji maksimum yang begitu tinggi. Ada juga yang berhijrah ke stesen-stesen TV yang lain.

Maka apakah ini menyebabkan kementerian sanggup mementingkan pekerja kontrak oleh kerana tawaran gaji yang begitu tinggi sehingga menyebabkan kualiti, sehinggakan Tuan Yang di-Pertua kalau kita bercakap tentang kualiti ini, kementerian lebih mementingkan dari segi apa? Kita bukan menolak hiburan tetapi hiburan yang lebih mementingkan kepada pendidikan, modal insan umpamanya. Kalau kita lihat pada hari ini, kalau kita tengok ceramah-ceramah keagamaan, mufti-mufti yang dijemput kebanyakan berceramah secara umum.

Tetapi masanya kadang-kadang tidak sesuai. Kadang-kadang tengah malam. Kalau dibandingkan dengan saluran 9, mereka lebih mementingkan corak keagamaan mendidik anak-anak dalam pengajian agama, Quran dan wanita, untuk membina akhlak yang begitu baik.

Dulu RTM pernah melakukan program-program seperti ini. Kalau kita masih ingat barangkali Ustaz Azhari yang mengajar Quran, mengaji di radio, waktu itu tidak ada televisyen. Bagaimana ramainya peminat, penonton, pendengar mengikut program seperti ini dan juga di TV. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan kempen bahasa dalam memperkasakan lagi bidang pendidikan, jadi apakah pihak kementerian, khususnya agensi RTM ini dalam program-program untuk memartabatkan lagi nilai-nilai murni di bawah Kementerian Penerangan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan kontrak adalah kerana mereka mungkin mempunyai kepakaran yang mungkin tidak wujud pada kakitangan yang tetap dan sebagainya. Perkhidmatan kontrak kadang-kadang diambil untuk mengisi perjawatan atau jawatan kosong yang perlu diisikan dengan segera dan akan diisi buat sementara. Dengan adanya kontrak diberikan kepada artis-artis ataupun orang yang ada ilmu dan kepakaran barulah kita dapat menambahbaikkan program-program yang sedia ada, untuk menarik lebih ramai penonton ataupun audiens kepada RTM dan sebagainya. Ini selaras dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat, di mana isi kandungan RTM boleh bertambah baik untuk mengadakan lebih ramai penonton. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan kepada Kerajaan Malaysia dengan berlakunya konflik di selatan Thailand dan apakah tindakan yang selanjutnya.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas dan saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Kota Bharu pada 5 Julai 2007 oleh kerana soalan tersebut mempunyai hubung kait.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara jiran terdekat Malaysia sememangnya amat prihatin terhadap konflik yang melibatkan umat Islam di selatan Thailand, kerana perkembangan di selatan Thailand akan memberi impak kepada Malaysia. Sebagaimana Yang Berhormat juga maklum, Thailand menaruh keyakinan yang kuat terhadap kemampuan Malaysia memainkan peranan di dalam mencari jalan penyelesaian di atas isu konflik di wilayah selatan Thailand. Perkara ini terus ditegaskan oleh pemimpin-pemimpin Thailand dan baru-baru ini semasa saya membuat lawatan dan mesyuarat di Thailand, mereka terus menegaskan bahawa mereka perlu kepada bantuan Malaysia dalam mencari jalan yang terbaik bagi menyelesaikan masalah. Ini telah disebut oleh Perdana Menteri, Menteri Luar termasuk juga Raja Thailand sendiri.

Oleh kerana konflik di Thailand mempunyai impak kepada keamanan dan kestabilan rakyat Malaysia sendiri, dalam hal ini Kerajaan Thailand telah meminta bantuan Malaysia untuk mencari jalan penyelesaian terhadap konflik tersebut. Hasrat ini telah kita sambut baik dan pada 11 hingga 13 Februari 2007, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Thailand dan dalam lawatan Menteri Luar Thailand ke Malaysia pada 22 hingga 23 Mac 2007, mereka telah meminta sokongan, kerjasama Malaysia dalam bidang ekonomi, sosial dan perundangan di bawah rancangan Langkah-langkah Membina Keyakinan, dengan izin *Confidence-Building Measures*.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *joint development strategy* dengan izin, Kerajaan Malaysia giat membantu Kerajaan Thailand dalam usaha untuk membangun dan meningkatkan lagi taraf hidup dan keadaan sosial rakyat di selatan Thailand. Antara bantuan yang telah dihulur oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Thailand adalah seperti berikut:

- (i) di bawah program latihan JDS seramai 34 orang belia daripada selatan Thailand telah pun mengikut latihan vokasional di Pusat Giat Mara semenjak 8 Januari 2007 dan akan disusuli dengan 16 orang belia lagi pada Julai 2007 ini. Lawatan seramai 30 orang belia daripada selatan Thailand yang beragama Islam dan Buddha ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kedah pada 22 dan 25 Januari 2007 untuk melihat sendiri keharmonian masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama di Malaysia serta perlunya kestabilan politik dan ekonomi yang dinikmati oleh rakyat Malaysia;
- (ii) melatih 30 orang belia Islam dari selatan Thailand dalam bidang teknikal dan komputer selama tiga bulan di Institut Teknologi Perak mulai dari April 2007;
- (iii) membawa seramai 40 orang imam dan guru-guru agama dari selatan Thailand ke Malaysia untuk lawatan selama seminggu pada 15 Mei 2007, bagi mempelajari dan melihat sendiri pembelajaran dan pendidikan sekolah-sekolah agama kerajaan dan persendirian serta sistem perguruan sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk membantu dalam menyediakan kurikulum pelajar sekolah yang menerapkan pendidikan Islam dan *tertiary* dalam kurikulum persekolahan di selatan Thailand. Malaysia juga bersedia untuk memberi latihan kepada guru-guru agama dari selatan Thailand di Malaysia, di samping menempatkan pelajar-pelajar di selatan Thailand, sekolah agama serta pemberian biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi di Malaysia.

Dalam aspek perundangan, Malaysia telah bersetuju untuk membantu Kerajaan Thailand bagi mempelajari undang-undang syariah dan memahami dengan lebih mendalam tentang konsep dan pendekatan Islam Hadhari, untuk diguna pakai oleh masyarakat Islam di selatan Thailand. Adalah diharapkan strategi Kerajaan Thailand untuk meningkatkan lagi program pembangunan sosioekonomi di kawasan persempadanan dengan kerjasama Malaysia akan berjaya memenangi hati dan minda masyarakat Islam di Thailand pada masa akan datang. Kerajaan Malaysia percaya bahawa Kerajaan Thailand mempunyai tanggungjawab dan mempunyai kemampuan untuk membantu dan menenangkan dan menyelesaikan masalah dan pergolakan di selatan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas, ada lagi?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang begitu panjang daripada Yang Berhormat Menteri Luar kita. Saya menyokong apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia, tetapi apa yang berlaku sekarang ini di selatan Thailand di mana konflik ini berlarutan, pembunuhan berlaku di mana-mana, di jalan-jalan raya, di pondok-pondok, di rumah-rumah orang Islam di selatan Thailand. Walaupun kita telah mengambil langkah-langkah tertentu tetapi di sana masih berlaku dan terus berlaku. Kita nampak bahawa umat Islam dizalimi dan dianiyai.

Cadangan saya, ataupun apakah pandangan Yang Berhormat, kita sebagai sebuah negara yang mengepalai negara OIC, di mana Thailand juga mempunyai keperluan dengan negara OIC. Rakyat Thailand di Saudi berpuluh-puluh ribu, rakyat Thailand di Qatar, di negara-negara 'khaligh' - negara-negara Teluk berpuluh-puluh ribu dan begitu juga dengan orang Thailand di sini, yang duduk di Malaysia misalnya. Apakah kita tidak boleh mengambil pendekatan dengan mengguna... barangkali Thailand ini, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh '*naam*' di hadapan kita, dia boleh kata "Ya" di hadapan kita, tetapi di belakang kita lain yang dia buat.

Jadi, apakah Yang Berhormat cuba mengambil pendekatan dengan menggunakan OIC ini bukan bekerja secara persendirian. Saya cadangkan dan saya minta daripada Yang Berhormat supaya gunakan OIC supaya menekan Thailand, supaya dia berhentikan dengan segera penganiayaan kepada umat Islam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada lompang dari segi kefahaman terhadap tindakan Malaysia. Di dalam hal ini kita tidak bertindak bersendirian dan apabila ada kezaliman yang berlaku dengan secara tidak saksama dan tidak adil, kita telah menegur Kerajaan Thailand dan mengambil tindakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat OIC sendiri di atas usaha-usaha dan jalinan yang kita lakukan, OIC sendiri telah menghantar dua pasukan penyiasat untuk melihat tindakan dan usaha-usaha Kerajaan Thailand bagi menentukan mereka dapat membawa keselamatan dan menjamin kestabilan di selatan Thailand. Oleh itu segala usaha diambil dan beberapa saranan yang kita buat dan kita lakukan, ada kalanya kita bercakap secara terbuka, tetapi ada kalanya untuk tujuan-tujuan tertentu kita lakukan secara senyap-senyap tetapi ia terus dilakukan. Apa juga tindakan yang akan dapat membantu masyarakat Islam di Thailand telah kita ambil dan terus ambil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bersetuju kalau saya mengatakan cara ataupun *approach* Kerajaan Malaysia terhadap umat Islam selepas ini seolah-olah memberi satu semangat baru iaitu melemahkan semangat perjuangan umat Islam semata-mata dengan mengambil belia-belia Islam ke Malaysia ini dan memberi satu motivasi supaya umat Islam ini tidak berjuang untuk mendapat kemerdekaan atau mendapat hak mereka di Selatan Thailand.

Kedua, adakah kerajaan sedar apakah motif sebenarnya Kerajaan Malaysia telah memberi kesanggupan untuk memberi kerjasama dengan Kerajaan Thailand untuk mendedahkan terdapat beberapa ribu rakyat terutama sekali orang Melayu Selatan Thai yang mempunyai dua kerakyatan sehingga menyebabkan kegelisahan berlaku di kalangan umat Islam dan orang Melayu Selatan Thai, hasil daripada pendedahan Kerajaan Malaysia kononnya untuk memberi kerjasama kepada Kerajaan Thailand yang selama ini telah pun mengetahui lebih daripada Kerajaan Malaysia tentang dua kerakyatan yang berlaku di Selatan Thai.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau kita ambil *approach* yang PAS lakukan, banyak rakyat Islam Thailand akan menjadi mangsa dan mereka akan berpindah ke negara kita.

Jadi kita kena ambil tindakan yang bijak bukan dengan mengikut emosi, tetapi di masa yang sama kita tegas dalam soal mempertahankan keadilan dan kemanusiaan. Bukan soal bercakap, kita ambil tindakan.

Yang Berhormat boleh bercakap dan boleh mengatakan macam kita tak buat, tak cukup dan melemahkan motivasi.

Sedangkan apa yang dibuat apabila kita melihat umat Islam di sana tidak mempunyai pembangunan ekonomi, tidak mempunyai peluang pekerjaan, tidak mempunyai peluang untuk pendidikan. Bukankah ilmu itu dituntut oleh agama kita sendiri untuk menentukan kedudukan yang adil dan saksama bagi masyarakat kita.

Jadi saya menganggap Yang Berhormat selaku wakil rakyat daripada PAS seharusnya mengambil tindakan yang bertanggungjawab di dalam hal ini, bukan menyusahkan untuk kita mencari keadaan di mana keamanan dan kestabilan dapat diwujudkan di sana untuk kepentingan masyarakat Islam di sana. Terima kasih.

6. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimanakah dengan situasi atau kedudukan aliran masuk pelaburan asing (*Foreign Direct Investment*) ke Malaysia sekarang dan jelaskan sejauh manakah FDI itu telah membantu pemulihan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2006 telah mencatat jumlah pelaburan yang tertinggi setakat ini. Sejumlah 571 projek dengan penyertaan asing bernilai RM20.2 bilion telah diluluskan.

Pelaburan asing pada tahun 2006 adalah tertumpu di dalam industri berikut:

- (i) produk elektrik dan elektronik dengan pelaburan bernilai RM8.6 bilion;
- (ii) kimia dan produk kimia dengan pelaburan RM3 bilion; dan
- (iii) produk logam asas dengan pelaburan RM2.3 bilion.

Sumber utama pelaburan asing pada tahun 2006 adalah:

- (i) Jepun dengan pelaburan RM4.4 bilion;
- (ii) Belanda dengan pelaburan RM3.3 bilion;
- (iii) Australia dengan pelaburan RM2.6 bilion;
- (iv) Amerika Syarikat dengan pelaburan RM2.5 bilion; dan
- (v) Singapura dengan pelaburan RM1.9 bilion.

Pelaburan asing disalurkan ke dalam negara mempunyai peranan yang penting bagi membantu perkembangan ekonomi negara. Projek perkilangan yang menerima pelaburan asing merupakan projek yang berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan membantu dalam perkembangan keupayaan R&D negara.

Berdasarkan kajian MITI, adalah didapati FDI mempunyai impak yang besar ke atas pertumbuhan dan perubahan struktur ekonomi Malaysia dari segi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, eksport kreativiti dan kecekapan dan pemindahan teknologi.

Kajian ini menunjukkan peningkatan 1% dalam FDI mengakibatkan peningkatan sebanyak 0.02% dalam KDNK sebenar. Dalam jangka masa pendek, peningkatan 1% dalam FDI dikaitkan dengan peningkatan eksport sebanyak 0.04% dan sebanyak 0.52% dalam jangka masa panjang.

Sumbangan positif FDI dalam industri berteknologi dan nilai tambah tinggi seperti E&E, produk petroleum, peralatan pengukuran, profesional dan saintifik serta jentera dan kelengkapan.

FDI adalah pemangkin bagi peningkatan produktiviti dan kecekapan melalui peningkatan modal dan produktiviti guna tenaga purata serta kos unit guna tenaga yang lebih rendah, menggalakkan pemindahan teknologi dan pembangunan industri sokongan termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Sehingga Jun 2007, sejumlah 605 IKS telah dirangkaikan kepada syarikat multinasional dan syarikat-syarikat besar menerusi program SMIDEC. Pelaburan bagi aktiviti R&D, pusat pembangunan produk dan kemudahan penambahbaikan proses untuk memenuhi pembangunan operasi global mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kapiti.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapiti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu.

Saya minta penjelasan, sila nyatakan lima buah negara pelaburan asing yang terbaru bukan yang tradisi, yang selalu melabur di Malaysia, negara-negara yang baru dalam masa tiga tahun kebelakangan ini. Juga jelaskan industri atau bidang yang mana yang paling digemari oleh pelabur-pelabur asing itu.

Nyatakan sebab-sebab utama mengapa pelaburan asing keluar dari Malaysia, kalau ada dan ke negara manakah mereka lebih suka berpindah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sila nyatakan peratusan pelaburan dari negara Amerika Syarikat, United Kingdom dan Singapura masing-masing berbanding peratusan keseluruhan pelaburan asing di Malaysia dalam tahun 2005 dan tahun 2006? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, senarai negara-negara baru maksudnya negara-negara yang baru mula melabur di negara kita saya tidak ada, tapi seperti mana yang saya nyatakan tadi antara negara-negara terbesar yang telah saya jawab iaitu negara-negara Jepun, Belanda, Australia, Amerika Syarikat dan Singapura.

Manakala negara secara tradisi memang melabur secara besar. Sasaran di negara kita ialah Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Netherlands. Dari segi sektor utama adalah E&E (*electrical and electronic*) sebanyak 56%, *chemical* dan *chemical products* sebanyak 11%, *food manufacturing* sekarang bidang yang telah meningkat iaitu 84%, *paper and printing*, *transport equipment* dan seterusnya.

Mengapa keluar - saya tidak mempunyai statistik yang terkini mengenai syarikat yang keluar daripada negara kita tapi berdasarkan kepada statistik pada tahun 2005, sebanyak 22 buah syarikat telah keluar. Ini melibatkan 0.6% daripada keseluruhan projek pada tahun 2005 iaitu 3,629 projek.

Dari segi pelaburan iaitu yang menjejaskan pelaburan sebanyak RM200 juta iaitu 0.26% daripada jumlah pelaburan syarikat beroperasi dari tahun 2000 hingga 2005 iaitu sebanyak 77.1%. Sebab-sebabnya jelas kerana Malaysia bukan lagi sebuah negara yang berintensifkan kepada buruh. Jadi syarikat-syarikat yang berintensifkan buruh akan keluar termasuk syarikat-syarikat kita sendiri.

Malah kita galakan syarikat-syarikat kita *still* dalam *tekstil* yang *lower-end* untuk berpindah dan kerajaan menyediakan pembiayaan untuk pemindahan tersebut. Mereka akan ke Vietnam dan juga ke Cambodia. Pelaburan di syarikat-syarikat UK dan Singapura telah saya jelaskan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam perubahan dunia yang berlaku sekarang, kita telah melihat bahawa Malaysia tidak lagi menjadi pilihan kepada *labour* intensif dan *cheap labour force* datang melabur ke negara kita.

Dalam ini saya percaya Yang Berhormat yang baru balik daripada Harvard University, mengkaji soalan perubahan dan macam mana kerajaan *handling the situation*. Dalam keadaan sedemikian, apakah ciri-ciri baru yang diperlukan oleh pelabur yang perlu kita atasi dan kita perlu sediakan dan apakah tindakan kementerian untuk memberi maklumat ini kepada pihak-pihak yang lain selain daripada kementerian itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar segi konteks persekitaran sekarang ini, kita berhadapan dengan persaingan yang besar daripada negara China, India dan negara-negara ekonomi membangun yang lain. Jadi untuk menghadapi persoalan ini, kita melihat daripada *approach* yang menyeluruh. Pertama kita melihat dari segi pembesaran pasaran melalui WTO, ASEAN, ASEAN-China, ASEAN-Jepun dan sebagainya serta FTA.

Kemudian kita lihat dari segi dasar-dasar pelaburan kita, kita telah meliberalkan dasar pelaburan. Untuk *manufacturing* kita telah buka sepenuhnya pada ekuiti asing untuk mengambil 100% pelaburan.

Manakala bidang perkhidmatan kita buka secara apa yang kita panggil *gradual and progressive*. Kita buka itu supaya ini akan menjadikan *environment* kita, *enabling environment* untuk pelabur luar masuk. Kemudian kita lihat dari segi *institutional support*. Kita tahu kita telah tubuhkan PERMUDAH dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara

dan sektor swasta. Antara lain untuk melihat *delivery system* kita bertaraf dunia. Ini akan menyokong dari segi meningkatkan *competitiveness* ekonomi kita.

Kemudian kita ada program-program lain melalui MITI, kita ada PICU (*Project Implementation Coordination Unit*) dan sebagainya. Apa Yang Berhormat nyatakan tadi dari segi label intensif, *in tempting intensive* dan *high tech technology*. Kita menekan kepada *total factor productivity* kerana mana-mana syarikat yang berintensifkan modal dan teknologi, mereka mahu *environment* yang mempunyai *total factor productivity* yang tinggi.

Di sinilah di mana kita tahu jikalau pada tahun 1994 hingga tahun 2004, pertumbuhan TFT kita 1.8% menyumbang 28.4% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Bagi tahun 2006 hingga 2010 sasaran kita adalah peningkatan 2.2% dan sasaran 35.8%.

Kita ada insentif-insentif dan sebagainya. Malah sekarang seperti mana Yang Berhormat nyatakan, bukan mudah untuk mendapat pelaburan di sini. Jadi kita menggunakan pejabat MIDA di luar negara kepada peringkat kita kenal pasti manakah syarikat-syarikat besar di negara-negara maju ini hendak berpindah. Kita pergi secara *personalize*. Kita pergi *personalize*, kita akan berunding dengan mereka dan kita akan *customize* insentif mengikut keperluan mereka di bawah jawatankuasa pelaburan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Kita akan bagi *customize* untuk projek-projek strategik. Jadi, melalui proses ini semua kita dapati bahawa pengaliran masuk FBI negara kita makin tahun makin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput soalan Yang Berhormat dari Jerai.

7. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] minta Perdana Menteri menyatakan pihak JAKIM telah mengadakan garis panduan mengenai pakaian untuk artis-artis yang hendak disiarkan melalui stesen-stesen televisyen. Namun garis panduan ini telah tidak digunakan. Apakah kerajaan atau JAKIM tidak boleh mengambil tindakan terhadap artis-artis dan stesen-stesen televisyen yang tidak mengikut garis panduan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Jerai kerana soalan yang telah dikemukakan oleh beliau.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku agensi pusat yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam berusaha untuk memberikan perkhidmatan dan pengurusan yang berkualiti melalui usaha penyelarasan dan peningkatan mutu perkhidmatan dalam berbagai bidang seperti dakwah, penyelidikan, perundangan, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Berhubung pematuhan terhadap Garis Panduan Berpakaian atau lebih tepat lagi yang dikeluarkan oleh JAKIM ialah Garis Panduan Hiburan Dalam Islam. Di dalamnya ada tentang pakaian. JAKIM tidak boleh mengambil tindakan terhadap artis atau stesen-stesen televisyen yang tidak mengikut garis panduan tersebut. Ini kerana garis panduan yang dikeluarkan hanya sebagai panduan serta rujukan kepada seluruh penggiat hiburan khususnya dan masyarakat awam umumnya, dalam memastikan aktiviti hiburan yang dijalankan menepati piawaian yang ditetapkan oleh ajaran agama Islam. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia melalui Kementerian KeKKWa sedang mempertingkatkan budi bahasa, budaya Malaysia, sopan santun, termasuklah pakaian yang melambangkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan konsep Hadhari yang kita perkenalkan.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Datuk Menteri, sama ada pihak JAKIM, pihak 'Kementerian Tenaga Air', pihak Kementerian Penerangan dan media-media televisyen dan sebagainya ini, dapat duduk bersama untuk kita mencari satu garis panduan

hiburan yang sesuai untuk tatapan rakyat Malaysia supaya kita membentuk nilai insan yang lebih beradab, lebih tertib.

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, penyanyi, pelakon kita pakai baju kain tidak cukup. Dedah di sana, dedah di sini kerana pakai itu sampai terlampau ketat macam kita bubuh sarung buah cempedaklah. Jadi, ini tidak melambangkan kebudayaan Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah Yang Berhormat Datuk Menteri boleh menasihati kementerian-kementerian ini supaya berpakat sejajar dengan Islam Hadhari yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Terima kasih Tuan yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat daripada Jerai dalam soalan tambahannya. Sebenarnya kalau hendak kira dari segi nasihat, memang nasihat adalah di antara kerja-kerja yang dijalankan oleh JAKIM. Setakat ini pihak JAKIM telah mengeluarkan 40 garis panduan dalam berbagai-bagai bidang. Garis panduan ini dari segi statusnya ialah nasihat sebenarnya. Jadi, misalnya di antara yang terbaru ialah Garis Panduan Hiburan Dalam Islam, dan saya minta JAKIM edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormatlah yang terbaru.

Di antara yang terbaru ialah Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah di *International Space Station* (ISS) iaitu Stesen Angkasa Antarabangsa dan juga banyak lagi. Ada 40 nasihat yang telah pun dikeluarkan oleh pihak JAKIM kepada pihak-pihak yang tertentu, yang ada mempunyai kuasa. Dalam soal berpakaian dan juga dalam soal hiburan ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat bagi Jerai telah menyebut tadi, kuasa ada pada Kementerian Penerangan iaitu dia jaga RTM1, RTM2. Kuasa ada pada KTAK iaitu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi iaitu jaga TV-TV swasta dan sebagainya. Jadi boleh.

Saya difahamkan mereka telah pun mengadakan jawatankuasa bersama untuk memikirkan bagaimana untuk mengatasi keadaan tadi yang terdiri daripada Kementerian Penerangan, Kementerian KTAK dan juga kementerian-kementerian lain yang ada kaitan. Jadi, nasihat itu saya rasa kita buat daripada semasa ke semasa. Kalau sangat berleluasa, kita akan pergiatkan nasihat itu. Sekian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya berpandangan garis-garis panduan yang disediakan oleh pihak JAKIM ini memang dialu-alukan. Namun untuk supaya kerja kita lebih objektif, maka saya kira ataupun ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah ukuran? Apakah *measurement* yang ada pada pihak kementerian, pihak JAKIM terhadap pelanggaran garis-garis panduan oleh pihak stesen-stesen televisyen ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih terhadap soalan yang telah pun dikemukakan. Dalam Garis Panduan Hiburan Dalam Islam ada sedikit disebut dengan jelas iaitu di halaman 13, dari segi persembahan artis di bawah sub tajuk Persembahan Artis - berpakaian kemas, sopan dan tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksploitasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam. Itu di antara yang *dinaskan* ataupun yang telah pun disebut dengan jelas.

Di samping itu, boleh diperkukuhkan lagi dengan kesalahan perlakuan lucah di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan. Akta ini yang kita sama-sama bincang dalam Dewan yang mulia ini dan telah pun dipersetujui sebagai Akta Wilayah Pentadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan dan juga di negeri-negeri lain ialah Enakmen.

Di antaranya menyebut dengan jelas, mengikut Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, Akta 559 di bawah seksyen 29 menyebut "...mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan kesalahan dan apabila disabit boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya."

Itu kuasa yang diberi oleh Parlimen kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Disebut dengan jelas juga iaitu, yang bercanggah ataupun yang bertentangan dengan hukum syarak ini ialah:

- (i) mendedahkan aurat, menjolok mata, mendedahkan paha, dada, payudara dan kemaluan;
- (ii) berpakaian yang terlalu jarang yang boleh menampakkan tubuh yang tidak wajar didedahkan;
- (iii) berpelukan, bergesel, dan meraba. *[Dewan Ketawa]* Itu saya baca memang peruntukan pun ada ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Perhabiskan. *[Ketawa]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: *[Ketawa]* Bercium dan bercumbu, berasmara melakukan perbuatan loya. Jadi ini di antara apa yang kita sudah bersetuju dalam Dewan yang mulia ini telah dijadikan akta bagi Wilayah Persekutuan. Jadi saya rasa kita akan pergi kepada pelaksanaan undang-undang ini sekiranya terlalu berleluasalah. Jadi kita gunakan pendekatan kita ialah pendekatan nasihat. *[Membaca sepotong hadis]* Agama Islam itu, kata nabi memberi nasihat. Banyakkan nasihat-nasihat, kita akan keluarkan garis panduan dari semasa ke semasa supaya kita mendidik masyarakat, supaya mereka akan mematuhi ajaran-ajaran agama Islam, bagi masyarakat Islam. Sekian.

8. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah 'climate change' selari dengan kehendak perjanjian Kyoto *Protocol*.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sarikei, pada 4 Julai 2007 kerana kedua-dua soalan berkenaan hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perubahan iklim dan kepanasan sejagat ditangani di peringkat antarabangsa melalui perjanjian alam sekitar pelbagai hala yang dikenali sebagai Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim atau UNFCCC (*United Nations Frame Work Convention on Climate Change*) dengan izin. Di bawah konvensyen ini, Protokol Kyoto digubal bagi menggariskan secara terperinci sasaran pengurangan pelepasan gas-gas rumah hijau, *green houses gases* (GHG) dengan izin, yang perlu dipatuhi oleh kebanyakan negara maju. Malaysia telah menjadi peserta kepada konvensyen ini pada bulan Julai 1994, dan peserta kepada Protokol Kyoto pada September 2002. Malaysia sebagai sebuah negara membangun, maaf. Sebagai negara yang membangun, Malaysia tergolong dalam kumpulan negara bukan *annexe* satu iaitu negara-negara yang tidak ditetapkan sasaran pengurangan terhadap pelepasan GHG tadi. Walaupun begitu Malaysia sentiasa memainkan peranan yang proaktif di dalam perbincangan di peringkat antarabangsa dan melaksanakan projek-projek *clean development mechanized* (CDM) dengan izin yang merupakan salah satu mekanisme di bawah Kyoto *Protocol* yang bertujuan mengurangkan pelepasan GHG melalui penyertaan negara *annexe* satu sebagai pelabur, dan pembeli karbon dan negara bukan *annexe* satu sebagai pelaksana projek.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menjadi peserta kepada lebih daripada 22 perjanjian pelbagai hala mengenai alam sekitar dan Malaysia telah dan akan terus terlibat secara aktif di dalam kesemua perjanjian tersebut, dan untuk menangani pemanasan global, kerjasama dan penglibatan semua negara amat mustahak dan penting. Tidak berkecuali sama ada negara maju atau negara membangun. Justeru Malaysia akan terus memainkan peranan di dalam memastikan masyarakat negara ini memahami isu pemanasan global serta kesannya ke atas kehidupan seharian, dan jika Malaysia dapat memberikan komitmen dan mengambil langkah-langkah perlu dalam mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau, negara maju juga perlu berbuat sesuatu untuk mengurangkan pelepasan gas-gas tersebut untuk membantu negara-negara membangun

dari segi kewangan, teknikal dan kepakaran bagi mengurangkan kesan daripada gejala ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, salah satu matlamat Kyoto Protocol adalah untuk mengurangkan pengeluaran *green house gases* dan cara yang terbaik untuk mengurangkan *green house gases* ini adalah dengan menggunakan tenaga yang bersih ataupun menggunakan tenaga dengan lebih efisien. Jadi soalan tambahan saya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih efisien atau pun penggunaan tenaga yang bersih ini. Sekian terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Mengenai tenaga yang digunakan sebagai salah satu penyumbang yang terbesar, kerajaan telah memulakan, yang pertama sekali iaitu pergantungan kita kepada minyak dan rabatu. Iaitu mengenal pasti sumber hidro, gas dan juga tenaga yang diperbaharui atau pun RE (*Renewable Energy*) bagi keperluan tenaga dan kita juga mempunyai dasar kepelbagaian bahan api kelima (*fifth fuel diversification policy*) yang telah digubal untuk menuju ke arah ini dan kita juga telah pun pada 1 April baru ini, menguatkuasakan penggunaan bahan api petrol kepada Euro 2M. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menjawab. Saya hendak tanya kerana apa yang telah dikatakan Malaysia akan cuba menggunakan hasil sumber tenaga yang bersih, tetapi dalam akhbar *The Star* hari Isnin, sebuah laporan mengenai projek penjana arang dengan izin *coal fired power plant* di Silam, Sabah yang bernilai RM1.3 bilion. Projek tersebut dikatakan penuh kontroversi Tuan Yang di-Pertua dan ditentang oleh penduduk kerana ia boleh menjejaskan kesihatan manusia selain daripada mengeluarkan *sulphur dioxide* yang menyebabkan *hujan asid* dan *particle soot* dan karbon yang boleh menambah kepada gas *green house*, I mean GHG tadi itu dan pemanasan global. Bolehkah pihak Kementerian menjelaskan bagaimana projek seperti yang kita dapat di Silam ini boleh menjejaskan lagi dan kredibiliti Malaysia mengikut perjanjian Kyoto?. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sepengetahuan saya, projek tersebut dimulakan dalam lima, enam tahun yang lepas. Semasa itu permohonan yang dibuat dan sebagainya kita berdasarkan kepada teknologi semasa, laporan EIA yang dibuat mengikut keadaan semasa. Jadi apabila isu *global warming* ini timbul pada yang terdekat ini, banyak projek yang dirancang dan diluluskan pada masa dahulu lagi terpaksa kita membuat penilaian semula dan untuk projek ini pun kita akan *review* balik dari segi kelulusan dan melihat mekanisme mana yang boleh mengurangkan pengeluaran gas-gas berlebihan terhadap alam sekitar kita. Terima kasih.

9. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah rancangan terkini tentang '*congestion pricing*' Kuala Lumpur untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat bagi Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan satu bengkel mengenai *congestion pricing* pada 9 Mac 2007. Bengkel tersebut disertai oleh pihak persatuan-persatuan penduduk, NGO-NGO berkenaan, ahli-ahli profesional dan termasuk juga wakil-wakil rakyat. Pandangan yang telah dikemukakan semasa bengkel tersebut adalah lebih tertumpu pada penyelesaian masalah kesesakan lalu lintas dan memperbaiki sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Pada masa ini, cadangan *congestion pricing* ini masih dalam peringkat kajian pihak DBKL. Keputusan atau ketetapan untuk melaksanakan cadangan tersebut masih belum dibuat lagi. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Segambut.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya hendak minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang masalah ialah kesesakan kereta yang kita sudah menghadapi tiap-tiap hari. Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mencadangkan mengimplicasikan konsep *park and ride* ini sebab kerajaan masih ada banyak tanah di sekeliling Kuala Lumpur. Sebagai contohnya Sungai Besi, Jalan U-Thant, Jalan Cochrane, Jalan Duta dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Segambut. Sebenarnya untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, telah ada satu Jawatankuasa Kabinet yang di ketuai oleh Kementerian Kewangan. Jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Integrasi Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang atau INSPAK.

Ini memang ada kajian akan dibuat oleh jawatankuasa ini termasuk *park and drive* dan juga menaik taraf segala pengangkutan awam di Lembah Klang. Oleh itu, *congestion pricing* hanya salah satu pendekatan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur sahaja. Buat masa kini memang DBKL akan memberi pandangan dan kemukakan ke kementerian dan akan dikemukakan ke Jawatankuasa INSPAK ini untuk dikaji dengan sedalam-dalamnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya dari Sungai Petani, tetapi saya banyak di Kuala Lumpur. Cuma kita dengar selalunya jawapan ialah kita akan buat kajian, kita akan kemukakan kepada kementerian, kita akan buat itu dan ini. Saya hendak tahu Yang Berhormat, tidak adakah satu kajian yang konkrit untuk perkara dan apakah pandangan Yang Berhormat mengenai dengan selalu berlaku apabila hampir hendak hujan, *congestion* cukup dahsyat berlaku dalam Kuala Lumpur. Boleh Yang Berhormat jelaskan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian, Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat memang memandang serius tentang kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, sebab memang Kuala Lumpur ada berhasrat hendak menjadi satu bandar raya yang bertaraf dunia pada tahun 2020. Oleh itu, satu jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji secara menyeluruh tentang pengangkutan di Kuala Lumpur.

Oleh itu, jawatankuasa ini diketuai oleh Kementerian Kewangan, sekretariat adalah Kementerian Pengangkutan di mana Kementerian Wilayah Persekutuan adalah salah satu anggota dalam jawatankuasa ini. Kajian yang dibuat oleh jawatankuasa ini telah mengambil beberapa pendekatan termasuk melaksanakan penyusunan semula struktur industri pengangkutan awam di Lembah Klang supaya lebih cekap dan berdaya maju.

Selain itu, sistem perkhidmatan bas akan diperingkatkan dan kemudahan-kemudahan seperti perhentian bas, teksi, terminal bas, rangkaian siar kaki berteduh dan lain-lain yang telah disediakan dan akan diperbanyakkan lagi. Memang kerajaan dan DBKL faham tentang kesesakan lalu lintas semasa hujan dan sebelum hujan. Ini memang sudah dikenal pasti 10 tempat, *black spot* dan sedang mengambil tindakan untuk mementingkan tempat-tempat yang disebutkan itu. Sekian, terima kasih.

10. Dato' Abdul Rahman Bin Ariffin [Jerlun] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar bahawa pembinaan kemudahan-kemudahan asas sukan di kawasan luar bandar belum lagi dilaksanakan; dan
- (b) apakah langkah-langkah kementerian bagi memastikan kemudahan-kemudahan sukan ini dibina dengan kadar segera terutamanya di kawasan Parlimen Jerlun.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan nombor 10 bersekali dengan soalan Yang Berhormat Subang yang bertarikh 5 Julai 2007 kerana ia ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyedari keperluan membina kemudahan sukan di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian merancang membina 50 buah kompleks sukan komuniti di seluruh negara bernilai RM3 juta setiap satu dan 300 gelanggang sukan pelbagai guna bernilai RM100 ribu setiap satu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 30 kompleks sukan komuniti telah pun diserahkan kepada JKR untuk dilaksanakan. Pembina awal untuk pakej pertama telah pun bermula dengan kos keseluruhan sebanyak RM22.6 juta.

Bagi gelanggang sukan pelbagai guna, pelaksanaan projek ini juga di dalam pelaksanaan. Di negeri Kedah, terdapat 19 lokasi di buat mengikut kawasan DUN. Bagi kawasan Parlimen Jerlun, kawasan DUN Kota Seputeh dan Ayer Hitam, kedua-duanya telah tersenarai untuk dibangunkan gelanggang sukan pelbagai guna. Kementerian sedang mengambil tindakan segera untuk mengadakan tender terhad agar projek ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

Seterusnya, berhubung dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Subang, saya ingin maklumkan bahawa buat masa ini, pihak kementerian telah pun meluluskan satu gelanggang sukan pelbagai guna di kawasan Paya Jaras. Gelanggang ini diletakkan di bawah pakej zon tengah dan dijangka mula dibina pada bulan Julai ini juga. Gelanggang ini boleh digunakan untuk sukan bola keranjang, bola tampar dan sepak takraw. Terima kasih.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Asas memang ada, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah meluluskan dua kompleks sukan berkenaan di Parlimen Jerlun. Cuma pendapat saya di sini, bila saya sebutkan kemudahan asas sukan, yang tadi itu merupakan kemudahan asas juga, tetapi asas yang macam itu ia tidak menjurus terus kepada akar umbi.

Saya ambil contoh, tidak bolehkah kita adakan daripada kementerian keluarkan satu terma rujukan kepada Ahli Parlimen ataupun kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri ataupun Daerah supaya diadakan satu kompleks sukan, sukan yang popular, ada sukan popular dan sukan prestasi tinggi. Kita ambil sukan popular, katakan takraw. Apakah terma rujukan gelanggang takraw yang perlu dibina dalam Parlimen Jerlun, contohnya. Kita kena adakan *design*, kita kena adakan modus operandi operasi dan supaya semua gelanggang takraw yang dibina dalam Parlimen Jerlun yang berharga RM3 ribu berselerak dapat disatukan di situ kepada satu pemangkin (*catalyst*) kepada penggunaan dan juga menjadualkan permainan-permainan supaya mereka yang tidak boleh menggunakan kompleks sukan tadi dapat gunakan sebagai satu perwujudan sukan yang lebih aktif, maksud saya. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Okey. Terima kasih Ahli Parlimen Yang Berhormat Jerlun yang memberi cadangan berhubung dengan pelan struktur kemudahan asas sukan di kawasan akar umbi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada Kementerian Belia dan Sukan, kerajaan negeri dan PBT juga membantu membangunkan infrastruktur kemudahan sukan di kampung-kampung dan juga di taman-taman di tempat kediaman. Kebanyakan infrastruktur ini penyelenggaraannya adalah di bawah PBT dan tentang cadangan tersebut, kita akan mengambil tindakan untuk bekerjasama dengan PBT agar sama-sama kita dapat memastikan bahawa gelanggang-gelanggang yang dibina di kawasan kampung akar umbi dapat diguna pakai dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Seperti yang dikatakan sebanyak 50 buah kompleks sukan komuniti akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, tetapi saya percaya akhirnya, seluruh kawasan Parlimen akan mempunyai kemudahan kompleks sukan komuniti ini.

Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian mempunyai garis panduan tertentu atau kriteria-kriteria tertentu di dalam memilih kawasan-kawasan yang diutamakan pembinaan kompleks sukan komuniti ini jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pagar. Berhubung dengan kompleks sukan komuniti, tapak-tapak telah pun dikenal pasti di kesemua kawasan-kawasan dan kebanyakannya kawasan-kawasan Parlimen Yang Berhormat Menteri dan juga Ketua Menteri dan juga Menteri Besar telah pun dikenal pasti dan juga di kawasan-kawasan yang amat memerlukan kompleks sukan komuniti tersebut. Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ada 50 buah dan kita harap memang dalam perancangan kita untuk memperluaskan lagi pembinaan ini kerana kompleks ini memang mendatangkan banyak manfaat untuk penduduk-penduduk setempat menjalankan aktiviti sukan dalaman kerana kompleks ini adalah kompleks yang tertutup yang membolehkan anak-anak kita bermain walaupun musim hujan.

Seperti yang dikatakan, kita akan cadangkan dalam *mid term review* ataupun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal jawab lisan ditamatkan sekarang.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**LARANGAN PENYIARAN UCAPAN PEMIMPIN PARTI
PEMBANGKANG DI STESEN TV DAN RADIO SWASTA**

11.30 pg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan hormatnya, saya Ahli Parlimen Cheras ingin mengemukakan satu Usul di bawah Perkara 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan satu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan iaitu arahan bertulis Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Dr. Halim bin Shafie bertarikh 7 Jun 2007 kepada semua stesen TV dan radio swasta, melarang mereka menyiarkan ucapan daripada pemimpin parti pembangkang.

Suruhanjaya menyebut bahawa pihak kerajaan mendapati beberapa stesen TV dan radio swasta telah menyiarkan ucapan daripada pemimpin parti pembangkang dan semua stesen TV dan radio hendaklah menghentikan siaran sedemikian di masa akan datang. Menurut surat itu lagi, mereka diminta melaksanakan serta-merta arahan tersebut. Perkara ini tertentu, kerana kebebasan bersuara dan kebebasan mendapatkan maklumat adalah hak asasi rakyat yang dijamin dalam Perlembagaan negara.

Maka langkah melarang stesen TV dan radio menyiarkan ucapan pemimpin pembangkang adalah langkah menyekat kebebasan demokrasi, mendapatkan serba serbi maklumat. Rakyat mempunyai hak untuk mengetahui apa juga isu yang bersangkutan dengan mereka dan negara.

Perkara ini adalah berkepentingan orang ramai kerana larangan penyiaran ucapan pemimpin pembangkang bukan sahaja satu pencabulan hak asasi manusia tetapi ia satu sekatan ke atas kebebasan dan profesionalisme media massa sendiri yang sepatutnya berperanan adil dan bebas dalam laporannya. Walhal rakyat perlu mendapat maklumat yang tepat, betul dan adil, baik yang disampaikan oleh pemimpin kerajaan malah juga daripada pemimpin-pemimpin pembangkang. Jika rakyat hanya didedahkan dengan maklumat yang disampaikan oleh parti pemerintah tetapi dalam masa yang sama menyekat

maklumat pembangkang sampai ke tangan rakyat, maka ia suatu penafian hak rakyat untuk mengetahui. Maka arahan itu merupakan satu diskriminasi ke atas rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ia satu perkara yang perlu disegerakan kerana masanya sudah tiba bagi kerajaan menggubal Akta Kebebasan Maklumat bagi meminda atau menghapuskan Akta Telekomunikasi Penyiaran, Penerbitan dan Mesin Cetak yang didapati mengekang kebebasan penyiaran media elektronik dan cetak.

Rakyat berhak diberikan maklumat dalam masyarakat demokrasi, tetapi dalam hubungan ini hak tersebut telah dirampas daripada rakyat.

Saya sedar mengapa kerajaan mahu melarang ucapan pemimpin pembangkang kerana ia sendiri mengamalkan politik wang, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya dan ini mendorongnya menjadi korup, tidak kompetitif, tidak berkesan dan menjadikan matlamatnya supaya rakyat sentiasa leka dan lalai dan kerajaan amat takut jika rakyat mengetahui kebenaran hakiki yang biasanya disuarakan oleh parti-parti pembangkang.

Akses kepada maklumat dan kebebasan media bukanlah satu keistimewaan khas parti pemerintah. Rakyat Malaysia mengharapkan media tanpa rasa takut dan pilih kasih, memainkan peranan yang membina untuk memantau dasar-dasar kerajaan supaya ia telus, bersih dan adil.

Maka adalah menjadi tanggungjawab dan tugas murni Parlimen untuk memastikan media massa tidak menjadi alat propaganda kerajaan semata-mata di samping kerajaan tidak melakukan penindasan ke atas pembangkang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Cheras pada hari Isnin, 2 Julai 2007.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah juga bagi kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan mengeluarkan arahan bagi menyetepikan ataupun membatalkan arahan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan seberapa segera.

Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [2 Julai 2007]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ledang. Ya, Ledang? Tidak hadir. Baik. Sila Jerai.

11.37 pg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong pindaan akta ini iaitu Akta Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat hari ini banyak masalah dihadapi oleh PBT ataupun majlis kerajaan tempatan disebabkan oleh kesuntukan kewangan yang dihadapi oleh majlis-majlis kerajaan tempatan, majlis-majlis perbandaran dan juga bandar raya.

Kadang-kadang kita ingat bandar raya ini sudah okey kerana untuk sesuatu tempat dinaikkan taraf jadi bandar raya ini, ia kena ada kriteria-kriteria yang harus dipatuhi, tetapi kadang-kadang kita lihat setelah menjadi bandar raya, prestasi kebersihan, alam sekitar, bangunan-bangunan yang ada di dalam bandar raya itu tidak seindah seperti yang dinamakan bandar raya.

Saya hendak mencadangkan supaya kementerian mempertingkatkan. Hari ini kita hendak negara kita, Tahun Melawat Malaysia dan apabila pelancong-pelancong yang datang dari luar negara ini – kalau kita pergi ke negara asing pun, Tuan Yang di-Pertua, kita pun macam itu juga, kita hendak bercuti, hendak beristirahat tetapi kalau tempat atau negara yang kita pergi itu berdebu, kotor, bilik airnya pun berdanau, tidak bersih, taman-taman bunga pun tidak *maintain*, tidak diselenggarakan dengan elok, jadi bagi kita, kita merasakan rugi.

Apabila kita balik, kawan-kawan tanya, macam mana Yang Berhormat baru-baru ini katalah bercuti ke mana-mana, macam mana? Kalau tempat itu elok, sudah tentu kita kata bagus – Malaysia bagus, bersih, Kuala Lumpur elok dan hanya sekali-sekala banjir dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pengkalan Chepa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila, sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengkalan Chepa Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat pernah pergi Makkah buat umrah dan buat haji, pergi Mesir melawat Sphinx dan melawat tempat-tempat lain. Dalam keadaan negara yang berpadang pasir itu bagaimana kebersihan hendak jaga, apa ukuran dan apa standard yang kita kata ini kotor kerana debu sedangkan itu adalah asli mereka. Saya minta penjelasan sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Tuhan bila dia mencipta alam ini dia maha adil. Walaupun kita tengok di negara-negara Arab, contoh di Makkah, di Madinah, kita tengok Madinah hari ini pun dulu memang saya akui, dulu Madinah keadaan dia tidak begitu bersih sedangkan dalam Islam menuntut kebersihan itu separuh daripada iman. Jadi hari ini kita tengok Madinah begitu cantik tersusun bangunan dia, *landscaping* dia elok sudah cantik kerana ini manusia punya hal. Walaupun negeri padang pasir tetapi boleh diselenggarakan dengan elok. Begitu juga di Makkah, hari ini kita nampak Makkah sudah pun menjadi tempat yang begitu indah, cantik dan sebagainya bangunan-bangunan baru tersergam naik dan sebagainya. Jadi bermaknanya kalau debu itu kalau padang pasir kalau berdebu pun, padang pasir sendiri dia ada padang golf Tuan Yang di-Pertua. Dia ada *golf course* dia boleh *maintain*, macam di Dubai dan sebagainya adalah sebuah negara yang cuaca begitu hangat berdebu, tetapi sesetengah negara macam Yang Berhormat kata tadi sesetengah negara Arab itu berdanur. Saya pun tidak setuju macam R&R kita kalau kita daripada Madinah ke Makkah dan sebagainya penyelenggaraannya itu tidak bersih.

Sebenarnya ini terpulang kepada sikap manusia pun sama. Dia tidak boleh, saya pun bukan hendak kata kerajaan semata-mata, kerajaan baik, kerajaan sudah buat macam-macam. Peruntukan berjuta-juta diberi tetapi manusia ini kadang-kadang dia buang sampah ikut hal, tetapi kalau dia pi ke negara jiran, dia tidak berani pula buang sampah dia takut. Jadi saya hendak mencadang kepada Yang Berhormat Menteri kita, tekankan dari segi denda kalau orang buang sampah merata-rata ini. Bilik air, *public toilet* kita cuba tengok kadang-kadang kita sudah darurat ini, darurat sangat-sangat hendak pergi buang air besar tetapi masuk terkejut tidak jadi tengok bilik air kita punya berdanur dan tidak berurus.

Walaupun kadang-kadang kita swastakan bilik air kepada seseorang untuk cuci bilik air pun tidak bersih, sedangkan kalau kita pergi ke negara-negara asing, negara-negara membangun, negara-negara yang ini, bilik air itu kita boleh - sebab itu kita kata *rest room*, dia tidak kata *toilet*. *Rest* makna kita boleh pi rehat dalam bilik air itu, kalau kita darurat pun kita duduk *relax*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bukan kamar kecil Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, kamar kecil, dia ada satu kamar kecil, satu kamar besar, buang air kecil, buang air besar tetapi di sana dia panggil *rest room* kita di sini dia kata *toilet*. Jadi bilik air ataupun *rest room*lah. Kita tengok hotel-hotel lima binatang bukannya bagus bilik air dia bersih, wangi. Bilik air Parlimen pun alhamdulillah saya nampak okey, dibersihkan dengan elok dan sebagainya, kerana pasal apa bilik air itu kita kena kotor? Ini yang saya tidak faham kalau manusia mentaliti macam itu, kenapakah dia mesti jadi kotor? Kerana kita buang benda yang kotor tidak boleh tidak semestinya. Begitu juga kadang-kadang masjid dan surau pun tidak dijaga tidak diselenggarakan dengan elok tempat-tempat seperti ini, padahal kita kena jaga kerana dalam Islam mengatakan kebersihan separuh daripada iman.

Sebab itu Allah Taala dia suka tengok umat dia pakai pakaian yang bersih tidak semestinya berjenama, tidak semestinya pakai macam Boss ataupun Pierre Cardin, Armani

ataupun...jadi tidak semesti, tetapi segar dan cantik. Jadi saya mahu kementerian dengan pindaan ini pengurusan kewangan majlis-majlis kerajaan tempatan itu kena betul Yang Berhormat Menteri, audit dia elok-elok. Kadang-kadang majlis daerah tempatan ini bukanlah - saya pun bukan tidak setuju depa hendak pi belajar, lawatan sambil belajar pi sahajalah tidak apa, tetapi kalau pi lawatan sambil belajar balik mai dok macam itu juga, habis duit majlis ada.

Kalaulah daripada lain hendak mai dia boleh pi Kuala Lumpur, mai tengok Kuala Lumpur tengok Shah Alam tengok ini pun sudah elok, mai Parlimen *House* pun tengok kita punya *landscaping* pun elok sudah, tidak payahlah pi negara-negara Barat, dia di sana iklim berbeza Tuan Yang di-Pertua sat sejuk sat panas, sat ais turun dan sebagainya. Kita di sini Allah Taala bagi cuaca yang cukup baik kadang-kadang sahaja hujan lebih, banjir, itu sahaja tetapi kadang-kadang lawatan-lawatan ini pun kawan-kawan kita juga duduk dalam majlis itu, kalau kita ini sangat pun marah pula, tetapi kadang-kadang perbelanjaan itu membazir.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai bahawa masalah yang kita hadapi ialah PBT. Prestasi PBT yang sangat tidak memuaskan sehingga sekarang nampaknya melalui rang undang-undang ini Parlimen akan dimohon supaya ada satu cara untuk menyelamatkan PBT-PBT. Sebenarnya apa yang kita perlu untuk menghadapi masalah di akar umbi ialah kegagalan PBT bukan cara rang undang-undang ini yang mengelak daripada masalah-masalah ini. PBT-PBT patut bertanggungjawab mengadakan satu prestasi yang baik dan oleh sebab satu sistem terpilih, terlatih dan terpilih.

Bukankah sebenarnya kalau ada PBT-PBT yang terpilih, *elected local government system* mungkin masalah ini ada *accountability*, ada transparansi ada *responsibility* yang sekarang ini tidak ada. Unsur-unsur ini sekarang tiada, *accountability* tiada, transparansi tiada, *responsibility* dan sekarang lagi satu rang undang-undang untuk mengatasi penyakit-penyakit PBT-PBT yang sudah gagal. Apa yang kita perlu bukannya lebih sentralisasi, lebih *centralization* lebih *regulation*, tetapi adalah *elected local government system* supaya tanggungjawab ini dijalankan dengan baik dan sempurna oleh PBT-PBT yang *dielected* ada *accountability*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Ipoh Timor. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua sekarang ini yang duduk dalam PBT itu sudah elok, kita ada pegawai kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat. Kemudian kita ada orang-orang politik yang duduk dalam itu mewakili parti-parti komponen Barisan Nasional yang duduk dalam PBT untuk menjaga. Masalah dia sekarang ini kadang-kadang PBT itu tidak cukup peruntukan kewangan. Kutipan daripada hasil-hasil itu tidak mencukupi dari segi perbelanjaan dia, kos dia tinggi kutipan dia rendah. Bila kerajaan hendak naikkan cukai pintu dan sebagainya Kepong bising, Seputeh bising, Bukit Mertajam bising, jadi tidak boleh naikkan bila naikkan dia bising.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah panggil Bukit Mertajam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, apa khabar? Bagus, lama tidak cakap?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau kenaikan itu berpatutan Jerai pun tidak bantah, tetapi selalunya ADUN-ADUN dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Nasional yang bantah kuat, lebih kuat daripada DAP, yang tadi bukanlah, ya memanglah itu prihatin, kalau Barisan Nasional buat itu prihatin, kalau DAP buat lebih prihatin. Jadi tadi kata kerana sumber kewangan tidak cukup, bukan sumber kewangan tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ialah pembaziran seperti MPSP di Pulau Pinang. Dulu dia memang kaya tetapi dia menggunakan wang RM83 juta untuk membina satu bangunan yang cukup mewah untuk dia sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat tidak payah berucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi ini ialah pengurusan yang kurang mantap, yang membazir. Ini kerana tak ada pilihan raya di kerajaan tempatan. Itulah sumber, *other is the root cause*. Jadi Yang Berhormat Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... untuk kebaikan semua dan juga Kerajaan Barisan Nasional, adakah Yang Berhormat Jerai akan sokong untuk pilihan raya kerajaan tempatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita sudah ada pilihan raya negeri dan pilihan raya Persekutuan. Buat apa raya banyak sangat? Dua pilihan raya sudah cukup. Itu menunjukkan bahawa rakyat telah memilih Kerajaan Barisan Nasional. Kalau buat kerajaan tempatan pun, rakyat itu juga hendak mengundi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia akan mengundi juga Barisan Nasional. Jadi kita hendak guna duit banyak buat apa. Betul tak Larut? Macam mana bola ini? Raja saya kena berjalan dua kilometer, Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan menjadi gamat seketika*] Raja Kedah, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tak ada kena-mengena dengan sisa pepejal.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, fasal yang ini pun dia tak jaga trafik, jalan-jalan Tuan Yang di-Pertua. Ini bawah *local government* juga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, trafik bukan bawah kami Yang Berhormat, tapi Yang Berhormat pun tak tengok bola hari itu. Patutnya sokonglah Kedah mari tengok.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya fasal tak boleh terkejut, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya minta penjelasan. Dengan adanya rang undang-undang ini, saya yakin ia dapat memantapkan lagi perjalanan pengurusan PBT (pihak berkuasa tempatan) dan saya berharaplah supaya jadikan satu iktibar dari perancangan yang terdahulu.

Saya bagi contohlah barangkali kadang-kadang tersalah pandang mungkin dari segi kecekapan *delivery system*. Saya hendak sebut contoh, saya lihat kadang-kadang di sesetengah majlis perbandaran, di *traffic light*. Kadang-kadang tak memerlukan digital yang memakan belanja yang besar. Kemalangan berlaku juga. Kemalangan berlaku walaupun sekarang ini menggunakan lampu jalan digital. Itu satu pembaziran dari segi perancangan. Tidaklah macam pembangkang kata tadi. Contoh saya bagi, kadang-kadang perancangan mereka itu bertukar-tukar, beralih-alih. Mula-mula buat begini tak jadi, ubah balik. Jadi mereka mesti ada satu perancangan yang begitu cekap dan tersusun sebab kalau belanja tidak menentu, ia boleh menyulitkan pengurusan mereka. Saya bagi satu contoh Yang Berhormat, bagi sayalah bagus kita hendak mengurangkan kakitangan kerana *enforcement* ini kadang-kadang mereka hanya bekerja setakat pukul lima. Lepas pukul lima, tak tahu apa jadi sudah. Hendak tangkap orang tak boleh, hendak *enforce* tak boleh. *Parking* - kalau dahulu *parking* meter pakai siling sebagai contoh. Sekarang sudah buat secara kupon. Kupon itu cajnya mungkin satu jam katalah 20 sen atau 30 sen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sudah jauh ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta penjelasan. Tetapi hendak buat kupon itu Tuan Yang di-Pertua, kertas itu kos cetak itu makan kos yang tinggi. Barangkali satu kupon yang dicetak itu RM1 atau RM2 tapi yang dicaj adalah lebih rendah. Jadi begitu juga kadang-kadang bila kita kena bayar

assessment, terlewat sedikit dia hambat dan keluar surat saman mahkamah. Sedangkan peruntukan kemudahan yang disalurkan tidak setimpal.

Saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua di bawah akta ini, mintalah Kementerian tolong tengok sama kampung-kampung tersusun ini di kawasan-kawasan dalam PBT. Mereka juga memerlukan penyediaan kemudahan-kemudahan asas memandangkan mereka juga terlibat dengan pembayaran *assessment* cukai pintu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dengan adanya rang undang-undang ini lebih memantapkan lagi perjalanan PBT itu. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju dengan Larut. Dalam kes ini saya bersetuju tapi kes bola itu saya marah. Marah kerana Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah kena berjalan kaki sejauh dua kilometer. Itu menunjukkan bahawa raja kami betul-betul raja yang berjiwa rakyat dan saya pun mengucapkan syabas kepada *Vice President* FAM kerana dia dengan hati terbuka kelmarin dalam TV minta maaf Ke Bawah Duli Tuanku Sultan. Itu bagus, itulah *gentlemen* cuma saya kecewa...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...saya kecewa kerana Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang tak tahu jaga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Nanti, tengah dok *hot* ini. Nanti. Dia kutip duit daripada tiket kemudian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu pengurusan bola Yang Berhormat. Ini bukan pengurusan sisa pepejal.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, yang ini fasal termasuk dalam buang-buang sampah di padang bola.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya tambah sedikit Yang Berhormat? Dari segi PBT juga. Stadium ini Yang Berhormat sebenarnya di bawah PBT. Bagus Yang Berhormat sebut itu. Sekurang-kurangnya kita dapat lihat apa juga yang berlaku bukan untuk kita menuding jari. Sekurang-kurangnya kita dapat lihat bagaimana kemudahan-kemudahan di stadium pun penting Yang Berhormat. Kita bila ada ramai orang misalnya 50,000 orang, timbullah masalah kemudahan itu, kemudahan ini, laluan masuk ke stadium dan sebagainya.

Jadi kita berharap menteri ada di sini, penting sebab perhimpunan begitu ramai Yang Berhormat, macam-macam boleh jadi. Saya mengucapkan syabaslah, saya angkat topilah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang begitu tabah walaupun terpaksa datang daripada jauh. Sebab kita tak dapat hendak menjangka sesuatu yang akan berlaku. Macam Yang Berhormat jugalah, tak jangka tak boleh pergi tengok bola hari itu fasal tak berapa sihat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jerai sama juga, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bola juga?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak payahlah Yang Berhormat fasal bola. Ini sisa pepejal, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini perkara yang penting. Tak ada di mana-mana dunia berlakunya macam itu di mana seorang Duli Yang Maha Mulia Tuanku perlu berjalan kaki untuk menghadiri satu majlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai. Cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bukanlah suatu yang tidak boleh dielakkan. Sepatutnya ia boleh dielakkan kerana ia pernah berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri Besar sudah minta maaf Yang Berhormat, cukuplah. Ketua Menteri sudah minta maaf. Selesailah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau minta maaf, ia tak boleh berlaku lagi. Empat tahun yang lalu apabila mengadakan sukan SUKMA, ia sudah berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya pergi sana empat jam pada waktu itu. Empat jam kita tak kompelinlah kerana itu kali pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai berbalik kepada isu sisa pepejal.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini *mistake* ialah kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini menunjukkan bahawa pihak yang mengelolakan acara ini tidak pandai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang tadi kata *gentlemen* meminta maaf, saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan tak *gentlemen*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia bercakap sesuatu di dalam Dewan ini, dia tak minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dengar dahulu cakap saya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat sudah pergi jauh. [*Ketawa*] Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat sedikit Yang Berhormat. Penjelasan sedikit *last*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Fasal PBT juga Yang Berhormat menjaga stadium. Sebenarnya Stadium Batu Kawan ini Yang Berhormat, buat *final* ini bukan pertama kali. Dahulu Pulau Pinang main dengan Terengganu, sudah buat di situ dan tak berlaku apa-apa tetapi Pulau Pinang kalahlah pada masa itu dan Terengganu menang. Jadi bukan kali pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi apakah Yang Berhormat melihat supaya PBT memastikan stadium-stadium yang ada dalam negara kita ini mestilah lengkap dengan segala kemudahan dan bukan hanya ada pertandingan bola tetapi juga yang lebih sesuai. Saya tak boleh hendak senaraikan A sampai Z sebab ini masalah PBT sebab stadium ini di bawah pihak berkuasa tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Stadium Arsenal pun jem juga Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita sudah pergi, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dengan saya sudah pergi pun, jem juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi macam dikatakan tapi baguslah sudah minta maaf tapi lebih indah dengan raja-raja ini Tuan Yang di-Pertua, hendak minta maaf ini kena menghadap. Menghadap baginda dan terangkan. Tuanku Sultan Kedah ini orang baik. Sultan yang berjiwa rakyat dan pemurah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini PBT jugakah ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah bagi amaran Yang Berhormat, sudah bagi teguran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya. Cuma begini Tuan Yang di-Pertua, kalau Pulau Pinang tak pandai hendak jaga, Kedah hendak tuntutan balik Pulau Pinang itu fasal dalam ini dia pajakan. Kalau tak reti hendak jaga sultan kami, Raja Kedah apabila memasuki kawasan Pulau Pinang, kami hendak tuntutan balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payahlah buat isu itu Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya PBT, PBT.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya amat dukacitalah dan marah. Kita tak boleh terima langsung apa yang berlaku kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading, saya sudah bagi tahu tak payahlah bawa isu itu lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak, saya tak dapat hendak tahan perasaan saya apabila raja kita, sultan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tapi ini sisa pepejal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...dibuat begitu rupa. Ini bukan perkara yang boleh dipandang ringan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak boleh terima langsung Duli Yang Maha Mulia Sultan kita, payung kita Tuan Yang di-Pertua. Payung kepada bangsa, negara dan negeri, tak boleh berlaku. Perkara ini tak boleh berlaku dan tidak ada alasan yang boleh dikemukakan sehingga berlaku perkara yang amat memalukan. Sedih. Saya amat sedih. Ini Duli Yang Maha Mulia Raja Sultan. Kalau sultan pun orang boleh buat begini, apa sebenarnya berlaku dalam negara kita ini. Siapa yang bertanggungjawab? Saya rasa Kerajaan Pulau Pinang kena bertanggungjawab tentang perkara ini. Saya tak peduli siapa. FAM pun bertanggungjawab. Siapa lagi kena bertanggungjawab? Kena akui. Saya membela sultan saya, saya membela raja-raja kita. Terima kasih Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Sri Gading. Inilah orang kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...bukan rakyat yang berpayungkan raja dan Agong. Saya ingat dia hendak marah saya, rupanya dia pun menyokong dan bukan ini Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, kalau tidak hendak bahas pasal sisa pepejal, bagi orang lainlah Jerai.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, ini hal-hal PBT...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ini memang menunjukkan kalau perkara ini dia tidak boleh berbuat dengan baik, bil ini lebih besar lagi hendak menjaga *solid waste* di seluruh negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...macam mana hendak jaga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerai. Memang menjadi tanggungjawab pihak PBT untuk menyediakan prasarana, dan saya berpandangan lain pula. Saya melihat Sultan Kedah menunjukkan kepada rakyat bahawa dia sihat, masih boleh berjalan dua kilometer. Ini menggalakkan supaya rakyat negara ini lebih sihat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan soal Sultan sihat, ini soal mencemarkan Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan Melayu dalam negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia punya negeri ini, ini bukan soal dia sihat tidak sihat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya belum...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soal kemuliaan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, Kinabatangan silalah,... saya sudah bagi tahu, tidak payahlah bawa isu itu. Isu sisa pepejal...

[Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) berjalan masuk ke dalam Dewan]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Jasin masuk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Isu dia Tuan Yang di-Pertua, bahawa supaya disediakan ruang untuk pejalan kaki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, tadi sudah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sultan menunjukkan bahawa walaupun dekat usia 80 tahun berjalan dua kilometer masih sihat. Ini yang kita mahu, negara sihat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Melaka tidak ada Raja Tuan Yang di-Pertua, tetapi kami orang Melaka pun rasa malu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Jerai, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak boleh cukup Tuan Yang di-Pertua. Ini soal kemuliaan Raja-raja Melayu Tuan Yang di-Pertua. Saya minta ampun, minta maaf. Kita memang setia kepada Raja. Dalam Rukun Negara macam mana? Macam mana dalam Rukun Negara?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi ruang... Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Negara ini Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin emosi, tetapi emosi saya bertempat. Apabila Raja kita dibuat begitu rupa, saya tidak boleh terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi sekarang kita membahaskan isu sisa pepejal, bukan ruang dia Yang Berhormat. Jerai teruskanlah. Kalau Jerai tidak mahu berucap, ada orang lain hendak berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak. Terima kasihlah kepada rakan-rakan yang memahami adat dan budaya adat-istiadat menghormati raja-raja kerana yang terkena ini adalah Raja saya, Sultan saya. Memang tidak apalah kali ini. Saya ingat Tuanku Sultan kalau boleh saya mahu, kalau boleh Ketua Menteri Pulau Pinang menghadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah dan memohon maaf. Ini budaya adat kita Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melakukan kesilapan Ke Bawah Duli Tuanku, kita kena menghadap dan minta maaf kepada Tuanku. Ini adat dan saya minta supaya Ketua Menteri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sepatutnya Ketua Menteri Pulau Pinang tidak payah disuruh untuk menghadap, dia sendiri faham patutnya, siang-siang dia sudah menghadap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah kerana kita di Parlimen cakap dia kena menghadap, baru dia menghadap. Penghadapan itu tidak berapa begitu asli.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Jerai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: FAM juga harus dipersalahkan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sisa pepejallah Padang Terap ya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: ...Jerai, saya hendak bangkit masalah stadium.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah bagi tahu...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Bersangkut paut dengan PBT...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini sisa pepejal, pembersihan awam.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ini PBT. Saya tengok di Stadium Batu Kawan sampah dia banyak, kereta tidak teratur, bilik air yang Tuanku di tempat itu pun tidak ada... Tuanku terpaksa masuk bilik air yang dibuat untuk *public*, tandas *public*. Masa itu Tuanku hendak pergi ke tandas terpaksa berkongsi dengan bilik air orang ramai.

Jadi tidak ada pengurusan yang cekap di Stadium Batu Kawan. Ini juga masalah PBT Tuan Yang di-Pertua. Bermakna saya harap supaya PBT bukan hanya ambil tahu tentang jalan, tetapi juga semua *parking* keretanya, hari itu Tuanku Sultan hendak naik ke stadium pun, melilau berapa tempat, tidak tahu pintu mana hendak masuk. Ini masalah kecekapan pengurusan yang dibuat oleh Lembaga Stadium Batu Kawan atau FAM sendiri.

Saya harap supaya kerajaan negeri dan FAM mesti bertanggungjawab di atas kelemahan yang berlaku semasa pertandingan akhir antara Kedah dan Perlis. Walaupun Kedah menang, tetapi ada kelemahan. Ia bermakna PBT mesti bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua dan Jerai saya rasa bersetuju dengan saya supaya perlu sesuatu tindakan diambil terhadap pengurusan PBT supaya tidak berulang lagi masa akan datang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya setuju, PBT kena ambil iktibar daripada... benda ini Tuan Yang di-Pertua, dia berlaku dan yang bertanggungjawab mesti mengambil iktibar dan jangan mengulangi lagi. Kita sudah merdeka 50 tahun. Kalau kita hendak susun trafik, hendak susun kereta dalam satu kawasan pun, PBT tidak boleh, ini kelemahan yang harus diperbetulkan dan jangan ada lagi kesilapan-kesilapan. Saya kira Ketua Menteri Pulau Pinang harus bertanggungjawab kerana semua ini PBT duduk di bawah dia. Dia kena lihat benda-benda ini supaya jangan berlaku.

Walaupun Pulau Pinang tidak ada raja, dia ada Gabenor, tetapi dalam kontrak yang ditandatangani oleh kerajaan zaman British dahulu bahawa Pulau Pinang itu adalah sebahagian daripada jajahan negeri Kedah dan diisytiharkan kepada Kerajaan Pulau Pinang. Kalau PBT di Pulau Pinang tidak boleh jaga, serahkan kepada Kedah, biar PBT, Kerajaan Kedah yang jaga. Bagi lagi bersih, PBT Kedah lebih cekap. Kalau saya tengok Pulau Pinang la ini, cukup kotor Tuan Yang di-Pertua. Tengok pantai dia, cukup kotor. Di Bagan pun cukup kotor. Wakil rakyat Bagan buat apa? Ahli Parlimen Bagan?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yalah, wakil rakyat pun kena pi jumpa sama Tuan Yang di-Pertua bagi bersih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini Bagan pasal apa Bukit Mertajam kacau?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jerai saya hendak sokong tentang ini...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Jerai, boleh bagi saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...masa, masa...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Ketua Menteri tidak menjalankan tanggungjawab dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Sampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...saya pun bagi pihak Pulau Pinang...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sudah, sudah. Tidak baik macam ini. Jerai, Ketua Menteri pun sudah minta maaf. Walaupun ini adalah tanggungjawab dari ahli FAM...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siapa yang cakap ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak bagi siapa bercakap?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...ataupun yang lain, tetapi ini adalah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia yang bagi peluang kepada saya...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...satu, saya ingat tidak perlulah bercanggah lagi, okey. Saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Jerai, saya memberi sokongan bahawa sebagai seorang rakyat di Pulau Pinang, saya pun tidak boleh terima apa yang berlaku kepada Sultan dan ini ialah PBT, kerana masalah PBT tidak ada pilihan raya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Semua sabarlah, ikut peraturan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...jadi kita patutnya sokong...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ikut peraturan. Ikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat semua tidak ikut peraturan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekejap...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jerai, sokong sahajalah. Adakan pilihan raya untuk *local government*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekejap...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point Of Order* Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bercakap *floor saya*, dia tidak boleh cakap Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat pandai buka *Point Of Order*, tetapi *Point Of Order* saya Yang Berhormat tidak dengar.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sedikit boleh? Sedikit sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tahulah, Ketua Menteri Pulau Pinang dia punya tauke.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau hendak bagi jalan, bagilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh, boleh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat Jerai, saya telah mengikuti perbincangan Yang Berhormat Jerai, tetapi ini adalah satu soal minta maaf. Saya ingat Ketua Menteri Pulau Pinang telah meminta maaf. Walaupun ini, saya difahamkan bukan tanggungjawab daripada kerajaan negeri kerana ia adalah peraturan ataupun *arrangement* daripada FAM yang tidak mempunyai satu koordinasi dengan PLUS dan Polis. Saya harap Jerai...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pun masuk PBTkah, kebersihan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah bagi tahu, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya minta Jerai kalau boleh teruskan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua sudah cakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau berlaku pada Tuan Yang di-Pertua, ingat suruh berhenti sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, saya ingat Yang Berhormat Jerai tidak ada *point* untuk cakap, Yang Berhormat gulunglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, jangan salahkan saya Yang Berhormat. Saya sudah kata Peraturan Mesyuarat, saya bagi laluan, depa guna peraturan mempertahankan diri mereka. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat. Minta gulunglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya saya gulung. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bagan minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa Bagan?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tadi ada cakap Bagan punya hal.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengakui masalah sampah sarap, longkang tersumbat, Bagan adalah terkotor sekali. Yang Berhormat Jerai menyalahkan wakil rakyat atau Ahli Parlimen kawasan tersebut tidak menjalankan tugas. Bagaimanakah sekiranya Jerai boleh mencadangkan supaya semua tanggungjawab ini diberi kepada semua wakil rakyat kawasan masing-masing untuk menguruskan, kerana PBT telah gagal dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Ini termasuk Jerai juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah dalam kawasan saya. Kawasan saya dipanggil daerah bersih daerah pelancongan, itu kawasan saya. Kawasan Parlimen saya Tuan Yang di-Pertua tidak ada tong sampah. Tidak ada tong sampah di kawasan saya dan satu-satunya kawasan majlis daerah di Negeri Kedah dan di Malaysia yang tidak ada tong sampah. Bermaknanya...

Seorang Ahli: [Menyampuk] Masuk sungai!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ... bukan sungai. Inilah Yang Berhormat sangkaan buruk, kerana kita susunkan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat buka juga pekung, kan sudah kena.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ... tidak. Kita susun lori sampah itu mengutip sampah dengan ada waktu-waktunya. Jadi kalau pukul 11 lori sampah ini lalu, tuan rumah sudah bawa keluar sampah. Saya hendak membuktikan...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta jalan sedikit, saya hendak tanya. Yan dalam kawasan Yang Berhormat ke?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Eh, saya dah pergi beberapa kali. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itulah, Yang Berhormat bila pergi, pergi dok kempen, dok berucap hentam kerajaan. Bukan tengok pasai kebersihan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak, saya tengok sendiri. Saya beli benda-benda di Yan ini, saya suka Yan tetapi tidak sebersih sebagaimana Yang Berhormat kata. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini memanglah. Dalam Islam sendiri pun, semua Islam mengajar benda baik ada juga yang buat tak baik. Itu ajaran Al-Quran dan Tuhan kata suruh baik pun ada yang tak baik. Kita cuba perbetul. Macam Puchong dia naik pi Gunung Jerai.

Seorang Ahli: Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, Kepong. Dia naik pi Gunung Jerai, dia kata Gunung Jerai tak elok. Terus *immediately* saya *call* DO saya, saya kata "Tuan, make sure tandas/bilik ayaq semua ada. Kepong dah bising dalam Dewan Rakyat". Tuan DO saya pun terus *immediate action*. Sekarang ni Kepong pergi naik.

Cuma Kepong pi kencing tepi pokok buat apa? [*Dewan riuh rendah*] Bilik ayaq ada. Kita ada tandas, takkan nak buat tandas *everywhere*. Dia ada tempat, jadi Kepong pergilah cari tandas. Kalau pi cari pokok, susahlah. Bukan setakat ini, dia mahu buh baja pokok tu pulak. Mana boleh. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung-gulung Yang Berhormat ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa sebenarnya kadang-kadang macam saya kata tadilah, PBT ini tidak mempunyai cukup *fundah*. Kain selimutlah, dia tarik kain selimut pendek, dia tarik ke dada tutup dada nampak kaki, tutup kaki nampak dada. Jadi, apabila dah kita luluskan yang ini, bermaknanya peruntukan akan sampai daripada Kerajaan Persekutuan untuk bantu, tetapi yang kita mahu PBT juga bertanggungjawab, Ahli-ahli Majlis juga bertanggungjawab. Contohnya tempat-tempat makanan kena bersih dan kalau di situ, saya Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa. Kadang-kadang kerajaan kita bagi bantuan untuk peniaga-peniaga kecil ini. Bagi bantuan beli periuk, bagi bantuan beli dapur, beri bantuan untuk dia nak meniaga. Nak bangunkan dia sebagai menambah ekonomi kepada dia. Dia pi meniaga, PBT mai ambil barang tu, rampas barang-barang tu. Tu barang kerajaan bagi untuk bantu rakyat miskin. Kita kena pasti kalau kawasan perniagaan ini boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka, bagilah dia orang meniaga.

Ini, kerajaan tempatan kadang-kadang pi cari kawasan yang tak boleh laku, tak boleh cari makan [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] dengan izin, tak boleh meniaga. Suruh depa meniaga, macam mana? Jadi, ini kena guna inisiatif. Sebab itu saya nak minta supaya dalam mesyuarat majlis kerajaan tempatan ini, selain daripada ahli majlis, wakil rakyat juga boleh menduduki Tuan Yang di-Pertua, untuk memonitorkan perjalanan supaya kita boleh bagi nasihat dan kalau kita tak ni, kita boleh jumpa Datuk Menteri, Datuk Menteri pun [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] orang baik. Kita boleh cerita sama dia. [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Senang. [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Jadi kita boleh bincang, kita boleh bincang dengan dia dan bagi kita duduk sama. Tak bagi elaun pun tak apa we *don't need allowance*, tak payah. Tapi kita nakkan bangunkan negara kita dan kita tengok macam ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Menyampuk*] Cadangan untuk *ex-official* ya cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha *ex-official* Kinabatangan pun. Saya mahu juga macam bandar raya Alor Star.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh sikit mengenai ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini *point of order* ke berapa ni bangun?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ha boleh tak? Saya tanya boleh tak boleh. Kalau tak boleh saya duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha bolehlah. [*Ketawa*]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Itu memang satu cadangan yang baik. Ahli Parlimen sebagai *ex-official* ataupun pemerhati tetapi sedarkah Yang Berhormat, di kawasan saya walaupun mereka telah jemput Ahli Parlimen, tetapi mereka akan menyebut peraturan mereka bahawa Ahli Parlimen boleh duduk sebagai pemerhati dalam *full board* ataupun Mesyuarat Penuh Bulanan. Ini bermakna kita ini tak boleh buat apa, tak boleh cadang apa, tak boleh cakap apa, sehinggalah kalau YDP kata, "Okey, apakah pandangan". Baru dia boleh bagi cadangan. So, setuju tak Yang Berhormat kalau macam ni, kita melalui kementerian ini dan ini secara automatik lantikan Ahli Parlimen sebagai satu *ex-official* yang dicadangkan Yang Berhormat Kinabatangan di mana kita boleh menyertai perbincangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Menyampuk*] Ini Ahli Parlimen kerajaan ke pembangkang pun masuk?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kerajaan, mesti kerajaan. So, ini bermakna kita boleh bincang dan menyertai segala perbincangan, perancangan, pengurusan, mesyuarat di PBT. Apa pandangan Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu pandangan yang baik kerana Datuk, sebenarnya begini, dalam perhubungan di antara pegawai kerajaan dengan Ahli Parlimen/orang politik ini, dia sebenarnya perhubungan dia. Kita kena berhubung, kita kena kawan, kita kawan, bila kita berkawan macam saya dengan Tuan DO saya tak ada masalah. Kadang-kadang saya keluar pi minum *hi tea* tepi jalan dengan dia untuk berbincang macam mana nak bangunkan kawasan kita, ini *human relation*lah. Walaupun kita wakil rakyat dan dia orang ini sebagai pentadbir, kita kena *work together* pasai kita cari duit tapi yang nak *implement*kan dia orang. Jadi, baiklah kalau Datuk Menteri boleh letak kami ini, bukanlah kami nak. Benda ini kerja sebenarnya banyak kerja lagi tapi bukan, untuk nak menolong kementerian dan kerajaan supaya kurang-kurang kita dapat tahu apa masalah-masalah yang kita boleh bawa ke Dewan Rakyat dan juga kepada pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah Jerai, ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kerana kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dia orang tak berani. Macam pegawai, dia ada hierarki dia. Dia tak boleh *direct*. Macam Pegawai Pertanian di Daerah Yan, dia bukan boleh terus jumpa menteri. Cari penyakit kalau dia buat macam tu. Dia kena melalui Ketua Jabatan. Nak sampai itu inilah *delivery*. Kalau ibarat buah kalau kita bawa pisang daripada bawah, pegawai pertanian sampai kat menteri pisang tu dah ranum. Tak boleh makan pun tapi kalau sebagai wakil rakyat kita boleh terus *direct* dengan menteri, jumpa menteri, minta tolong menteri dan benda ini permudahkan.

Contoh Tuan Yang di-Pertua, macam bandar raya Alor Star. Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, saya bayar hasil pintu bukan murah tetapi amat dukacitalah kerana peruntukan kewangan yang tak ada dan sebagainya. Bandar raya itu tak jadi bandar raya, lebih baik perbandaran dulu lagi elok daripada taraf bandar raya yang ada pada hari ini. Jadi saya harap dengan sistem teknologi yang baru ada Tuan Yang di-Pertua, *system collection* ni kena baik. Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya minta pada Datuk Menteri, kawasan-kawasan yang tidak ada *service* oleh PBT tetapi duduk dalam kawasan PBT, digazetkan dalam kawasan PBT ini dan tidak ada perkhidmatan PBT, mereka ini tidak harus dikenakan bayaran Tuan Yang di-Pertua. Banyak, macam kawasan saya di Gurun. Kawasan Gurun termasuk dalam Perbandaran Sungai Petani tetapi kampung-kampung itu walaupun digazet dalam kawasan PBT, tetapi mereka tidak dapat perkhidmatan daripada PBT. Angkut sampah tak ada, itu tak ada, ini tak ada. Jadi dikenakan cukai, ini membebankan rakyat. Jadi, saya berharap pada kawasan yang digazet dan yang diguna dan diberi perkhidmatan oleh PBT, yang itu tak apa nak buat kutipan. Kalau yang tak diguna janganlah kerana ini membebankan rakyat dan menyusahkan kami orang politik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan yang *last* sekali Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya minta bahawa sistem pepejal-pepejal, kawasan-kawasan ini Tuan Yang di-Pertua, masih lagi kita menggunakan korek dan kambus ini.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: [Menyampuk]

...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Landfilling* ini. Sampai masa dah kita pakai *incinerator*. Tak apalah, memang *it's very costly*, saya faham tetapi saya difahamkan bila kita bakar sampah tu, dia boleh jadi balik kuasa tenaga. Jadi kita juallah tenaga itu kepada Tenaga Nasional. Jadi, *cover* balik *overhead* ni. Kerana la ni Datuk, kita buat *landfills* macam tu, macam kawasan saya jadi kawasan pelancongan Datuk. Bila angin tiup, berbaulah yang tidak nyaman dan sebagainya. Jadi inilah yang saya berharap bahawa kita sebagai negara yang akan maju ke hadapan ya, maju ke hadapan jadi kita mesti mengikut kemajuan teknologi untuk mempermudah

pembangunan negara kita dan saya faham bahawa kadang-kadang kita *constrain* dari segi kewangan, tetapi saya percayalah kalau kita bagi perkhidmatan yang baik, sudah tentu *collection* itu akan kita dapat dan kalau kita menaikkan sedikit kos, naikkan sedikit kutipan, rakyat pun tak bising kerana ada perkhidmatan terbaik.

Sampah dikutip, longkang dibersihkan, keadaan elok. Sudah tentu sekarang ini, kita pergi *toilet* Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pergi *toilet* kena bayar dua kupang. Pi bilik ayaq kena bayar 20 sen, kena bayar duit, bukan *free*, tapi kalau *toilet* itu bersih tak apa 20 sen, tapi kalau *toilet* itu tak bersih, kita bayar 20 sen pun kita berasa tak puas hati. Jadi ini maknanya harus kita ambil imbang kira daripada bayaran, kutipan daripada hasil pintu dan sebagainya, perkhidmatan dengan *service* yang kita *rendered* kepada pemimpin masyarakat. Dan di hujungnya Tuan Yang di-Pertua, saya saja nak perbetul Yang Berhormat daripada Puchong kerana dia Parti Gerakan, presiden dia Ketua Menteri Pulau Pinang. Adat orang beraja, Kepong. Apabila kita memohon maaf kepada Raja, kita harus menghadap dan memohon maaf. Kalau dalam surat khabar saja kata *I'm sorry*, itu lebih tidak wajar. Jadi Yang Berhormat Puchong bagi tahu kat Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, pergi menghadap Sultan Kedah dan memohon maaf dan ampun kepada dia dan Sultan Kedah, sultan yang paling baik dan itulah nasihat saya. Kerana ini adat, adat kita sebagai negara yang beraja dan yang ada agung. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah.

12.20 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah dibentangkan untuk bacaan pertama pada 26hb. yang lalu, minggu lalu. Kami baru dibekalkan rang undang-undang minggu yang lalu dan hari ini kami dikehendaki untuk membahas dan meluluskan rang undang-undang ini yang mempunyai impak yang amat serius ke atas setiap individu dan masyarakat dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, kami semua menghendaki satu pengurusan sisa pepejal yang efisien tetapi saya mendapati kandungan rang undang-undang yang kita perlu bahas dan luluskan dalam keadaan tergesa-gesa ini mempunyai banyak kelemahan. Kelemahan yang amat ketara dan saya ingin menyeru agar rang undang-undang ini tidak diluluskan memandangkan ia mempunyai kelemahan-kelemahan yang begitu ketara dan perlu ada satu proses konsultasi yang sempurna dijalankan sebelum ia diluluskan sebegitu sahaja dalam keadaan tergesa-gesa. Saya ingin tahu mengapa perlu begitu tergesa-gesa sangat untuk meluluskan rang undang-undang ini?

Walaupun Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan rang undang-undang ini ada menyatakan bahawa salah satu aspek adalah kerana kelemahan keadaan pengurusannya semakin lemah dan semakin serius. Konsesi yang sedia ada ini tidak dapat membuat pinjaman daripada pihak institusi kewangan, itu tidak boleh menjadi alasan untuk mempercepatkan kelulusan rang undang-undang ini. Saya hendak tahu pihak kementerian telah mengadakan konsultasi dengan siapa? Ramai Ahli dalam Dewan ini dalam keadaan kegelapan berkenaan dengan kandungan rang undang-undang ini sehingga taklimat diberi selepas rang undang-undang dibentangkan di dalam Dewan.

Jadi saya pohon rang undang-undang ini tidak diluluskan sebegitu sahaja, sebaliknya dirujuk kepada satu jawatankuasa pilihan. Kita tak nak melihat ada satu episod diulangi seperti yang berlaku kepada Indah Water.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini pada pendapat saya diadakan kerana kelemahan pihak berkuasa tempatan. Mengapakah pihak berkuasa tempatan gagal menjalankan tanggungjawab yang paling asasnya kepada orang ramai walaupun kutipan cukai pintu diberi oleh orang ramai. Ini adalah kerana, satu; disebabkan kita ada satu pelantikan pihak berkuasa tempatan dan bukannya satu pilihan raya pihak berkuasa tempatan, itu yang paling asas.

Saya telah meneliti rang undang-undang ini dan juga mendengar ucapan yang diberi oleh menteri, tiada lain kecuali yang asasnya ialah untuk *bail out* dengan izin pihak

berkuasa tempatan yang kewangannya dalam keadaan sangat teruk. Kalau kita meneliti Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2005, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dalam keadaan tunggakan pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan yang amat ketara dan tunggakan pihak berkuasa tempatan kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM441.2 juta bagi tahun 2005.

Mengapa begitu lemah sekali pengurusan kewangan? Sebab kita tidak ada satu pilihan raya kepada pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan sekarang telah digunakan sebagai satu platform oleh Barisan Nasional untuk agenda politiknya dan mengakibatkan orang ramai tidak memperoleh satu perkhidmatan yang sepatutnya mereka terima serta hilang keyakinan orang ramai terhadap pihak berkuasa tempatan. Keutamaan yang patut diberi adalah perkhidmatan yang asas, pengurusan sisa pepejal, pemotongan rumput, jalan, yang paling asas tidak diberi keutamaan tetapi sebaliknya untuk agenda politiknya, untuk agenda politik.

Semua Ahli Majlis yang ada sekarang ini macam Majlis Bandaraya Ipoh adalah berlatarbelakangkan politik. Setiap parti-parti politik Barisan Nasional telah diagihkan berapa orang lantikan daripada mereka untuk dijadikan Ahli Majlis. Inilah sebabnya, kalau yang paling asas ini untuk perkhidmatan orang ramai, kita juga mempolitikkan, inilah akhirnya, inilah kejadiannya, inilah akibatnya. Hari ini kita perlu bangkitkan rang undang-undang ini untuk menyelamatkan PBT.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada bertanya kepada *environmentalist*, mereka yang cinta alam. Mereka beritahu saya, kita tidak perlu adakan rang undang-undang ini kalau kita ada satu pilihan raya kepada pihak berkuasa tempatan. Dan selain itu, Yang Berhormat Menteri telah lancarkan program 3R, kitar semula sebelum ini. Apa yang berlaku kepadanya? Kalau yang itu berjaya, kita tidak perlukan rang undang-undang ini sebab orang ramai sentiasa akan bekerjasama dengan pihak berkuasa kalau pihak berkuasa menjalankan tanggungjawab yang paling asas kepada mereka. Mengapakah kutipan begitu, orang ramai enggan membayar sebab mereka tidak menerima perkhidmatan yang sepatutnya. Apakah jaminan dengan adanya rang undang-undang ini, dengan adanya perbadanan ini, dengan selepas perjanjian dengan syarikat konsesi yang telah ditetapkan sekarang, orang ramai akan menerima satu perkhidmatan yang lebih baik?

Kita tengok rekod Southern Waste Management, Alam Flora, apakah pihak kementerian berpuas hati dengan rekod mereka? Walaupun Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa buat masa ini rang undang-undang ini tidak akan membebankan orang awam dengan apa-apa pertambahan kos kepada mereka tetapi rang undang-undang ini membenarkan menteri mengenakan caj dan levi ke atas orang ramai, ke atas perkhidmatan yang diberi. Yang Berhormat Menteri juga mengatakan dalam dua tahun ini, pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan untuk perbadanan dan perbadanan bersama-sama dengan syarikat konsesi menjalankan kempen-kempen, *awareness*, kesedaran berkenaan dengan kitar semula ini, perkhidmatan yang akan dibekalkan ini tapi mengapakah ia gagal semasa Yang Berhormat Menteri melancarkan program kitar semula? Sehingga sekarang ini perlu ditambahkan kos untuk aktiviti-aktiviti ini.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan RM1 bilion akan diperuntukkan untuk "*streamlined*" untuk menjadi satu sistem bersepadu bagi pengurusan sisa pepejal ini. Mengapakah sedemikian? Bukankah orang ramai telah membayar cukai pintu mereka dan walaupun kata tidak ada tambah kos buat masa ini tetapi dengan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, itu telah jelas, itu duit juga daripada orang ramai, itu juga menyatakan bayaran dua kali, bayaran dua kali oleh orang ramai. Buat masa ini kata tidak akan kutip kos, atau *fees*, atau sebarang caj tetapi selepas dua tahun, kalau perkhidmatan yang diberikan oleh konsesi-konsesi ini, syarikat-syarikat yang terlibat, orang ramai tidak puas hati, apakah akan berulang semula episod Indah Water? Orang ramai enggan bayar, apakah akan sampai keadaan di mana kes akan bertimbun-timbun di tribunal yang bakal ditubuhkan di bawah rang undang-undang ini?

Saya pohon Yang Berhormat, kita bukan tak hendak, biar kita sama-sama menjayakan satu pengurusan sisa pepejal yang efisien. Kita semua cinta alam tetapi rang undang-undang ini patut ada satu konsultasi yang sempurna dan tidak patut diluluskan dengan tergesa-gesa seperti yang kita kehendaki buat, buat masa ini. Sepanjang masa ini, perkara ini adalah di bawah "*concurrent list*" menurut Perlembagaan Persekutuan, pihak kementerian mempunyai kuasa.

Mengapakah pihak kementerian tidak menjalankan atau memberi penekanan ke atas pengurusan dalaman pihak berkuasa tempatan. Sepanjang masa ini sehingga sekarang, perlu menyatakan dengan terang bahawa kami ini ambil alih bidang kuasa ini. Selama ini pihak kementerian Persekutuan ada kuasa untuk memastikan perjalanan pihak berkuasa tempatan dijalankan dengan baik. Rang undang-undang ini menyatakan Kerajaan Persekutuan mengambil alih bidang kuasa dalam aspek ini. Kalau pihak kementerian, pihak Kerajaan Persekutuan ada memantau aktiviti perjalanan pihak berkuasa tempatan, kita tidak perlu rang undang-undang ini.

Ini adalah untuk *centralize* perjalanan pengurusan pihak berkuasa tempatan yang pada pendapat saya ini, saya risau ia akan menjejaskan lagi pengurusan dan perkhidmatan yang akan diberikan kepada orang ramai. Ia sepatutnya *decentralised*. Apa yang terjadi kepada Local Agenda 21? Apa yang berlaku? Kalau kita teliti rang undang-undang ini, ada terlalu banyak hukuman yang dikenakan. Kita hendak orang ramai kitar semula. Kalau mahu mereka sedar kepentingannya bukannya dengan cara mengadakan begitu banyak hukuman. Denda tidak lebih RM5,000.00, denda tidak kurang RM10,000.00. Dengan membenarkan syarikat konsesi yang besar ini yang E-Idaman, South Waste Management dan Alam Flora. Bagaimana terjadi dengan *small players*? Mereka yang sedang menjalankan aktiviti perkhidmatan. *Small players* ini?

Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, mereka yang sedang membantu aktiviti kitar semula buat masa ini sepatutnya yang diberi bantuan pinjaman sebab mereka yang paling aktif buat masa ini. Bukannya konsesi-konsesi besar, diberi mereka monopoli. Walaupun Yang Berhormat kata bahawa mereka boleh memohon lesen-lesen untuk menjalankan aktiviti memberi perkhidmatan. Apakah syarat-syarat yang akan ditetapkan itu begitu ketat sehingga *small players* ini tidak dapat memenuhinya dan mereka tidak akan dapat menjalankan perkhidmatan ini untuk menyara kehidupan mereka.

Jadi saya berharap biar kita bersama-sama menolak rang undang-undang yang sebegitu. Yang begitu banyak kelemahan, yang tidak ada konsultasi dengan orang ramai. Biar kita rujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas agar kita boleh meneliti dengan mendalamnya rang undang-undang ini.

Rang undang-undang ini juga memberi kuasa yang teramat kuat dan banyak kepada menteri. Di manakah peranan yang diberi kepada orang ramai dimainkan bersama? Ada dalam rang undang-undang ini, ada seksyen menyatakan kalau orang ramai mana-mana mengetahui bahawa ada longgokan yang dialihkan, mereka mestilah tambah masa yang lengah memaklumkan ketua pengarah.

Masalahnya, berkenaan caj perkhidmatan itu, apakah orang ramai boleh menentukan bersama, sama ada perkhidmatan yang diberikan berpuas hati atau tidak? Patut atau tidak dinaikkan atau dibayar kos atau caj yang dikenakan selepas dua tahun kepada konsesi. Tribunal hanya merangkumi isu-isu berkenaan tuntutan caj, levi dan fi yang dikenakan. Bagaimana pula dengan perkhidmatan? Buat masa ini, kita orang ramai tidak puas hati dengan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan, tetapi masih tidak ada ruang. Tindakan bagaimana beza dengan adanya konsesi ini? Kita tidak boleh bawa kes ke tribunal kata, "Oh, dia tak bagi perkhidmatan, oleh itu kami tak hendak bayar". Ini tidak diperuntukkan. Pertikaian untuk tribunal hanya dari segi caj yang dikenakan, bukan dalam aspek perkhidmatan.

Jadi, aspek-aspek ini saya memandang sangat berat. Kalau orang ramai bekerjasama dengan konsesi-konsesi dan konsesi-konsesi ini mengaut keuntungan sebab orang ramai kitar semula dari penjualan barang-barangan yang dibuang oleh orang ramai itu sebagai contohnya. Apakah cukai pintu akan dikecualikan? Sebab konsesi-konsesi ini, syarikat-syarikat ini telah memonopoli. Apakah orang ramai akan dikecualikan bayaran

cukai pintu? Di sini tidak ada peruntukan ini. Apakah mereka akan *direward* dengan izin kerana mereka bersama-sama kitar semula. Setahu saya, saya diberitahu ada negara di mana kalau orang ramai, mereka kitar semula hasil jualan itu digunakan untuk memberi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal bagi kawasan mereka, mereka tidak dikenakan cukai pintu. Jadi aspek ini, andai kata perkhidmatan asas dan mesti ada tanggungjawab sosial bagi syarikat-syarikat ini dan bukannya peluang untuk memonopolinya.

Akhirnya mengaut keuntungan, tetapi kalau rugi pihak Perbadanan atau Kerajaan Persekutuan akan datang untuk menyelamatkan mereka. Jadi saya pohon aspek-aspek ini boleh diambil perhatian. Ini adalah kelemahan-kelemahan yang saya sangat risau. Orang ramai beritahu saya Tuan Yang di-Pertua, kalau mula kenakan hukuman-hukuman, denda-denda sedemikian kerana terlebih buang barangan itu, mereka akan dikenakan caj. Mereka akan buang sampah mereka ke tong sampah jiran mereka.

Bagaimana dalam aspek pemantauan ini boleh dijalankan? Menteri di sini, rang undang-undang ini di seksyen 30 ada menyatakan menteri boleh mengenakan caj ke atas perkhidmatan yang diberi kepada pihak berkuasa tempatan. Yang anehnya, pihak berkuasa tempatan pada masa yang sama juga pihak penguat kuasa. Jadi dalam aspek ini, bukankah sudah ada satu *conflict of interest*? Pihak berkuasa buat masa ini telah gagal. Bagaimana mereka boleh memantau pula apabila rang undang-undang ini diluluskan?

Saya amat berharap Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini, biar kita sama-sama menolak rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini [*Dewan riu*] agar ia tidak diluluskan dengan tergesa-gesa, agar satu konsultasi yang lebih sempurna diadakan, dan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan. Indah Water akan diberi subsidi RM200 juta lagi. Pada tahun 2000, apabila Indah Water diambil alih oleh kerajaan, kita telah bayar RM192.5 juta, dan tahun 2006, RM140 juta telah dibayar kepada Indah Water. Subsidi kepada Indah Water. Apa kita mahu ulangan, ulangan dengan rang undang-undang ini?

Saya ingin tahu mengapakah, walaupun dalam undang-undang membenarkan penubuhan satu jabatan dan satu perbadanan, Ketua Pengarah, kelulusan diberi, permohonan diserahkan kepada Perbadanan, tetapi Ketua Pengarah mesti mengambil syor-syor oleh Perbadanan. Kelulusan diberi oleh Ketua Pengarah, tetapi permohonan dikendalikan oleh Perbadanan. Apa sebab? Kekeliruan ini. Sebenarnya siapa yang berkuasa dalam aspek ini? Mengapa berebut kuasa? Banyak aspek ini. Ketua Pengarah boleh mengadakan apa-apa syarat, boleh membatalkan apa-apa lesen, tetapi Perbadanan punya syor perlu diambil kira oleh Ketua Pengarah. Apa tujuannya? Jadi saya amat berharap bahawa rang undang-undang ini tidak diluluskan tergesa-gesa seperti ini dan biar kita bersama-sama menjayakan sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih efisien. Biar kita pastikan satu penelitian, satu konsultasi yang lebih teliti diadakan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

12.39 tgh.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, keadaan pembangunan sekarang di merata-rata dunia, pembuangan sisa-sisa pepejal jadi masalah alam sekitar yang besar.

Oleh itu, kita perlu perundangan untuk mengawal pembuangan bagi mengelakkan agar sisa-sisa pepejal tidak dibuang sembarangan. Pada masa sekarang masalah di negara kita pun, kita lihat sisa-sisa pepejal dibuang secara haram di mana-mana dan PBT tidak memungut sisa-sisa pepejal, dan ada kalanya mereka ini tidak membawa sisa-sisa yang mereka pungut seharusnya ke tapak pelupusan, tetapi dibuang ke dalam sungai, dibuang di dalam hutan, dibuang di dalam *estate-estate* dan sebagainya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Memang kita tahu masalah yang kita hadapi tetapi dengar daripada apa yang disebut oleh Batu Gajah, itulah sebabnya bil ini kita kena luluskan hari ini. Masalah, kita hadapi masalah. *Incinerator* memang kita hendak buat, tetapi dia orang juga yang mengapi-apikan orang kampung supaya menolak cadangan *incinerator*.

Di Mambong, saya dengar *incinerator* ada dan orang sana tidak ada pun mati, tidak ada pun berpenyakit, adakah benar?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Jasin. Apa yang kita buat untuk menguruskan sisa pepejal memerlukan pengurusan yang efisien. Ini amat penting, tetapi kita mesti lihat gambaran keseluruhan. Di dalam pengurusan sisa pepejal kita bermula daripada mengurus pemungutan. Selepas itu kita mengurus pelupusan dan apakah teknologi-teknologi yang harus diguna pakai untuk pengurusan semua itu lebih-lebih lagi di tapak-tapak pelupusan.

Di Mambong, memang ada pun. Ada *incinerator* di tapak pelupusan sisa-sisa pepejal dan ia tidak ada masalah, kerana *incinerator* yang digunakan sekarang dengan teknologi yang tinggi ia mengeluarkan gas beracun seperti *dioxin* dan *uran* dengan kadar yang amat rendah. Tanpa *incinerator* pun ada juga *dioxin* dan *uran* di udara kerana ia boleh dikeluarkan oleh tumbuhan-tumbuhan juga, jadi apa masalah? Di Mambong belum ada orang mati lagi kena penyakit ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sedikit Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tangga Batu juga?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sedikit sahaja pasal Jasin sudah sebut di Melaka. Sebenarnya kawasan yang bakal dibina *incinerator* itu adalah di kawasan Tangga Batu iaitu di Cheng dan orang ramai telah pun ...

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Orang ramai telah pun menghantar *petition* dan akhirnya kerajaan negeri ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dengarlah baik-baik Seputeh, kita hendak bercakap, kongsi pengalaman, kepakaran, kongsi pengetahuan. Dengar dahulu saya cakap. Suara dia bisinglah Tuan Yang di-Pertua. Gunakan peraturan, suruh dia diam.

Mambong, saya nampak zaman berubah dan masyarakat perlu mempunyai suatu pandangan yang konstruktif terhadap teknologi-teknologi tinggi ini. Satu lagi rancangan akan berlaku di Tangga Batu iaitu di kawasan Sungai Udang. Saya ingat Yang Berhormat Jasin pun maklum perkara ini dan teknologi ini dipanggil teknologi plasma yang menggunakan haba yang tinggi suhunya, yang akan menukar *solid* tadi kepada gas dan dijamin juga *emission*, sisa asap dan gas dan sebagainya tidak akan mengandungi gas-gas yang mengandungi racun. Apa pendapat Mambong tentang teknologi terkini, sebab Mambong sebut teknologi terkini, teknologi plasma. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tangga Batu kerana pertanyaan itu. Itu suatu pertanyaan yang harus bukan sahaja kita di Dewan yang mulia ini, tetapi rakyat mesti tahu bahawa teknologi sekarang sudah berubah. Dulu kalau kita hendak masuk dalam internet, kita terpaksa menggunakan telefon berkabel, sekarang tidak ada lagi, kita menggunakan Y5 di dalam Dewan ini.

Begitu juga dengan teknologi, *progress* dalam teknologi, perkembangan dan pembangunan dalam teknologi ...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Nanti dahulu, saya hendak jawab Tangga Batu. Teknologi tinggi ini seperti *incinerator* dan teknologi plasma ini ia membakar apa-apa sahaja bahan dengan sekelip mata dan bertukar kepada abu dengan sekelip mata. Walaupun ada abu dalam itu, proses yang kedua, fasa yang kedua yang dinamakan

fractional distillation ia memecahkan kompaun-kompaun kimia ini supaya menjadi elemen-elemen kimia yang tidak nampak kepada mata kita seperti gas-gas, dan ia tidak keluar kerana ada satu lagi teknologi yang digabungkan dengan itu *scrubber*, ia akan menangkap semua gas yang akan dikeluarkan.

Itulah teknologi sekarang, jadi kerajaan sudah pun membuat pemantauan dan *survey* di mana-mana negara yang mempunyai teknologi seperti ini seperti di Tokyo, kalau Bandaraya Tokyo yang besar itu ada lebih daripada 20 *incinerator* mungkin Yang Berhormat Menteri tahu bilangan yang sebenar, kenapa Kuala Lumpur tidak? Kerana dari *incinerator* kita boleh menjana tenaga untuk menambahkan permintaan *electricity* kita. Ini permintaan kita semua *electricity* kerana kita ini semua mahu hidup dengan senang di dalam bilik hawa dingin, tetapi tenaga *electricity* kita tidak cukup.

Ini yang daripada sisa-sisa ini yang kita boleh guna kenapa tidak? Ini adalah suatu perancangan yang efisien dan baik tetapi walau pun demikian, kita jagalah alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang, Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Okey, dia dulu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Saya mendengar tadi, saya kagum, kita ada teknologi yang canggih. Betulkah tidak ada kutipan yang diuruskan dengan sempurna di kawasan-kawasan taman khususnya, cuma masalah sekarang ini kalau kita tengok Yang Berhormat Mambong, apabila kita hendak *apply*, hendak aplikasi teknologi canggih ini kita mesti satu sistem kutipan yang amat sempurna.

Di taman-taman saya rasa tidak ada masalah, sebab kebanyakan atau umumnya masyarakat di taman-taman ini mereka tahu mengumpul sampah sarap, sisa pepejal di hadapan atau di belakang rumah mereka untuk dikutip oleh pihak yang bertanggungjawab, tetapi apa yang menjadi masalah sekarang ini ialah sisa pepejal atau pembuangan yang dihasilkan oleh kilang-kilang haram itu umpamanya, oleh orang ramai yang tidak duduk di dalam taman-taman yang dilonggokkan di tempat-tempat yang mereka fikir mereka boleh longgok, mereka fikir mereka tidak ditangkap dan sebagainya.

Ini yang paling banyak sekali Tuan Yang di-Pertua. Ini yang paling banyak sekali. Sebab itulah kita ada undang-undang. Adakah Yang Berhormat Mambong bersetuju sebelum kita *apply* teknologi, undang-undang ini mesti dikenakan, kita luluskan dengan caj-*caj* yang tertentu atau *fi-fi* yang tertentu, itulah maksudnya Yang Berhormat Mambong. Adakah Yang Berhormat Mambong bersetuju? Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Ledang atas pertanyaan itu. Memang pemungutan yang menjadi masalah jika PBT yang buat. Tidak ada siapa yang memantau PBT. Mana perundangan bagi mengawalkan aktiviti-aktiviti PBT untuk memungut? Manakah satu perundangan yang melarangkan PBT membuang walaupun ia ada, tetapi siapakah yang memantau dan yang mendenda PBT? Oleh itu, PBTlah yang menjalankan penguatkuasaan, PBTlah yang mengurus, PBTlah yang memungut dan PBTlah yang membuang. Ini sudah menjadi suatu masalah bukan sahaja di Kuala Lumpur atau di mana-mana malah di seluruh negara ianya menjadi masalah.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat. Ya, Kuala Krai, sila.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Bersabit dengan PBT tentang pemungutan tadi. Di kawasan Kelantan ini, rata-rata binatang ini yang mati di tepi

jalan seperti lembu, kerbau, kambing, ayam tidak terurus oleh PBT sehingga berlarutan sampai hampir berminggu-minggu menyebabkan busuk dan sebagainya. Ini selalu dan kerap berlaku sehingga masuk dalam *paper*, tidak dapat diatasi.

Apa pandangan Mambong mengenai perkara ini. Perkara ini besar, pepejal yang begitu besar tetapi tidak dapat diuruskan. Yang kecil tidak dapat, yang besar ini lagilah teruk sehinggakan bangkai ini boleh menyebabkan penyakit dan sebagainya. Mambong pakar dalam hal ini, cubalah bagi satu pendapat kerana di Kelantan ini sering berlaku macam ini dan tidak ada pungutan di jalan-jalan besar. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Kuala Krai. Ini adalah masalah untuk melaksanakan undang-undang - penguatkuasaan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Hendak bagi jalan kepada dia tetapi jawab yang ini dulu. PBT, memang tugas mereka untuk memungut bangkai-bangkai binatang ini kalau kita panggil dia, sama ada dia hendak memungut atau tidak. Siapa yang hendak bayar PBT kerana selain pengutipan daripada *assessment* rumah-rumah kita, harta-harta kita itu sahaja yang mereka dapat tetapi jika kita terus membayar kepada mereka untuk memungut bangkai itu dan melupuskannya di mana-mana, mungkin mereka mahu. Inilah masalahnya dan saya harap dengan rang undang-undang ini nanti akan boleh menyelesaikan masalah ini. Terima kasih. Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Mambong. Ini pakar sisa termasuk sisa toksik. Saya hendak kembali kepada satu isu yang penting yang sebenarnya pihak kerajaan telah mencuba untuk menyelesaikan masalah sisa ini melalui *incinerator*. Selangor cuba menentengahkan ini apabila peristiwa Broga itu berlaku.

Kajian lawatan telah pun dibuat ke negara-negara luar. *Incinerator* ini sebenarnya satu perkara yang biasa kalau di luar negara. Ia memberikan kesan positif kepada masyarakat di sekeliling itu tetapi di Broga, saya ingat pembangkang mengatur rakyat untuk berdemonstrasi. Saya ingat dosa kepada DAP ini tidak boleh dimaafkan. Termasuk jugalah rang undang-undang yang sebegini baik, yang kerajaan lihat setelah pengalaman yang begitu banyak bertahun-tahun. Apa yang diuruskan itu nampak kekuatan dan kelemahannya tetapi jelas bahawa untuk ia diambil satu tindakan yang lebih baik secara khusus, maka rang undang-undang ini diperkenalkan.

Oleh kerana itu Sabak Bernam sebenarnya yakin bahawa kita akan menyokong rang undang-undang ini. Kalau tidak, maknanya dosa kepada DAP akan bertambah lagi. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Yang Berhormat Sabak Bernam. Balik-balik kepada *incinerator* juga, terpaksa saya menjelaskannya. Saya sudah mengatakan bahawa *incinerator* adalah satu cara yang amat baik daripada kita menggunakan tapak pelupusan *landfill*. *Incinerator* sangat baik kerana kita akan dapat menjana tenaga untuk keperluan elektrik kita. Ini kita perlukan.

Kajian telah pun dibuat dengan lawatan ke luar negara untuk mengkaji sama ada *incinerator* ini baik ataupun tidak. Ini kita sudah puas pergi ke luar negara dan tengok di bandar-bandar yang besar.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan dan Lipis bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya akan bagi jalan kepada kedua-duanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tetapi ada juga mereka yang mengadakan kitar semula. Kenapa tidak mengitar semula? Saya memang galakan kitar semula tetapi kita mesti melihat gambaran yang sebenar. Daripada kitar semula, apa yang kita boleh kita kitar semula sekarang? Plastik, *PET bottles*, *aluminium can*, *glass* dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Sabak Bernam tahu apa yang berlaku di dalam proses kitar semula?

Yang pertama, kita mengasingkan plastik - kos. Yang kedua, kita membasuh plastik - kos dan kegunaan jumlah air yang begitu banyak. Yang ketiga, dalam proses yang terakhir adalah proses penukaran plastik itu - kita menggunakan bahan tenaga yang lebih tinggi iaitu elektrik. Jadi, adakah kitar semula ini benar-benar baik?

Itulah sebabnya di negara-negara yang maju, sekarang mereka tidak mengitar semula plastik lagi kerana mereka yang bekerja di dalam kilang-kilang kitar semula lebih-lebih lagi di bandar-bandar Germany dan Amerika Syarikat mereka sudah terkena penyakit barah. Ini kerana di dalam plastik itu bermacam-macam *poly compounds*, semuanya ada. Plastik itu datangnya daripada *polyaromatic hydrocarbons*. Itulah yang menjadi masalahnya kitar semula ini. Kita tidak fikirkah semuanya itu? Kita kena fikir juga. Jangan ingat hendak mengurangkan sampah, kita buat kitar semula tetapi itu *ad hoc* sahaja. Kita melihat gambaran yang kecil tetapi yang besar kita harus lihat juga. Kenapa mereka di sana di negara-negara yang maju dan yang sudah membangun tidak buat kitar semula untuk bahan-bahan yang tertentu?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Okey, Putatan dulu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Mambong. Saya memang sokong cadangan Mambong. Mambong memang pakar walaupun secara *detail* soal *incinerator*, soal persekitaran semula tetapi Mambong harus ingat negara kita ini ada yang di kawasan bandar dan ada juga yang di kawasan luar bandar. PBT di kawasan luar bandar ini perlu juga menangani masalah sisa-sisa pepejal. Jadi, soal *sandwich system* ini, yang *cut and fill* ini memang masih lagi diguna pakai. Persoalannya ini ialah segi ekonomiknya. Mewujudkan satu tempat pelupusan sisa-sisa ini memerlukan perbelanjaan yang agak besar kalau kita mengikut kaedah-kaedah yang memberi kepentingan kepada alam sekitar.

Dalam satu kes pembuangan sampah ini kita ada *sandwich system*. Kita harus juga mendapat *ponding area* di mana *leachate* itu diketepikan apabila ia keluar. Jadi ia memerlukan plastik mengelilingi setiap *filling*. Ini memerlukan perbelanjaan yang besar, Yang Berhormat. Jadi, apakah kaedah yang paling efektif bagi kementerian untuk menangani masalah keracunan daripada *leachate* yang keluar itu.

Yang kedua, bukan sahaja soal *leachate*, soal pelupusan kumbahan *domestic waste* ini - air-air ini, begitu juga kita tengok soal-soal bagaimana hendak *naturalize* air-air kumbahan ini sebelum dilepaskan ke sungai-sungai. Ini soal alam sekitar. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Okey.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Berkaitan dengan *incinerator* Yang Berhormat sebutkan tadi, saya rasa ia mungkin memerlukan kos yang tinggi untuk membina dan sebagainya. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat sebagai pakar, adakah cara-cara lain yang boleh dibuat di mana tidak memberi sebarang kos kepada kerajaan, mungkin menggunakan *private funding initiative* yang boleh melupuskan sisa pepejal ini selain daripada menggunakan *incinerator*.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih. Saya rasa kedua-dua pertanyaan itu menjurus kepada kualiti alam sekitar. Apa yang kita mahu? Kita mahukan kualiti alam sekitar yang tinggi, bukan? Kalau kita mahu, *we must spend the money*. Kalau tidak mana boleh kita buang di merata-rata sana. Jadi, mestilah perbelanjaan yang tinggi kalau kita mahu.

Untuk menjawab soalan Putatan, memanglah ada di bandar dan di luar bandar juga tetapi di manakah sampah di luar bandar itu hendak dilupuskan? Kita lihat daripada *standard of living* - cara hidup orang-orang di luar bandar, apakah yang mereka gunakan untuk makan? Saya tidak tahulah di Putatan, tetapi di kawasan saya, kami bangsa Bidayuh, kami menggunakan daun. Selepas makan buang di merata-rata tempat, daun itu akan reput. Apabila daun itu reput, ia kana menambah lagi humus dan zat kepada tanah dan di situlah kita tanam sayur-sayuran kita. Jadi tidak payahlah. Kalau di luar bandar kita hendak bincang ekonomi kerana kita sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak sambung pada sebelah petang?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya hendak sambung pada sebelah petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Yang Berhormat Mambong. Yang Berhormat Mambong telah berucap sepanjang setengah jam, dekat setengah jam. Jadi bolehlah beri peluang nantilah...

2.32 ptg.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Lima belas minit saja Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak jam di depan itu tadi. Sebelum kita rehat saya telah berucap lima belas minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat agak berapa lama lagi?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya belum masuk lagi di dalam rang undang-undang ini sendiri, baru mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengapa mukadimah ambil masa 20 minit?

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah Yang Berhormat tadi berucap 12.39 tengah hari.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Catatan, catatan sini saya ikut catatan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tidak, 12.45 tengah hari.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Berapa orang lagi Tuan Yang di-Pertua? Ramai lagi?.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah saya fikir ramai juga dan saya memang berhasrat supaya Yang Berhormat Menteri sendiri dapat menjawab pada petang inilah, sebab ada Mesyuarat Kabinet jadi saya...

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Esok ada Mesyuarat Kabinet?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya mintalah kerjasama, sebab ada benda lain juga kita perlu sambung. Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah pengurusan sisa pepejal pun masalah masa juga. Berapa tahun kita sudah merdeka? 50 tahun, dan sekarang baru kita ada rang undang-undang ini.

Jadi kalau ada rang undang-undang ini kita berlari untuk mengejar mendapat rang undang-undang ini diluluskan, bagaimanalah kita boleh menguruskannya dengan efisien? Ini adalah satu masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bawa balik ke Sarawak jugalah.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya minta dia bawa undang-undang ini

pun untuk diterima pakai di Sarawak. Jadi masalah pembuangan sisa-sisa pepejal Tuan Yang di-Pertua, ianya timbul kerana faktor-faktor yang tertentu. Masalahnya di dalam penghasilan sisa-sisa pepejal. Kenapa di Malaysia kita menghasilkan 1.5 kilogram satu orang setiap hari? Itu adalah satu isi padu yang amat tinggi. Kenapa di negara lain, iaitu negara-negara maju ianya hanya 0.25 kilogram hingga ke setengah kilogram sahaja? Kita di Malaysia, kalau kita lihat itu amat tinggi.

Saya hanya boleh memikirkan dua sebab. Yang pertama adalah *life style*. Macam mana kita hidup masa kini, *life style*. Sekiranya kita pergi pasar borong, kita pergi pasar basah kita beli ikan, sisik belum dibuang, tulang masih ada. So kita bawa balik ke rumah nak ambil isi dia untuk masak tulang dan kepala kita buang perut juga kita buang, jika ianya macam di negara maju kita hanya boleh *fillet* ikan itu. Jadi memang kita punya *life style* berlainan, kita belum sampai ke tahap itu. Itulah sebabnya masih banyak lagi sisa-sisa pepejal atau sarap dibuang.

Kedua, adalah *consumption* atau pun penggunaan makanan kah, kain baju, kereta dan sebagainya. Kita menganggap negara kita adalah negara yang cepat maju. Apabila kita terikut-ikut *life style* dan *consumption pattern* di negara yang sudah maju, inilah akibatnya. Kita beli pakai dua tiga hari kemudian kita buang, kita beli makanan yang berlebihan.

Kita pergi restoran nak *show off* kononnya dengan kawan-kawan, *order* lah makanan berlebihan yang lebihannya kita tak makan, buang. So, dua perkara *life style* dan *over consumption*.

Di dalam *United Nation Conference Environment and Development*, dulu di Real, saya pun berada di situ memang semasa *negotiation* atau semasa perbincangan kita mengatakan masalah alam sekitar adalah masalah negara sudah maju, kerana *life style* mereka yang suka berbagai-bagai *over consumption*, dan kita pun sudah sampai ke tahap begitu juga. So, siapa yang salah? Ini adalah masalah penghasilan sampah sarap di negara kita.

Kedua, di dalam pengurusan sisa-sisa pepejal adalah pemungutan. Pemungutan pun memang tidak tertentu, tidak sesuai dan tidak efisien. Sekiranya kita lihat Alam Flora dengan mata saya sendiri sampai pagi tadi di Jalan Tun Perak, tengok trak yang mereka pakai, di belakang trak itu hanya ada satu lubang mahu masuk sampah, tapi adakah dia ada *compacter*? *Compacter* itu tak ada, tapi walaupun dia ada *compacter* dia tak ada satu kandungan di bawah ataupun kontena untuk mengandungi lecet, air kumbahan. Jika sampah itu di *compacter* di dalam trak itu, kalaulah tidak ada kandungan di bawah maka air itu akan terkeluar di jalan, bau busuk juga jadinya air lecet itu. Itu saya juga nampak di Jalan Tun Perak.

Jadi inilah masalah pemungutan sampah. Kita tengok kalau sampah yang tidak ada di dalam tong, di luar tong dan kadang kala pengguna ini bukan nak buang semua

dalam tong kadang-kadang tong itu penuh, dia tak pungut pun. Ini sudah jadi masalah, semua masalah tikus, masalah lalat dan sebagainya. Akhirnya, kita juga terkena kerana lalat ini akan hinggap di makanan kita membawa kuman-kuman membawa bakteria.

Ketiga, masalahnya ialah pelupusan. Sekarang pelupusan apa? Adakah kita melupuskan sampah, tidak! Kita buang. PBT memungut sampah daripada rumah-rumah, daripada mana-mana, dia buang sampah, itu yang dikatakan *dump site*. Cuba tanya Menteri dia tahu betul perkara ini.

Berapakah jumlah bilangan *dump site* ini? Ini masalah pelupusan. Mereka mengatakan ini pelupusan tetapi tidak, itu dianggapkan pembuangan. PBTlah yang membuang sampah yang paling banyak merata-rata tempat, bukannya di dalam *landfill* tapak pelupusan, tidak!

Jadi itu masalahnya. Kita harap rang undang-undang ini akan dapat menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar. Itu sebabnya saya mesti menyokong. Ya, Putatan.

2.40 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan sahabat saya dari Mambong bahawa *landfill* ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mambong lagi sekali. Saya minta sedikit pendapat daripada Yang Berhormat soal *domestic waste*. Domestik ini setakat banyak *alkali*, *peroxide* yang mana-mana dikatakan '*fleck clonlio*' dan '*fleck*' *agro* nama ini. Kalau kita buat juga secara *landfill* adakah ini menyebabkan *leachate* yang agak *poisonous*. Ini minta penjelasan sikit.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Putatan yang membawa '*fleck clonlio*', '*fleck*' *agro* dan *peroxide*. Itulah jenis sampai kita, jenis sisa-sisa pepejal kita. Pelbagai di dalam itu banyak bahan-bahan yang beracun, bahan-bahan kimia yang lain yang beracun. Inilah yang memberi akibat kepada *leachate* yang beracun. Oleh itu, *treatment leachate* adalah penting dan *treatment leachate* ini bukan hanya masuk di dalam kolam kelodakan ataupun *oxidation pond* kerana cahaya matahari dan oksigen tidak cukup untuk memecahkan bahan-bahan kimia Yang Berhormat sebut tadi. Tidak cukup.

Kita terpaksa menggunakan pelbagai proses untuk memecahkan kompaun-kompaun kimia ini yang sedia ada di dalam *leachate* dan semuanya itu, proses itu termasuklah *filtration* melalui tangki-tangki *incubated* karbon yang sedia ada. Kalau mampu lagi gunakanlah satu proses yang lebih tinggi. Itu kemampuan, kos dan harga. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan pengurusan sisa-sisa pepejal ini. Pengurusan sisa-sisa pepejal ini seharusnya berlaku daripada ... bermula daripada pemungutan hinggalah pelupusan.

Di dalam perundangan ini saya tidak nampak apa-apa peruntukan untuk pelupusan sampah. Pelupusan adalah proses yang terakhir yang amat penting. Kalau ianya tidak dimasukkan di sini, kita hanya memberi pengurusan kepada syarikat untuk memungut sahaja, itu tidak mencukupi kerana mereka tidak akan bertanggungjawab apa yang jadi kepada tapak pelupusan. Jika kita memberi tanggungjawab ini kepada mereka, biarlah mereka membina tapak pelupusan, *state-of-the-art*, menggunakan teknologi yang tinggi.

Maka mereka akan bertanggungjawab ke atas semuanya. Dari permulaan hingga ke garisan terakhir. Garisan terakhir bermaknanya *leachate* yang keluar itu air itu boleh diminum. Macam *Newater*. Di tapak pelupusan Mambong, kita boleh minum air *leachate* itu kerana ianya ditapis dengan teliti. Jadi inilah yang kita mahu. Kita tidak mahu mengeluarkan *leachate* itu masuk ke dalam sungai. Dalam sungai itu, kita ambil air itu dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *Company-company* lain dia rawat air itu, kita minum.

Datuk Haji Mohd. said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Mambong. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan daripada kerja-kerja memungut sampah sehingga ke pelupusan sampah ini dijalankan oleh satu syarikat kerana pada hari ini kalau kita lihat sistem yang ada hari ini yang angkat sampah Alam Flora di Kuala Lumpur. Tetapi yang melupuskan sampah ini lain syarikat. Jadi, mereka mengatakan yang dia ini makan tulang, yang ini makan isi. Jadi terlampau banyak tangan. Apakah Yang Berhormat setuju supaya kerja-kerja ini biar dia berangkai tetapi dilaksanakan oleh satu syarikat supaya lebih efisien pada masa akan datang?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Jasin. Berangkai itu memang elok cadangannya itu. Yang kita buat di Kuching memang berangkai. *Sarawak Waste Management*. Tetapi dia orang lain yang pungut, orang lain yang mengangkut, orang lain yang melupuskan. Dia memang berangkai. Tetapi *Sarawak Waste Management* yang punya. So, sub kontraktor dia boleh mengawal. Semuanya ini supaya pengurusan lebih efisien lagi kerana kita tidak mahu *leachate* itu terkeluar daripada trak-trak yang berjalan. Nanti kerajaan juga terkena. *Complaint* terlampau banyak sekarang tentang sampah sarap yang memang bau busuk di mana-mana. Tetapi sampah seharusnya tidak berbau busuk. Kenapa? Kerana itu kita yang punya. Kalaulah kita makan, nasi itu lebihnya kita buang. Itu pun nasi kita juga. Kita kena jaga supaya ianya tidak bau busuk.

Jadi, bagaimanakah pengurusan ini Tuan Yang di-Pertua? Di tapak pelupusan sekiranya kita menggunakan *landfill*, pengurusan harian itu memang penting. Yang penting *closure* setiap hari. Tutupkan apa saja sampah yang masuk di tapak, *dcompactkan*, lepas itu ditutupkan dengan tanah liat. Itu dia supaya dia tidak jadi masalah. Lalat datang, burung gagak datang, supaya bau busuknya lebih kurang lagi. Ini yang kita mahu. Pengurusan yang efisien. Kalau tidak sama juga. Syarikat pun, syarikat mana pun, syarikat besar pun kalau tidak ada pengalaman, tidak ada pengetahuan habislah semua syarikat. Ini yang kita mahu, yang haruslah dikawal.

Pelupusan bukan hanya saja masuk ke dalam *landfill* kerana tanah sudah berkurangan. Kita sudah menggunakan seratus hektar yang besar, macam di Bukit Tagar berapa hektar. Itu kita guna tanah yang besar. Lepas itu Alam Flora pungut, dia bawa pergi ke sana. Dia kena *charge by weight*. Timbang berat, berapa berat? So, dia kena bayarlah pengurusan di Bukit Tagar. Dia kena bayar. Jadi, ini juga membawa masalah kepada syarikat-syarikat ini nanti, swasta. Masalah ini kalau tidak dikawal, tidak diteliti dengan betul walaupun ada jabatan, walaupun ada perbadanan, walaupun ada tribunal, semuanya ini haruslah ditangani.

Semua masalah ini. Lebih baik kita guna *incinerator*. Dari *landfill* kita gunakan *incinerator*. *Incinerator*, kita bakar di *incinerator* dengan suhu yang tinggi. Habislah semua jadi abu. *Fractional distillation*, proses itu akan menghapuskan semua bahan-bahan kimia. 'Scrubber' akan menyekatkan pengeluaran semua bahan-bahan toksik. Itu yang penting. Haba yang panas kita menggunakannya untuk menjana tenaga untuk kehendak kita, untuk *electricity*. Ada juga yang menceritakan RDF ini baik. Apa dia sebenarnya RDF? *Refuse Direduse*. *Refuse* ialah sampah.

Adakah semuanya ini boleh mengeluarkan haba, boleh mengeluarkan tenaga kalau dibakar? Cubalah bakar nasi. Adakah akan terbakar dan ianya mengeluarkan haba yang tinggi. Jadi, ini pun pemilihan, *selecting* ataupun pengasingan di dalam proses ini mesti mengasingkan pelbagai jenis sisa pepejal. Jadi ianya juga tidak...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya tertarik Tuan Yang di-Pertua tentang *incinerator*. Kita telah mendapat beberapa maklumat daripada negara Jepun. Jurnal terakhir yang saya baca ialah tahun 2005 yang mengatakan terlalu banyak maklumat yang kita perolehi kesan daripada *incinerator* yang telah diamalkan di Jepun. Tadi Yang Berhormat mengatakan cara terbaik ialah menggunakan *incinerator*. Adakah Yang Berhormat ada maklumat yang baru tentang teknologi terbaru tentang *incinerator* ini? Mohon penjelasan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tidak payahlah, saya panggil Yang Berhormat datang ke Mambong tengok itu. Tetapi bukan itu sahaja. Baru pagi ini pukul sembilan kita ada mesyuarat teknikal FRIM dan ramai pakar-pakar dari luar negara datang

untuk memberikan maklumat. Tetapi bukan untuk *incinerator*. Yang satu dia tengok saya pegang ini, rang undang-undang ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: [Bangun]

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Dia mengatakan bahawa kenapalah *landfill*. Kita ada *incinerator* yang berteknologi tinggi sekarang dan lagi kerana kita hendak menggunakan tenaga untuk *electricity*. *Incinerator* memang banyak jenis dan banyak perbuatan dan banyak teknologi tinggi. Sudah ada Yang Berhormat. Nantilah kita bincang di luar.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Saya ingin berkongsi satu pengalaman berkaitan dengan penggunaan *incinerator* dalam pelupusan sisa pepejal ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa saya begitu hairan walaupun negara kita telah pun mencapai kemajuan yang tinggi tetapi penggunaan *incinerator* khususnya yang menggunakan teknologi yang tinggi ini masih tidak digunakan di dalam pelupusan sampah di negara kita.

Di Taiwan misalnya, saya mempunyai satu pengalaman dan saya pernah membawa seorang timbalan menteri daripada negara ini, untuk melawat satu *incinerator* yang diadakan di sebuah bandar di tengah-tengah bandar yang sebenarnya berhampiran dengan kawasan-kawasan perniagaan dan juga kawasan *resident* dan penggunaan teknologi itu adalah begitu cukup menarik kerana bukan sahaja ia bersih tetapi efisien dan sehingga satu keadaan di mana *incinerator* itu boleh mengadakan satu *revolving restaurant* di atas *incinerator* itu. Jadi bayangkan kalau sekiranya sehingga mereka boleh mengadakan satu restoran yang dikunjungi oleh ramai pelancong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap atau hendak minta penjelasan?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ...tidak ini tambahan Tuan Yang di-Pertua. Untuk dimasukkan supaya ianya menjadi satu tambahan pengetahuan kita tentang penggunaan *incinerator*. Jadi sebenarnya, bayangkan sehingga boleh diadakan satu *revolving restaurant* yang dikunjungi oleh pelancong-pelancong. Begitulah keyakinan masyarakat di situ dan masyarakat pelancong terhadap kebersihan dan keberkesanan sistem tersebut dan demikian juga dengan *city government* ataupun kerajaan tempatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang terhormat, bolehlah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ...Dewan Bandar Raya di situ sehinggalah mereka mendapat pendapatan yang tinggi daripada *power generation* yang digunakan daripada *incinerator* tersebut. Jadi saya hendak berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Mambong untuk disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Saya masukkan itu di dalam ucapan saya, kerana itu adalah satu maklumat yang baik untuk umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut juga tentang *incinerator*, tentang RDF tentang *landfill* juga. *Landfill* juga memang amat penting sebagai tapak pelupusan tetapi dahulu kalau kita membina *landfill* atau tapak pelupusan ini kita hanya menggunakan plastik, tetapi sekarang bukan sahaja kita menggunakan *geotextile* yang amat baik sebagai bahan di bawah untuk mengelakkan air *leachate* masuk ke dalam tanah. Sebelum itu kita mengguna *trichoblast*. *Trichoblast* yang kita guna di Mambong adalah satu bahan yang *best filling material* yang amat baik. Kalau dia bercampur dengan air, dia mengering dan terus menjadi satu bahan yang amat *water proof*. Selepas itu baru kita masuk *geotextile*, baru kita masuk batu lagi, lepas itu kita masuk pasir lagi. Jadi semua itu adalah teknologi moden juga untuk membina *landfill*.

Walaupun, saya menyebut semua perkara ini yang paling penting adalah tapak pelupusan yang akan ditutup. Saya ingin...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: ...Seputeh, ada tapak pelupusan ke Seputeh?. [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu rang undang-undang ini sebenarnya tidak ada kaitan dengan Sarawak dan Sabah tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak yang amat berminat dengan untuk berbahas rang undang-undang ini. [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Mambong bercadang bahawa rang undang-undang ini juga diguna pakai di negeri Sarawak dan juga saya ingin tanya sebagai Penasihat kepada Kerajaan Negeri Sarawak dari segi alam sekitar, kenapakah Sungai Sarawak masih begitu kotor, walaupun Yang Berhormat Mambong cakap banyak tentang macam mana Sarawak boleh menjadi model kepada semua negeri, tetapi kita pergi ke Sarawak, sungai masih begitu kotor, sampah sarap masih ada. Sila terangkan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat. Itu, Yang Berhormat tahu ke, apa sebab sungai kotor? Apakah bahan-bahan yang di dalam sungai yang menyebabkan ia kotor? Yang Berhormat tengok, sungai kuning sahaja sudah menganggap sungai kotor. Mana-mana tempat sungai kuning juga tetapi ia tidak kotor, tahu tak? Kotor itu sebab *sediment* ada dalam tanah. Jadi itu anggapan Yang Berhormat. Bahan kotor, apa dia bahan kotor? Kalau ada *heavy metals* ke? BOD tinggi ke? COD tinggi? Baru kita mengatakan bahawa itulah sungai tercemar. Kalau selagi *sediment*, selagi pembangunan ada di kawasan tadahan, sungai memang macam itu.

Yang kedua, soalan dia yang pertama yang sebenarnya. Adakah rang undang-undang ini akan dibawa ke Sarawak? Jika perlu kita bawalah macam rang undang-undang lain. Kerana kalau Kerajaan Pusat membiayai, apa salahnya? Kita pun hendak kesaksamaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat memang tepat pada rang undang-undang. Bolehkah saya minta Yang Berhormat selesaikan dalam lagi empat minit? Bolehlah.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya memang ingin menyelesaikan rang undang-undang ini, tetapi tadi, alamak mak, Seputeh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah layanlah. Saya bagi empat minit lagi.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ha, tidak payah layan dia. Okeylah. Kalu tidak payah okeylah. [Ketawa] okey, Tuan Yang di-pertua, saya mengatakan tadi, *dumping side* ini kita mesti tutupnya dengan baik-baik *save closer*. Jika ianya *save closer*, kita mesti membuatkan pengauditan semuanya itu kerana kita jangan sembaranganlah menimbus sampah sarap di bawah tanah kerana gas dia akan terus keluar. Gas ini asalkan ada lubang kecil, liang kecil, dia akan keluar. Gas mantel ini. Itulah sebabnya kalau hari panas, kemarau, tapak pelupusan sampah ataupun *dumping side* dia terbakar dengan sendirinya. Sendirinya sebab *mantel*. Jadi kita mengelakkan *mantel* ini terkeluar dengan terlalu banyak. Kita mesti mahu kontrol pengeluaran *mantel* dan gunakan *mantel* ini juga untuk menjana tenaga, tenaga elektrik. Ini yang kita hendak. Itulah, ianya jika ditutup, kita perlu pengauditan.

Untuk pengurusan sampah kita mesti ada peruntukan untuk pengurangan iaitu *reduce*. Pengurangan penghasilan sampah. Di negara lain, dia hanya dibenarkan untuk menghasilkan sebagai perumpamaan, 400 gram sahaja. Kalau lebih daripada itu, dia kena bayar. Saya nampak dalam ini memang dia ada peruntukkan untuk caj, kerana ianya baik untuk *user pay principle*. Kalau ada *user pay principle* itu baik juga. Jadi rang undang-undang ini elok baik untuk itu dan *reduce, reused and recycle*. *Recycle* itu memang baiklah, tetapi kerajaan seharusnya mengadakan rang undang-undang lain juga untuk

mengawalkan *recycle*. Kerana apa yang kita hendak *recycle*, kalau kita *recycle* kertas memang boleh, tetapi di dalam prosesnya **defiberation**, nanti semua gantiannya pecah kita kena campur sekurang-kurangnya 30% lagi *pall* untuk dijadikan kertas baru dia boleh jadi kertas bungkusan belum jadi kertas tulis. Nama sahaja *recycle paper* tetapi itu 30% gantian di tambah, gantian ditambah ataupun *pall* baru bermakna 30% lagi hutan sudah ditebang. Kalau hendak ikut itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *Recycle*, okey Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Tentang *recycle*, kita difahamkan bahawa kita akan import teknologi untuk *recycle* bahan-bahan ini dan sebagainya tetapi kita sedia maklum bahawa barang keluaran kita tidak sama, terutamanya sisa makanan tidak sama dengan yang berada di luar negara terutamanya negara Europe dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat Mambong tentang ini? Adakah kita wajar mengambil teknologi daripada Jerman dan sebagainya untuk membuat mesin *incinerator*, *recycle* dan sebagainya yang tidak sama materialnya dengan di sini? Sekian terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Makanan memang berlainan, tetapi bungkusan agak sama. Di Eropah sekarang, pembungkusan kertas tidak menggunakan plastik lagi. Kalau hendak menggunakan plastik di *supermarket*, kita beli sendiri. Kalau tidak akan bagi kertas sahaja. Kalau mahu bawa, kita terpaksa beg kita sendiri ataupun plastik sendiri.

Jadi teknologi *recycle*, untuk apa? Untuk kertas yang sama juga, untuk plastik, ini plastik. Kalau kita *recycle* plastik, yang keluar itu plastik yang *grey* sebab warna macam-macam sudah bercampur. Jadi plastik berlainan dan teksturnya juga berlainan. Ada tempat yang keras, ada tempat yang tidak keras, ini jadi masalah. *Recycle* plastik juga *not hygienic*. Keluar macam-macam gas, 'poligas' dan sebagainya. Kita mesti buat, yang pertama pengurangan, yang kedua penggunaan semula...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sabak Bernam

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Mambong. Sebenarnya kita terlibat dalam kempen kitar semula sudah lama. Jadi kita telah tentukan di mana tempat untuk mereka meletakkan sampah sarap ataupun sisa, tapi nampaknya Yang Berhormat Mambong mempunyai pandangan yang berbeza sedikit bahawa kitar semula sebenarnya perlu dinilai semula ataupun merupakan satu agenda pelupusan sisa dan sampah yang nampaknya mungkin tidak begitu baik. Apa pandangan Yang Berhormat Mambong dalam konteks ini?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya terlupa yang itu Yang Berhormat. Seharusnya saya bawa *point* itu tadi. Kitar semula ianya boleh jadi baik apabila kilang yang mengeluarkan bahan-bahan itu, yang kita beli, ambil balik dan beli balik daripada kita. Sebagai contoh karpet, permaidani. Kita kena hantar lagi ke kilang tersebut, dia terpaksa beli supaya dia boleh *recycle* semula ataupun kitar semula.

Begitu juga dengan botol-botol plastik, dia mesti boleh beli balik, kilang mana yang keluarkan plastik, dia mesti beli balik supaya dia yang mengitarkannya semula. Bukan *business* yang sembarangan. Kalau begitu, pencemaran alam sekitar lagi teruk kerana orang ini yang mengitar semula plastik, memang dia yang buat, dia yang mengeluarkan plastik yang mana. Seperti mana yang saya telah sebut pagi tadi, air dia guna, tenaga dia guna dan macam-macam lagi dia guna, bahan kimia lain lagi dia tambah. Walhal yang mengeluarkan plastik itu, kilang yang mengeluarkan plastik itu, dia lebih tahu dan jika dia beli balik plastik kita, kita mengasingkan dari rumah kita, itu lebih elok, ia tidak kotor. Kita tahu bahawa itu adalah plastik putih, hitam dan sebagainya.

Inilah sekarang, polisi dan dasar di Eropah dan juga di Amerika Syarikat sekarang. Kalau kita beli Coca-Cola dalam botol plastik, kita bawa balik dari *supermarket* di Amerika Syarikat, dia akan bayar kita sebanyak 20 sen dan sebagainya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Sekarang, saya mahu gulung. Apabila saya menggulung, saya mesti melihat rang undang-undang. Yang pertama di sini adalah berkaitan dengan tafsiran dan definisi.

Yang pertama, tafsiran sisa pepejal khas. Tafsiran sisa pepejal khas ialah apa-apa sisa pepejal yang terkawal. Apabila ianya terkawal, ianya dikuatkuasakan dalam peruntukan *Environmental Quality Act*. Jadi saya tidak nampak di dalam rang undang-undang ini, kaitan ataupun sebutan di dalam rang undang-undang ini tentang Akta Alam Sekeliling.

Jadi, ini adalah bidang ikhtisas. Jika ianya bidang ikhtisas saya rasa di dalam sisa-sisa toksik, sisa-sisa yang terkawal, Jabatan Alam Sekitar adalah satu agensi yang relevan di dalam perkara ini seperti juga dengan sisa pepejal komersial, sisa pepejal perindustrian, sisa pepejal terkawal.

Seterusnya ialah fungsi dan kuasa Ketua Pengarah di dalam peruntukan 6(e) untuk memberikan lesen dan kelulusan di bawah akta ini. Ini bermakna di dalam interpretasi saya ialah lesen untuk mereka yang akan mencebur diri dalam bidang pengurusan sisa-sisa pepejal. Adakah lesen juga diberi untuk tapak pelupusan sampah? Ini juga diperlukan.

Seterusnya ialah pembinaan atau pengubahan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan. Di dalam seksyen 8(1) ianya mengehendaki kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu secara bertulis untuk mana-mana pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan, melainkan jika pelan atau spesifikasi yang berkaitan. Jadi peranan Ketua Pengarah ini, spesifik dan ianya bidang ikhtisas. Oleh yang demikian, adakah peranan Ketua Pengarah ini akan juga membuat *reference* kepada jabatan-jabatan yang lain seperti bekerja dengan Jabatan Alam Sekitar.

Di dalam seksyen 8(2)(d), memudaratkan kesihatan awam. Memang, banyak jenis-jenis sisa-sisa pepejal akan memudaratkan kesihatan kita. Di manakah peranan Ketua Pengarah ini? Adakah ianya akan membuat *reference* atau rujukan kepada Kementerian Kesihatan?

Di dalam seksyen 14 kehendak bagi lesen yang mengatakan tertakluk kepada seksyen 16 tiada seorang pun boleh mengusahakan dan sebagainya. Di dalam perkara ini, pelan dan strategi *waste management* atau pengurusan sisa amat penting dan adakah nanti Ketua Pengarah akan memerlukan pelan dan strategi ini?

Seterusnya di dalam seksyen 19(2)(a), menghendaki pemegang lesen untuk membayar *fi* yang ditetapkan dalam tempoh yang ditetapkan juga. Berapa, *how much fee* ini? Ini juga yang mahu kita tahu. Di dalam seksyen yang sama, (3)(h) dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pemegang lesen itu. Adakah satu standard dan protokol daripada jabatan ini akan dikeluarkan supaya mereka yang mengusahakan pengurusan sisa-sisa pepejal ini, boleh mengikut protokol dan standard ini. Kalau tidak nanti mereka buta-buta buat apa sahaja yang mereka mahu dan tidak tahu apa-apa yang harus dibuat. Macam setakat ini, sudah 50 tahun kita merdeka PBT belum lagi efisien, belum lagu tahu lagi bagaimana untuk menguruskan sisa pepejal dengan baik.

Di dalam seksyen 31...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat ingin pergi dari fasal ke fasal?

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tidak, ini bukan pergi ke fasal ke fasal, saya merujuk kepada am. Di dalam seksyen 30(1), saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab kalau Yang Berhormat ingin dari setiap seksyen, lebih elok mungkin masa dalam Jawatankuasa Yang Berhormat boleh tanya.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Kadang-kadang saya tidak dengar Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya minum kopi 'O' di luar, saya tidak dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, Yang Berhormat kalau minum kopi 'O', itu terpulang kepada Yang Berhormat, tapi kita ada peluang untuk Yang Berhormat bangkitkan perkara ini mengikut seksyen ke seksyen di peringkat Jawatankuasa. Jadi sebab saya ingin mencadangkan supaya di peringkat dasar...

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya mahu mengakhiri sekarang, tapi Tuan Yang di-Pertua mencelah. Untuk mengakhiri ini, yang terakhir... Minum kopi 'O' juga itu sisa pepejal tidak baik untuk kesihatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, tapi kopi 'O' itu jangan buang ke longkanglah. Habiskan kopi 'O' itu.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, di dalam seksyen 30(1), saya amat berminat dengan seksyen ini, Yang Berhormat Menteri. Saya harap ini adalah satu seksyen yang boleh dilaksanakan, yang boleh dikuatkuasakan kerana seksyen ini menggariskan '*Polluter Pay Principle*', siapa yang makan banyak, dia belanja banyak. Itu maknanya. Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, untuk kali ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai ya. Yang Berhormat, saya bagikan setiap Ahli berucap tidak lebih daripada 10 minit. Yang Berhormat Bera, sila, 10 minit. Jangan lebih daripada 10 minit.

3.11 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh, boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Isu sampah, isu pusat pelupusan sampah sehingga hari ini masih belum dapat diselesaikan. Sebelum masalah sampah dan pelupusan sampah diswastakan, isu yang sama juga timbul, iaitu pihak PBT gagal untuk menyelesaikan masalah sampah dan juga pusat pelupusan sampah. Akhirnya pihak Kerajaan Persekutuan membuat keputusan untuk menswastakan pengutipan sampah, pelupusan sampah dan sebagainya. Maka lahirlah seperti saya hendak sebut di Pantai Timur, dilantik sebuah syarikat swasta iaitu Alam Flora yang tujuan pelantikan itu ialah untuk menyelesaikan masalah sampah kerana PBT gagal di dalam menyelesaikan isu sampah.

Pada hari ini sekali lagi kita bercakap perkara yang sama iaitu selepas kita melantik, selepas kita menswastakan soal pelupusan sampah, soal selepas kita menswastakan, soal menyelesaikan masalah sampah. Pada hari ini kita bercakap bahasa yang sama, iaitu sampah tidak diselesaikan dan pada hari ini kita membentangkan satu rang undang-undang yang sepatutnya telah diselesaikan apabila pihak swasta seperti Alam Flora dilantik untuk menyelesaikan isu ini.

Pada hari ini kita lihat – saya hendak sebut sedikit pasal tidak ada masa banyak, Tuan Yang di-Pertua beritahu – masalah pencemaran bau selepas diswastakan. Soal pencemaran bau, 229 daripada 246 tapak pelupusan adalah jenis *dump site* dan tidak disanitarikan, masih tidak selesai. Pencemaran sumber air sekarang terdapat 47 tapak pelupusan sampah di hulu-hulu sungai, di tepi-tepi sungai yang menyebabkan air resapan masuk ke dalam sungai. Perkara ini berlaku juga sedangkan kita sudah beritahu. Saya

sudah sebutkan tadi bahawa perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana kita menswastakan soal pelupusan sampah kepada syarikat swasta, tidak selesai.

Kita dengar baru-baru ini, di Selangor, apabila resapan air keluar mengotorkan sungai dan sebagainya. Pencemaran air tanah, resapan yang merosakkan tanah dengan bahan-bahan kimia terdapat 33 kawasan di dalam negara yang terlibat di dalam isu ini. Banyak bahan kimia seperti arsenik, kromium, besi, *manganum* dan sebagainya. Saya tidak hendak sebut satu persatu, saya ada, tetapi mungkin tidak sempat masa ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak sempat masa. Saya sebut secara *general*. Contoh, arsenik, lapan kawasan daripada 33 kawasan itu merosakkan dan menjadi tanah yang tidak sesuai untuk digunakan lagi. Pembakaran terbuka dalam tempoh lima tahun 838 aduan terhadap pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah selepas diswastakan dengan alasan untuk menyelesaikan masalah ini, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi masih timbul. Soalnya, apakah jaminan daripada pihak Kerajaan Persekutuan, daripada pihak kementerian terutamanya, apabila rang undang-undang ini kita terima pada hari ini, masalah yang saya sebutkan tadi dapat diselesaikan.

Masalah PBT senang sahaja, kekurangan tenaga. Apakah pihak kementerian selepas ini apabila mengambil alih segala urusan pelupusan sampah, apabila menubuhkan perbadanan untuk mengambil alih masalah pelupusan sampah, akan mempunyai tenaga yang cukup sedangkan kita tahu PBT seluruh negara mempunyai tenaga kerja yang cukup, tetapi timbul juga masalah soal tenaga kerja cukup atau tidak cukup.

Satu lagi ialah masalah kewangan. Timbul masalah kewangan. Saya hendak tahu berapakah jumlah...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Padang Terap.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak habis ayat. Saya hendak tahu daripada pihak kementerian, berapa jumlah yang diperuntukkan kepada perbadanan ini untuk menyelesaikan semua masalah yang ditimbulkan oleh masalah pelupusan sampah tadi. Sila Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Bera. Memang kalau kita lihat masalah PBT tidak selesai sejak sekian lama, masalah sampah, masalah kebersihan dan sebagainya. PBT ialah satu badan di mana pegawainya merupakan jabatan tertutup, *close department*. Ini juga saya rasa adalah salah satu sebab kenapa dan mengapa PBT begitu kurang aktif ataupun masalah yang berlaku sejak sekian lama. Adakah Yang Berhormat boleh mencadangkan supaya sesuatu dibuat dan difikirkan supaya keluarkan sedikit pegawai-pegawai PBT, jangan hanya duduk dalam kelompok sahaja supaya ada sesuatu penyelarasan antara kementerian, negeri dan juga daerah supaya membolehkan masalah ini dapat diselesaikan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat ini? Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Setuju, saya setuju. Memang selama ini tidak boleh diselesaikan masalah PBT kerana *close service* tadi, sistem tertutup. Tadi pihak Batu Gajah, misalnya, mengatakan bahawa timbul masalah dengan PBT. Kita akui bukan sahaja DAP nampak perkara ini, pihak kerajaan juga lihat perkara ini. Pihak Barisan Nasional juga lihat perkara ini. Walaupun ada wakil daripada Barisan Nasional menjadi Ahli Majlis di dalam PBT, tetapi pihak berkuasa tempatan, pihak pengurusan kadang-kadang tidak peduli dengan apa yang diputuskan di dalam mesyuarat.

Kita tidak boleh buat apa-apa kerana *close service* tadi, kerana sistem yang tertutup tadi. Kita tidak boleh hendak tukarkan dia dan tidak boleh buat apa-apa. *He couldn't care less*, dia tidak peduli apa sahaja keputusan. Saya hendak maklumkan ada satu tempat di Pahang, saya tidak hendak beritahu di majlis daerah mana. Sampai wakil

daripada sebuah parti politik, sampai naik atas meja pergi kepada yang di-pertua. Sudah tidak tahan. Sudah berapa lama cakap isu yang sama seperti masuk telinga kanan, keluar telinga kiri, tetapi tidak boleh buat apa-apa sebab sistem tertutup.

Jadi saya hendak cadangkan seperti yang Yang Berhormat Padang Terap beritahu, hendak cadangkan kepada pihak kementerian dan Yang Berhormat Menteri ada di sini, kita pinda Akta Kerajaan Tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Huiyo! [*Ketawa*] Kita pinda Akta Kerajaan Tempatan supaya jadikan sistem PBT sistem terbuka. Saya cepatkan. Saya memang hormat kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya cepatkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya sebut tadi tentang masalah kewangan. Saya hendak tahu sedikit lagi berapa jumlah yang diperuntukkan di bawah perbadanan ini untuk menyelesaikan masalah sebab akan diambil alih semua. Mungkin akan mengambil alih tempat pelupusan sampah. Mungkin wujud *incinerator*, akan dibuat *incinerator* dan sebagainya. Jadi bagaimana hendak menyelesaikan masalah kalau masih tidak mempunyai kewangan yang cukup. Bagaimana kerjasama dengan kementerian lain? Bagaimana kerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar? JPS misalnya.

Saya ambil satu contoh, daripada Sungai Klang melalui sungai di Kuala Lumpur, sampah-sarap melalui sungai, saya difahamkan 20 tan sampah-sarap sehari dikutip oleh JPS dan JPS dikenakan bayaran, lalu di dalam kawasan majlis perbandaran. JPS kata sepatutnya lalu dalam majlis perbandaran, di dalam Majlis Perbandaran Klang sepatutnya masalah kerajaan tempatan tetapi JPS kena bayar kerana sampah di dalam sungai. Jadi saya hendak tanya macam mana pula dengan kerjasama di antara kementerian dengan kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya minta tolong beri sedikit masa kepada saya Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pergi *direct* kepada perundangan. Baru hendak masuk perundangan, seksyen 45(1) - Bidang Kuasa Tribunal. Tribunal yang ada di sini bidang kuasanya ialah untuk membicarakan soal *fees*, soal caj dan soal levi sedangkan masalah yang besar dihadapi oleh kita bukan soal levi atau soal *fees* tetapi soal bagaimana hendak menyelesaikan masalah pencemaran. Kalau ada *leachate*, ada keresapan dalam sungai, kekotoran air sungai dan ada timbul masalah, sepatutnya ini yang diutamakan supaya rakyat boleh membuat laporan kepada tribunal tetapi apa yang berlaku, yang ada kuasa pada tribunal adalah untuk membincangkan soal *fees* sahaja.

Jadi saya rasa tidak akan menyelesaikan masalah. Mungkin jawapan daripada Yang Berhormat Menteri boleh pergi ke mahkamah tetapi itu bukan soalnya. Sepatutnya kita wujudkan tribunal di sini ialah untuk menyelesaikan masalah yang paling besar iaitu masalah pencemaran, sama ada pencemaran di dalam sungai, pencemaran bunyi, pencemaran bau yang saya katakan tadi dan berbagai-bagai pencemaran yang lain.

Saya *skip* Yang Berhormat. Ini untuk menghormati Tuan Yang di-Pertua. Caj Bahagian V seksyen 30(1), "Menteri boleh menetapkan caj, fi dan levi." Soalnya bagaimana caranya, berapa jumlahnya dan di mana.

Sekarang saya hendak beritahu Dewan bahawa di tempat saya timbul masalah dari segi penetapan caj untuk cukai pintu dan *quitrent*, sebab di dalam Akta Kerajaan Tempatan dia boleh mengutip cukai di dalam kawasan majlis perbandaran atau majlis daerah dan juga di laluan melalui kampung, di kiri kanan jalan boleh dikenakan caj. Ini menimbulkan masalah kerana di kampung-kampung, servis tidak cukup. Majlis daerah tidak mengenakan servis tetapi kerana akta membenarkan pihak majlis mengambil *fees*, menetapkan *fees* di kiri kanan jalan, maka orang kampung terpaksa membayar cukai.

Jadi saya hendak tahu di dalam isu ini, di dalam seksyen 30(1) boleh menetapkan *fees* di mana? Adakah mengikut jajaran jalan seperti di bawah kerajaan tempatan tadi

ataupun di mana sebab kesannya besar. Kesan kepada orang kampung besar kerana seksyen 32 menetapkan bahawa kalau sesiapa yang gagal untuk membayar *fees* boleh didenda tidak melebihi RM5,000 ataupun RM50,000 bagi setiap hari kesalahan. Isu ini besar. Jadi saya harap pihak kementerian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...cuba berhati-hati di dalam soal *fees* ini dan akhir sekali...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Hendak bertanya atau hendak bercakap? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Cukup. Jadi *last* sekali - Keanggotaan Tribunal, seksyen 35(1), "Dilantik oleh menteri." Tribunal akan membicarakan kes mengenai perbadanan dan juga aduan daripada orang ramai atau pemunya-pemunya kepada perbadanan. Perbadanan di bawah kementerian, perbadanan di bawah menteri, semua perbadanan dilantik oleh menteri. Perbadanan adalah agensi di bawah kementerian iaitu di bawah menteri sedangkan ahli tribunal dilantik oleh menteri. Adakah boleh berlaku adil ataupun mungkin akan timbul *conflict of interest* kerana pihak menteri mempunyai *interest* di dalam tribunal dan juga mempunyai *interest* di dalam perbadanan. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri menjawab persoalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, saya banyak lagi hendak bercakap tetapi kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada bil berkaitan dengan kerajaan tempatan. Kalau Yang Berhormat ada isu berkaitan dengannya boleh bangkit jugalah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis, saya minta Lipis selesaikan dalam lima minit.

3.26 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba. Jadi bagi saya rang undang-undang ini sangat penting kerana sekarang kalau kita lihat ke huru-haraan musim di Malaysia pun rasa saya ada kaitannya dengan sistem pepejal ini. Sekarang ini musim hujan tidak menentu, musim panas pun tidak menentu, kadang-kadang tengah panas ada hujan dan dalam hujan terus banjir besar dan sebagainya. Jadi saya akan terus kepada bil ini, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya dari segi penglibatan pekerja dan kos yang terlibat. Kalau kita lihat dalam rang undang-undang ini tidak menjelaskan peranan PBT tetapi difahamkan dalam artikel surat khabar bertarikh 23 Jun, iaitu surat khabar The Star ada menyebut tentang peranan PBT ini.

Selain daripada itu, dia kata sebahagian daripada kakitangan PBT yang terlibat dengan perkhidmatan sisa pepejal telah diambil-alih oleh syarikat konsesi semasa interim dimulakan. Sebagai contohnya anggaran sebanyak 6,000 pekerja PBT telah diambil alih oleh Alam Flora. Namun begitu, peranan PBT dalam pengurusan sistem pepejal masih dikemukakan walaupun...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirudin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat telah berucap dengan panjang lebar.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ada lima minit sahaja ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal pekerja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah Yang Berhormat. Tadi masa banyak diberi kepada Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat boleh ada masa pergi sampai bola sepak. Jadi cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak. Ini pasal kesihatan pekerja Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti tengok masa menteri jawab. Kalau ada berkaitan, Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kasihan mereka kerja angkat sampah. Sakitlah, jadi kot-kot boleh masuk sedikit. Kasihan mereka, kotor-kotor masuk hidung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, saya faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jadi, itu sebagai contohnya dan kalau kita lihat dalam bil ini masih ada lagi peranan PBT dalam pengurusan sisa pepejal. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dari segi pentadbiran apakah fungsi PBT dan apakah batasan kuasanya dalam pengurusan sisa pepejal sedangkan penubuhan jabatan dan perbadanan telah diperuntukkan dalam rang undang-undang ini. Selain itu, berapa orang pekerja yang akan diambil-alih oleh jabatan dan perbadanan apabila perbadanan itu ditubuhkan nanti dan apakah kos yang terlibat dari segi pengambilalihan ini.

Seterusnya saya masuk kepada tentang caj fi dan levi kerana ini rasa saya sangat penting, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita lihat dalam fasal 19(2) dan 19(3) itu memang ada disebutkan tentang kuasa menteri untuk mengenakan caj, fi dan levi sistem pepejal terkawal kepada pemunya, penghuni PBT dan mana-mana orang yang lain begitu juga kepada syarikat yang hendak diberi lesen. Jadi di sini saya mohon penjelasan daripada menteri adakah ini bermakna cukai taksiran akan dikurangkan sekiranya *direct billing* akan dibuat kepada pemunya, penghuni PBT atau mana-mana orang. Jadi Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan langsung tidak memberi peruntukan untuk mengurangkan cukai taksiran.

Jadi cukai taksiran adalah berkaitan dengan nilai tahunan pegangan atau nilai tambah pegangan yang ditetapkan oleh sesuatu PBT. Kuasa untuk mengenakan atau menaikkan kadar taksiran merupakan kuasa PBT dengan kelulusan kerajaan negeri dan tiada kaitan langsung dengan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang akan dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi penjelasan yang kedua yang saya perlukan di sini ialah apakah mekanisme atau formula untuk menentukan caj ini.

Adakah kuantum kenaikan caj *fee* atau levi? Apakah asas untuk mengenakan caj penduduk sedangkan tidak ada jaminan kualiti servis akan ditambah baik? Apakah nilai tambah atau *value added* untuk menjustifikasikan caj ini? Jadi apakah caj dan fi yang akan dikenakan? Kalau kita lihat fasal 30 rang undang-undang ini menyenaraikan pemunya dan penghuni sebagai pembayar servis. Buat masa sekarang ini kalau kita lihat di bawah kerajaan tempatan pemunya membayar cukai taksiran manakala penghuni atau *tenant* tidak dikenakan cukai taksiran.

Adakah ini bermakna *double billing* dengan izin akan berlaku sekiranya pemunya dan penghuni adalah orang yang sama. Siapakah yang akan termasuk dalam kumpulan mana-mana orang lain? Bagi saya perlu dipastikan kumpulan yang akan membayar caj sama ada dari kumpulan pemilik atau penghuni. Dalam rang undang-undang ini juga

memberi kuasa kepada menteri untuk kes pengecualian. Sebagai cadangan kelonggaran caj harus diberi kepada premis yang kosong untuk suatu tempoh.

Berikutnya saya hendak masuk kepada kawalan longgokan atau pengolahan sisa pepejal terkawal. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini ada menyebut fasal 73 melarang sesiapa mengisih, mengusik atau mengganggu sisa pepejal dan bekas sisa pepejal kecuali pemungutan sisa pepejal yang boleh di kitar semula yang dijalankan oleh kumpulan amal atau pertubuhan lain.

Saya mohon penjelasan daripada menteri, apakah mekanisme yang akan dipakai untuk menguruskan sisa pepejal yang terletak di luar kemudahan pengurusan sisa pepejal. Maknanya di luar daripada pusat kemudahan. Kebiasaannya sukar untuk dilaksanakan kerana pesalah *illegal dumping* sukar disabitkan kesalahan atas sebab tidak ada bukti yang kukuh. Jadi atas sebab ini penduduk yang tinggal berdekatan biasanya akan menjadi mangsa dengan sikap tidak bertanggungjawab. Kita tidak dapat hendak pastikan, kadang-kadang orang buang di tempat lain. Jadi siapa yang kita hendak tuduh?

Selanjutnya dari segi kesalahan pengawalan kemudahan sisa pepejal ini. Buat masa sekarang sisa pepejal ini Tuan Yang di-Pertua, diasingkan oleh pengasing sisa pepejal. Maknanya yang memungut itu yang mengasingkan. Pemungut sisa pepejal tidak mempunyai kemudahan pengangkutan dan kenderaan yang membolehkan mereka menstor sisa pepejal atau sementara ini di kenderaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okey, saya akan habiskan selepas ini. Yang kita dapat lihat ialah kontraktor sering menggantung beg plastik mengikut barangan yang telah diasingkan. Jadi diharapkan menteri dapat membuat peruntukan untuk kenderaan pemungut yang mempunyai *facility* yang tertentu untuk memudahkan kerja-kerja pemungut.

Selanjutnya sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, lokasi tempat Pusat Kitaran Semula juga tidak bersesuaian. Contohnya, macam di tempat saya Lipis, tersorok letaknya. Sekarang ini akhirnya daripada menjadi pusat kitaran sudah menjadi tempat orang membaiki kasut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Jadi sebagai permulaan apa yang saya hendak cadangkan di sini ialah pusat-pusat kitaran itu diletakkan di tempat-tempat yang sesuai dan sebagainya. Jadi dengan itu saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu, selepas itu saya beri Permatang Pauh. Yang Berhormat, lima minit ya.

3.34 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu sudah habis dua minit Tuan Yang di-Pertua. Saya ingatkan tak jadi tadi. Rupanya jadi juga.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya saya dapat terlibat sama di dalam perbincangan Rang Undang-Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. 21 tahun dahulu, apabila kita memperkenalkan dasar penswastan kita mengharapkan berlaku penambahan kebaikan kepada sistem penyampaian kita, menambah kecekapan dan keberkesanan di dalam perkhidmatan yang disediakan. Jadi akhirnya pada...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Jadi juga?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oleh kerana itu pada tahun 1996, apabila ilham tentang bagaimana kita boleh menyampaikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di peringkat daerah boleh ditambah kecekapan dan

keberkesannya, kita pun memperkenalkan Penswastan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah harapan rakyat di bawah sana begitu tinggi. Mereka menyangkakan apabila penswastan berlaku *delivery system* (sistem penyampaian) ini akan lebih cekap. Kalau dahulu pekerja-pekerja majlis daerah atau majlis perbandaran melakukan kerja mungkin tidak mempunyai senarai semak hari ini di selatan umpamanya SWM (*Southern Waste Management*) mempunyai senarai semaknya dan senarai semak ini diharapkan menepati cita rasa pelanggan-pelanggan ataupun pembayar-pembayar cukai di bawah sana.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat dahulu majlis perbandaran menyediakan kepala mandur. Kemudian di bawah kepala mandur ini dia ada empat orang mandur. Kemudian di bawah mandur ini terdapat pekerja-pekerja yang bergerak secara menggunakan kereta, pengangkutan kereta tolak dan juga menggunakan motor dan basikal untuk mengutip sampah-sampah yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pembayar-pembayar cukai.

Hari ini setelah penswastan berlaku, apabila pembayar-pembayar cukai di sana mengajukan pertanyaan kepada pekerja-pekerja syarikat swasta ini mereka mengatakan ini bukan tanggungjawab saya. Spesifikasi hanya disediakan oleh pihak majlis perbandaran. Kalau dahulu mereka boleh bertemu terus dengan yang dipertua majlis daerah, dan hari ini yang dipertua majlis daerah pula menyatakan "Oo...ini sekarang bukan tugas kami lagi. Peranan dan tanggungjawab ini telah kami letakkan di bawah pihak swasta." Apabila ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, masalah akauntabiliti.

Jadi di sini saya minta pihak Yang Berhormat Menteri supaya melihat tanggungjawab ini benar-benar diletakkan masih lagi di bawah majlis-majlis daerah, sehinggalah daripada peringkat awal pembuangan sampah oleh pemilik-pemilik dan pembayar-pembayar cukai. Negara maju umpamanya hari ini sudah bercakap hari Isnin buang plastik, hari Selasa buang kertas, hari Rabu buang kaca. Mereka datang ke Malaysia dia rasa pelik kerana satu hari semua sampah dibuang. Kaca, plastik dan kertas di dalam satu bekas sampah. Kita masih lagi jauh ke belakang Tuan Yang di-Pertua.

Jadi hari ini kita hendak bercakap bagaimana pihak SWM, pihak swasta boleh memahami hasrat kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada pembayar-pembayar cukai di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, tahap pengasingan sampah di peringkat pengguna-pengguna, pembayar-pembayar cukai kemudian pemungutan. Kita tidak nampak ada ciri-ciri kualiti ke arah penghasilan satu perkhidmatan yang berkualiti. Ingat dengan izin Tuan Yang di-Pertua *quality product is a result of quality processes*. Satu perkhidmatan produk yang berkualiti mestilah melalui proses kerja yang berkualiti. Kalau pembuangan sampah tadi tidak ada kualiti, jangan harap tapak pelupusan kita seperti di Kerubung, Ayer Molek, Melaka akan mempunyai satu tapak pelupusan yang berkualiti.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jadi lagi... saya dikacau oleh Rembau lah, sebut jadi. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon pada pihak kementerian supaya melihat memberikan satu garis panduan yang terperinci kepada pihak-pihak swasta ini supaya memerhatikan daripada pembuangan, pemungutan, pemindahan hinggalah ke pelupusan setiap proses ini... Yang Berhormat Kepong! *[Diganggu oleh Yang Berhormat Kepong]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ... setiap proses ini mestilah melalui langkah-langkah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu, sila gulung.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong kacau saya Tuan Yang di-Pertua. Dia hulur tangan saya kena salam. Kalau tak ada hilang undi saya. Tuan Yang di-Pertua, kualiti pula itu bukan hanya di peringkat pengutipan, pembuangan dan pelupusan. Kita hendak tengok bagaimana pula pihak swasta ini melayani anak-anak kontraktor mereka, subkontraktor mereka.

Di negeri Melaka, di negeri Johor Tuan Yang di-Pertua, pihak SWM berhutang dengan kontraktor-kontraktor ini sembilan bulan, tak bayar. Tak bayar pada subkontraktor-subkontraktor yang kena menyediakan pekerja, kena menyediakan kenderaan, kena menyediakan berbagai-bagai alat untuk mengangkut sampah. Bagaimana mereka hendak menyediakan perkhidmatan berkualiti hendak angkat sampah bersih kalau pihak swasta ini, yang mengurus sisa pepejal, yang diberikan lesen ini tidak membayar mereka tepat pada masanya. Sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua. Yang pelik sekali berlaku *finger pointing* dengan izin, menuding jari. "... kita tak boleh bayar pasal apa, pasal majlis daerah, majlis perbandaran tak bayar kita." Itu jawapan yang diterima daripada pemegang lesen.

Kemudian pihak kontraktor ini macam bola, ditendang ke kiri, ke kanan. Pergi ke pejabat majlis perbandaran, pergi ke pejabat majlis daerah, minta macam mana kami hendak bayar supaya kami boleh bergerak, bekerja dengan mengeluarkan hasil kerja yang berkualiti. majlis daerah kata, macam mana kita hendak bayar, kita pula tidak ada duit. *This is the problem*, ini masalahnya. Masalah yang perlu dilihat secara terperinci dalam akta ini Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya suara saya ini adalah suara rakan-rakan kita yang hari-hari membuat pahala, membuat ibadat membersihkan kawasan-kawasan di peringkat daerah dan luar bandar di sana Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cakap banyak, tetapi cukuplah. Saya yakin dan percaya pihak menteri mendengar suara saya yang kuat begini dan juga pihak pegawai-pegawai boleh membantu bagaimana menyelesaikan masalah kitaran perkhidmatan yang berkualiti di bawah sana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ikut masa 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

3.41 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dengar macam Rembau.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Bukan Rembau, Permatang Pauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan kementerian yang telah memberikan kita taklimat sebelum kita membahas. Rang undang-undang ini digubal sebagai usaha dan langkah kerajaan menguruskan masalah sisa pepejal. Walaupun demikian setelah diteliti, rang undang-undang ini tidak mampu menyelesaikan masalah pokok iaitu penghasilan sisa pepejal yang tidak terkawal. Benar pihak kerajaan cuba mengawal sisa pepejal melalui kempen kitar semula, namun ianya tidak membawa kesan yang jelas dan tidak menyelesaikan masalah pokok. Pihak berkuasa gagal melihat punca utama masalah ini ialah titik permulaan penghasilan sisa pepejal.

Justeru itu kita kena memikirkan satu kaedah yang lebih inovatif dan strategik, pengawalan di peringkat pemprosesan lagi. Ini termasuk ketiadaan sasaran kerajaan yang tetap, tegas dan radikal. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membentangkan satu contoh walaupun telah diberi taklimat bahawa banyak contoh yang diperhatikan oleh kementerian selama sembilan tahun sebelum menggubal rang undang-undang ini, contoh amalan pengawalan yang dijalankan di Victoria, Australia. Victoria mempunyai jumlah penduduk seramai 5.1 juta berbanding dengan negeri Selangor 4.7 juta. Di Victoria terdapat satu strategi pengurusan inovatif yang dikenali pelan pengurusan sisa pepejal sifar dengan izin *zero waste management plan*.

Tiga objektif pelan tersebut ialah meningkatkan *efficiency* material dan pengurangan hasil sisa pepejal, meningkatkan proses pemulihan material untuk

pemprosesan semula, untuk penggunaan semula dan mengurangkan impak sisa pepejal berbahaya kepada alam sekitar. Strategi tersebut memaksa pihak kerajaan untuk menukar cara berfikir dan melakukan pengubahsuaian dari segi reka bentuk pengeluaran, penggunaan dan pelupusan sisa pepejal dan bahan-bahan, dengan izin *design, production, consumption and disposal of waste products and materials*. Oleh yang demikian, keutamaan dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seharusnya ditukar kepada berikut iaitu:

- (i) penghindaran iaitu *avoidance*;
- (ii) penggunaan semula mengitar dan memulih, *reuse, recycle* dan *recover*. Itu yang telah kita nampak dan saya juga ingin mengajukan satu soalan kepada Yang Berhormat menteri. Satu masa dahulu ada kempen kitar semula tetapi nampak gayanya ia mati dengan sendirinya. Apa telah berlaku kerana dahulu ada iklan dalam TV menunjukkan anak-anak muda membuatkan kitaran semula tetapi hilang sekarang ini;
- (iii) rawatan;
- (iv) pembendungan, penyekatan atau *containment*; dan
- (v) pelupusan, *disposal*.

Jika kita banding dengan pelan pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor, penyelesaian yang utamanya adalah pembinaan tapak pelupusan dengan izin, *landfill* dan pusat pemindahan dan pengumpulan sampah atau *transfer centres* atau pembinaan loji rawatan sisa pepejal atau *incinerator* atau seperti mana yang dicadangkan di kawasan Puchong pada mulanya kemudian dipindahkan ke Broga, Semenyih. Langkah kerajaan menumpu peruntukan kepada proses rawatan seperti *incinerator* dan tapak pelupusan adalah langkah kurang bijak. Sewajarnya langkah tersebut dijadikan pilihan akhir setelah usaha-usaha lain menemui kegagalan.

Saya difahamkan bahawa terdapat dua lagi pusat pemindahan dan pengumpulan sampah yang sedang atau akan dibina di Negeri Selangor iaitu di Puchong dan Shah Alam. Di samping itu sehingga sekarang kita belum tahu atau belum diberitahu secara rasmi apakah status sebenarnya loji *incinerator* yang terbesar di Asia yang dijangkakan akan dibina oleh syarikat Ebara dari Jepun di Broga, Semenyih. Saya ingin menarik perhatian bahawa satu kes *civil* penduduk di Broga, Semenyih terhadap pembinaan loji *incinerator* masih berjalan di mahkamah tinggi dan akan dibicarakan pada hari Jumaat ini. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak menteri, adakah kelulusan rang undang-undang ini pada minggu ini akan menjejaskan dan memberi kesan terhadap kes penduduk Broga tersebut.

Kes *incinerator* di Broga, Semenyih patut dijadikan satu contoh kepada pihak kerajaan agar mengambil kira pandangan rakyat terutama penduduk setempat yang terkesan secara langsung oleh tindakan dan usaha pengurusan sisa pepejal ini. Loji *incinerator* yang telah dipindahkan dari lokasi asalnya iaitu Puchong ke Broga merupakan satu keputusan yang tergesa-gesa dan tidak berasas di mana pemilihan kawasan kedua diputuskan dalam jangka masa kurang 24 jam. Pihak kerajaan juga tidak pernah mengemukakan cadangan pembinaan loji *incinerator* di Broga dalam draf pelan induk dan struktur pembangunan.

Di samping itu pemindahan loji tersebut diputuskan tanpa terlebih dahulu memperoleh kajian daripada laporan kajian impak alam sekitar ataupun *environmental impact assessment* ataupun laporan kajian impak alam sekitar terperinci, *detailed environment impact assessment* dengan izin. Ini termasuk persoalan yang dikemukakan oleh penduduk Broga mengenai betapa bahayanya keluaran habuk dan asap toksik, seperti dioksin, kepada penduduk yang tinggal berdekatan di loji *incinerator* tersebut. Menurut fakta yang dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, *World Health Organization*, asap toksik dioksin boleh berkekalan untuk jangka waktu yang lama dan boleh dipindahkan kepada kawasan yang berada di luar lingkungan.

Loji *incinerator* itu melalui peredaran udara di samping meresap ke dalam sumber air tanah dan sebagainya sehingga ianya masuk dalam rantai makanan manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham, Yang Berhormat saya hendak tegur juga. Ini tentang pengurusan masa untuk menentukan berapa ramaikah Yang Berhormat boleh beri peluang berucap juga adalah salah satu tanggungjawab kami. Tetapi ingin saya maklumkan pada tengah hari pagi, memang tidak ada orang bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Bangun, saya bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, itulah, bukan saya hendak tegur tetapi saya mintalah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat pada masa akan datang kalau boleh tunjuk sedikit bilangan supaya kita boleh tentukan masa. Jadi inilah masalah yang kami hadapilah. Saya harap boleh mendapatkan persefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi teruskan Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya bangun tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak kata Yang Berhormat, saya ingatkan kepada ada ramai memang tidak bangun.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Okey, saya bagi yang terakhir. Cabaran kita ialah bagaimana kita hendak menukarkan fikiran dan persepsi daripada pembinaan tapak pelupusan menjadi pilihan pertama dengan izin, *first option landfill, is landfill waste disposal* untuk menjadi pilihan yang terakhir. Bagi melakukan perubahan media, kita harus menetapkan sasaran tertentu dan memperkenalkan langkah pencegahan dan insentif dengan izin *deterrent and incentive* yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat dan industri. Saya ambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua kerana amalan penggunaan kitar semula boleh dilakukan untuk semua urusan kerajaan contohnya dari kertas fotokopi, kertas surat terutamanya di Parlimen ini sendiri. Kalau boleh kita kitar semula apa-apa yang telah dikeluarkan sebab banyak yang dikeluarkan atas kertas terutama di Parlimen ini.

Bagi memastikan sasaran-sasaran kita tercapai, infrastruktur, sistem dan inisiatif harus diutamakan. Pihak kerajaan seharusnya mengalihkan peruntukan untuk pembinaan loji *incinerator* di Broga yang berjumlah RM1.5 bilion itu kepada pembinaan *facility* dan infrastruktur untuk pemprosesan semula dan pemulihan bahan-bahan sisa pepejal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

3.50 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat kepada tabiat manusia apabila mereka menguruskan sisa pepejal harian, kita akan dapati manusia suka membuang sampah-sampah mereka baik ke dalam sungai ataupun di tepi jalan. Mahupun dari segi pengurusan sisa pepejal keluarga, rumah dan juga sisa pepejal pembinaan dan jenis-jenis sisa pepejal yang lain. Jadi dalam pembinaan satu budaya pembersihan awam adalah amat perlu dan kita memerlukan satu cara "*stick*" dan "*carrot*". Stik dan karet itu sama-sama diperlukan iaitu satu cara memuji dan satu cara menggalak serta denda perlu diadakan secara serentak supaya satu budaya pembersihan boleh dibentuk.

Jadi, masalah sekarang yang kita hadapi dalam sisa pepejal seperti kurang keberkesanan pihak PBT, banyak terletak kepada kelemahan penguatkuasaan PBT. Ini berpunca dari sistem perkhidmatan PBT yang bersifat tertutup yang masih diamalkan oleh setiap negeri dan PBT ini juga terletak di bawah kerajaan negeri dan dia ada cara pelbagai

untuk menguruskan sisa pepejal masing-masing mengikut negeri. Jadi, rang undang-undang yang dibentangkan ini pada saya, membekalkan satu rangka undang-undang, satu *legal frame work* yang baik untuk KPKT mengambil alih tugas pengurusan sistem pepejal yang kurang memuaskan terutama sekali sebelum satu perombakan rangka undang-undang berkaitan dengan perkhidmatan tertutup yang diamalkan oleh PBT sekarang di luluskan.

Rangka undang-undang ini adalah merupakan satu alat yang amat penting untuk negara kita membina satu budaya pembersihan awam yang amat diperlukan untuk masa hadapan negara kita. Sekiranya sebarang kelemahan atau keraguan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini dalam Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini, sekiranya kelemahan itu adalah benar dan saya harap KPKT akan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini dan juga memperkukuhkan lagi rang undang-undang ini supaya di peringkat penguatkuasaan, kita akan dapat kejayaan.

Saya ada satu cadangan juga, dalam peringkat pelaksanaan yang sentiasa menjadi punca masalah itu, sekiranya kita dapati PBT tidak dapat melaksanakan atau mengimplementasikan apa yang dikehendaki oleh rang undang-undang ini, saya cadangkan PBT yang berkenaan perlu didenda juga supaya mereka sama-sama bertanggungjawab seperti setiap rakyat. Kita sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga alam sekitar kita, untuk menghalangkan sebarang bentuk pencemaran alam sekitar kita. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong. Kepong, faham ya tadi saya terangkan secara ringkas. Faham?

3.54 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Saya di sini sebenarnya mempunyai banyaklah hendak diucap di sini. Boleh tanya Yang Berhormat Menteri, saya pun terima kasihlah pada 27 Jun itu Yang Berhormat Menteri sendiri memberi taklimat, itu baik. Saya pun menambahkan fahaman saya mengenai isu ini. itu Yang Berhormat pun ada waktu itu, *yes*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya pun buat catatan dan selepas itu saya balik buat penyelidikan sedikit apakah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di sini. Saya nak mula dengan masalah. Saya setuju sebahagian kerana ketidak mempunyai tanggungjawab orang ramai di negara ini sama ada di bandar ataupun di luar bandar sehingga tiap-tiap hari di dalam Sungai Klang pun, Sungai Klang ada 15 tempat di mana kita ada sekatan. Tiap-tiap hari hampir 200 tan dipungut. Itu yang terapung, yang tenggelam pun tak tahu lagi berapa. Ini salah satu punca banjir kerana ada setengah-setengah penduduk tidak bertanggungjawab dan tiap-tiap hari kita menghadapinya dan kita mesti cari jalan untuk mengatasi tetapi saya pun kurang faham kelima-lima rang undang-undang yang kita bentang ini begitu cepat.

Walaupun Yang Berhormat Menteri sendiri ada memberi taklimat, itu baik tapi terlalu cepat. Mengapa terlalu cepat? Bayangkan apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dia sebutkan mengenai RM1 bilion untuk menubuhkan koperasi dengan staf 2,000 orang tetapi dia salah sedikitlah, kata nak kutip wang seperti IWK. Orang pun berasa terperanjat. Apa ini yang dibuat ini, adakah itu membayangkan satu IWK yang kedua?

Itulah masalah tanggapan, konsep dan persepsi orang ramai walaupun kebanyakan di dalam itu ada rasionalnya, kebanyakannya tetapi yang pentingnya saya bagi satu contoh. Taman Beringin, tapak pelupusan sampah sarap. Di Taman Beringin, ada satu langkah yang betul juga kerana sekarang hendak dipulihkan selepas tapak pelupusan itu ditutup dua tahun yang lepas. Ada usaha untuk memulihkan tapak itu kerana *leachate* dan sebagainya akan terus mengalir di situ. Ada usaha tapi Yang Berhormat Menteri mesti tahu sebelum dia membulikan Keponglah, di Kepong sahaja ada.

Yang Berhormat Menteri mesti tahu ada satu lagi tapak yang telah pun ditutup tapi tidak ada usaha untuk mengurus, untuk merawatnya. Sekarang ada satu pembangunan projek Rimbunan Hijau di atasnya dan satu lagi ada megalagasi di atas tapi tapak itu tidak pernah diurus dan dirawat dan mesti ada bisa dan *leachate* lagi.

Ini masalahnya dan saya berharaplah Yang Berhormat Menteri supaya setiap tapak pelupusan itu mesti kita buat rawatan dan mesti adakan rawatan untuk *leachate* dan sebagai untuk 20-30 tahun. Itu mesti dibuat, Yang Berhormat ada sebutkan semalam nak tutup lebih 100 lagi. Saya berharap ada rancangan untuk merawat *leachate* dari tapak-tapak pelupusan ini.

Seterusnya mengenai stesen pemindahan kerana stesen pemindahan ini ada satu-satunya di Kepong. Taman Beringin ini di Kepong.

Satu hari dia boleh merawat 1,700 tan dan di bawa kepada Bukit Dagar dan di sinilah saya pun hendak bangkitkan masalah kerana di Semenyih pun saya diberitahu ada bantahan kerana bising sangat dan juga pencemaran. Di sini saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji sama ada boleh memperbaiki keadaan di stesen pemindahan di Taman Beringin supaya benar-benar bersih, benar-benar tidak ada bising sangat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seterusnya, di sini saya hendak Yang Berhormat jawab kepada kita. Yang Berhormat, pada Ogos 2005, Ogos 25 ada keluaran satu Pelan Induk Pengurusan Sisa Pepejal. Sebelum itu Yang Berhormat pun menggunakan kepakaran Jepun untuk menggubal dasar-dasar dan juga E-program bagi pelan induk pengurusan sisa pepejal itu. Di sini saya ingat bukan main hebat, itu Ogos 25 dan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Apakah terjadi dengan pelan ini? Yang Berhormat pun dalam taklimat tidak pernah sebutkan apakah yang akan dibuat dengan pelan induk ini. Saya hairanlah kalau kita belanja berjuta-juta ringgit, kemudian kita biarkan dengan begitu sahaja, kemudian kita kata kita hendak adakan satu perancangan baru. Pihak Kerajaan Persekutuan hendak mengambil alih semua, jadi saya pun hairanlah macam mana kita buat dengan pelan induk itu.

Yang Berhormat, kerana kita tidak ada masa, *national strategy plan for solid ... management*. Di dalam itu ada banyaklah, di sini Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak pernah sebutkan, bukan main hebatnya pelan ini tetapi tidak sampai dua tahun ditangguhkan ataupun dibiarkan begitu sahaja. Kita hendak ada rancangan yang baru. Di sini Yang Berhormat, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, lebih masa dah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lebih masa dah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana lebih masa, saya baru mula sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita buat kerja tengok macam mana tebal. Yang Berhormat Menteri pun hendak tahu apa kita hendak buat kerana semasa bagi taklimat, beliau ada buat cadangan, kita buat teguran sikit. Buat teguran sikit, hendak memperbaiki rancangan dia ini. Sekarang saya hendak buat teguran sedikit sahaja. Begitu tebal macam mana kita hendak buat ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nanti boleh mencelah ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak boleh celahlah, celah itu tak jadi apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dengan secara ringkaslah saya hendak sebutkan ya. Misalnya Alam Flora, Southern Waste dan E-Idaman, di sini pihak kerajaan sudah buat perjanjian dengan syarikat-syarikat ini. Dan *corporatization* atau penswastaan pun bermula hampir satu dekad, satu dekad. Disebutkan kerana pelbagai faktor, PBT tidak mampu bayar dan sebagainya, saya ingat kalau baik bagi mengurangkan pertimbangan para penduduk di Malaysia ini, baik kita umumkan perjanjian di antara Alam Flora, di antara Southern Waste dan juga E-Idaman supaya kita tahu di manakah dunia ini, syarikat-syarikat swasta boleh cuba sembilan tahun. Kalau tidak berjaya, pihak kerajaan mengambil alih dengan RM1 bilion sebagai geran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, habiskanlah, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini baru mula sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah. Kita sudah setuju lima minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Orang lain pun ada hendak bercakap Yang Berhormat. Saya hendak menteri jawab lebih kurang 4.30 petanglah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 4.30 hendak jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tapi saya akan sambung dengan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Yang lainlah, sila duduk Yang Berhormat. Ya, Rembau.

4.05 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 pada petang ini. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengemukakan satu rang undang-undang yang bukan sahaja proaktif tetapi berani dan menepati kehendak rakyat. Kita sedia maklum selama ini perkhidmatan yang diberikan oleh PBT, berbeza dengan satu PBT dengan PBT. Kalau dewan bandar raya dan majlis perbandaran dapat memberikan khidmat yang berkesan kerana hasilnya banyak tetapi banyak majlis-majlis daerah termasuk di kawasan, Rembau yang walaupun mereka mahu memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat dari segi kutip sampah, pengurusan sisa pepejal tetapi tidak dapat dilakukan kerana peruntukan yang tidak mencukupi dan juga kakitangan yang tidak cukup.

Jadi dengan adanya rang undang-undang ini, kita harap di seluruh negara tidak akan timbul lagi masalah ketidakupayaan PBT di dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara yang berkesan. Apa yang penting kepada rakyat sekarang ini adalah dia hendak perkhidmatan itu baik, kalau sampah janji kutip dua minggu sekali, mesti kutip dua minggu sekali, bukan dua bulan sekali. Dan dengan kos yang minimum, itu yang penting. Bagi rakyat sama ada diuruskan oleh sebuah perbadanan atau PBT, bagi mereka tidak penting, bagi mereka melihat ia perkhidmatan oleh pihak kerajaan. Sebab itulah saya menyokong penuh usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan ini supaya dengan itu kita berharap dalam waktu yang terdekat perkhidmatan yang lebih baik dapat diberikan oleh perbadanan yang baru ini supaya tidak timbul lagi masalah-masalah di masa yang lepas.

Di mana rumput tidak dapat dipotong kerana syarikat konsesi tidak menjalankan kerana tidak dapat bayaran daripada PBT. PBT tidak dapat bayar kerana hasil tidak mencukupi, ia jadi macam satu *wishes circle*, putaran masalah yang tidak selesai. Dan

saya yakin dengan adanya rang undang-undang ini, undang-undang baru ini dengan penubuhan perbadanan PSB ini, saya rasa masalah ini tidak akan timbul.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Cuma ada beberapa *concern* ataupun daripada pihak PBT yang saya harap kerajaan dapat, minta maaf saya tidak cukup masa ya, minta maaf ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya celah pun tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Jadi kalau, cuma beberapa *concern* iaitu pertama kita harap pihak kerajaan tidak akan melupakan soal penstrukturan semula organisasi PBT itu sendiri. Seperti yang kita lihat sekarang ini banyak PBT, kakitangannya adalah kakitangan sementara dan kontrak. Jadi pihak kerajaan harus memikirkan masa depan mereka.

Yang kedua, dengan adanya PPSPPA ini bagaimanakah peranan PBT? Adakah mereka hanya menguruskan soal kutipan taksiran, soal *landscaping* dan sebagainya. Bagaimana pembahagian tugas? Seperti yang saya katakan tadi, kalau boleh PPSPPA ini mestilah ada pejabatnya di peringkat cawangan dan juga daerah untuk membolehkannya memberi khidmat yang berkesan.

Saya sarankan kepada pihak kerajaan supaya PBT yang sedia ada mungkin boleh diberi tugas selain tugas kutipan taksiran tadi, mungkin tugas kawal selia atau tugas pemantauan PPSPPA yang akan menjalankan kerja-kerja yang telah tercatat dalam rang undang-undang ini. Jadi dalam masa yang sama juga saya harap saya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana ada jaminan sehari dua ini bahawa tidak akan ada kenaikan bayaran taksiran dan juga tidak akan ada bayaran buat sementara waktu. Sebab seperti yang saya katakan tadi, apa yang penting bagi rakyat ialah perkhidmatan mestilah berkesan, kita mesti tunaikan janji. Saya rasa kerajaan Barisan Nasional sebagai kerajaan yang bertanggungjawab akan menepati janjinya sebagaimana pada masa-masa yang lepas.

Jadi dalam masa yang saya juga, saya harap pihak kementerian akan bersama-sama dengan kementerian yang berkaitan iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga Kementerian Penerangan untuk *sell the idea*, jual idea ini sebab ini perkara baru. Jadi kita harap kementerian akan buat *road show* pertama, memberi taklimat kepada kakitangan PBT sendiri termasuk kakitangan pengurusannya tentang rasional atau sebab-sebab diwujudkan PPSPPA ini. Yang kedua memberi jaminan kepada rakyat bahawa dengan adanya PPSPPA ini perkhidmatan akan lebih baik. Yang ketiganya, program-program publisiti harus dipertingkatkan melalui media massa khususnya melalui radio tv kerajaan dan juga tv swasta supaya rakyat benar-benar memahami kenapa perlu diwujudkan PPSPPA ini. Jadi dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani. Saya hendak bagi semua berucap, tetapi Yang Berhormat kena ikut peraturan masa.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Pertama sekali, saya bersetuju dengan sahabat saya daripada Rembau tadi. Saya bukan tidak mahu menyokong, tetapi saya tetap menyokong dan saya beri pujian kepada menteri ini kerana mengemukakan bermacam-macam peraturan dan sebagainya. Harapan kita ialah saya pohon supaya syarikat yang akan mengendalikan soal-soal pelupusan dan pengendalian ini adalah benar-benar yang dapat memberikan perkhidmatan yang baik. Saya berharap juga ini mengenai dengan kualiti perkhidmatan. Saya bimbang juga kerana dahulu seperti syarikat IWK misalnya, iaitu pada mulanya cukup baik. Katanya beri perkhidmatan yang baik dan sebagainya, tetapi akhirnya saya bimbang syarikat ini dia tidak

mengikuti apa yang telah disyaratkan kepadanya. Misalnya bahan-bahan air kotor, *leachate* dan sebagainya tidak dikendalikan dengan baik. Malah kita juga dikenakan bayaran yang kadang kala saya rasa...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak ada masa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tetapi Yang Berhormat sendiri bagi saya boleh celah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, itu bukan Yang Berhormat mencelah, menterilah Yang Berhormat, dia tak payahlah, ya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia tak bagi masa Yang Berhormat. Sila..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kalau satu *second* bolehlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: [*Ketawa*] Tak payahlah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, tak payahlah. Kalau begitu saya balik kepada ini, saya ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ..menyatakan dan juga mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya perkhidmatan yang akan diberikan kepada pihak kita adalah perkhidmatan yang baik. Jadi dengan itu, saya juga tertarik dengan soal rawatan pelupusan. Kalau di sini mengenai dengan soal rawatan dan pelupusan, saya amat bersetuju, tetapi persoalannya bagaimanakah keadaan yang dipanggil *landfill* tadi akan berakhir, kalau kawasan-kawasan itu sudah dipenuhi dan akhirnya bagaimana ia hendak dikendali?

Jadi bagi saya, antara kawasan-kawasan yang menjadi perhatian kepada kita ialah kawasan-kawasan bandar yang besar. Di kawasan-kawasan bandar yang besar seperti di kawasan Sungai Petani misalnya, kita ada kawasan kilang, kita ada kawasan *workshop*, kita ada kawasan perumahan, kita ada rumah pangsa, kita ada kawasan pasar, stor dan sebagainya. Jadi bagaimana? Jadi jenis-jenis sampah yang akan mereka buang nanti dan bagaimanakah pengutipan bahan-bahan ini dan hendak dibawa ke mana?

Misalnya kalau kawasan itu kilang, sudah tentu bahan-bahan *waste* dia itu cukup berbeza daripada bahan-bahan buangan daripada rumah-rumah. Begitu juga dengan kawasan-kawasan saya di mana terdapat pekan-pekan kecil. Seperti kawasan saya terdapat pekan Tikam Batu, pekan Kota Kuala Muda, dan macam-macam pekan lagi kita ada, tetapi apakah beza? Di antara pekan besar dengan pekan kecil, adakah pekan kecil juga akan mendapat perkhidmatan seperti pekan besar?

Yang akhir sekali saya hendak bangkitkan mengenai dengan pelaksanaan yang mana cukup atau tidak cukup dengan pihak yang akan melaksanakan *enforcement*. Kalau kita katakan pihak PBT tidak lagi mempunyai pegawai-pegawai yang cukup, apakah syarikat-syarikat ini akan melakukan pemantauan dengan baik? Jadi bagaimana dan apakah jaminan Yang Berhormat dalam pelaksanaan peraturan-peraturan ini?

Begitu juga saya minta Yang Berhormat jelaskan kepada kami mengenai dengan syarikat-syarikat yang akan mengendalikan perkhidmatan ini, yang mana Yang Berhormat telah sebutkan dalam akhbar hari ini yang mereka akan gunakan *key performance index*. Apakah, kalau *performance* dia kurang baik, apakah lesennya akan ditarik, akan digantikan dengan syarikat-syarikat yang lain?

Buat setakat ini, berapa syarikat yang akan mengambil bahagian, akan diberi tender dan sebagainya? Dengan itu saya turut menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam.

4.15 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, terus kepada beberapa perkara.

Yang pertama, saya menganggap rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang tepat pada waktunya. Di mana kalau kita melihat, kalau dahulunya banyak besi yang telah dibangkitkan untuk kita mengambil alih pengurusan sampah daripada PBT.

Nampaknya, setelah memperjuangkan begitu lama, barulah kita dapat membentangkan rang undang-undang ini di Parlimen. Dengan erti kata yang lain, *federalization* merupakan satu taktik yang betul kerana PBT menghadapi masalah. Di Johor, saya mengambil contoh SWM, *Southern Waste Management* ada beberapa tempat, PBT tidak mampu membayar.

Apabila PBT tidak boleh membayar kepada kontraktor, mereka mahu menaikkan cukai tafsiran. Dengan cara ini akan menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat. Jadi apabila kita ada satu mekanisme di mana ianya dijadikan satu perkara yang diuruskan oleh Kerajaan Pusat, ia akan membantu meredakan keadaan. Saya rasa itu tepat pada waktunya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya tidak menganggap ianya sebagai satu *bail out*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak bagi jalan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ... kerana ini adalah satu masalah yang berlaku di PBT. Saya mengambil contoh di kawasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak ada masa.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Oleh kerana sekarang kita nampak... tak ada masa. Minta maaf. Pembangunan begitu pesat sekali, maka kita perlu cari satu penyelesaian. Saya menganggap, saya telah meneliti bil ini, ianya berbeza dengan IWK. Bagi kes IWK, ia cuma bagi satu syarikat konsesi untuk menghalalkan cara pungutan fi daripada rakyat.

Dalam kes ini, nampaknya bukan sekadar SWM, Alam Flora dan *Northern Waste*. Banyak lagi kontraktor masih lagi tertakluk kepada rang undang-undang ini. Jadi saya rasa dengan cara ini, ada pengawasan daripada Pusat, itulah satu cara yang baik.

Yang kedua, satu perkara implikasi yang terpenting dalam soal ini ialah Parlimen sekarang mempunyai kuasa untuk membincangkan tentang sampah. *We can talk rubbish in Parliament in professional way*, dengan izin. Jadi saya rasa ini adalah satu cara untuk kita mengutarakan masalah yang dihadapi oleh rakyat, dan saya rasa satu bilion yang dianggap sebagai satu geran yang telah *dicommit* oleh pihak Kerajaan Pusat merupakan satu cara untuk meringankan beban.

Saya rasa dengan adanya satu bilion ini ianya boleh dijadikan sebaik mungkin sebagai *CAPEX*. Di mana kita lihat, kalau PBT saya mengambil contoh, sebelum saya menjadi wakil rakyat, Majlis Daerah Segamat pernah mencari saya. Kebetulan saya sebagai perunding EIA. Saya diminta untuk memberi satu *proposal*. Apabila kita membuat satu *proposal detail* EIA, bermakna kosnya lebih daripada RM800,000.00. Apabila kita sebut tentang kos ini dan kerja-kerja awalan untuk kita membuat satu tapak pelupusan

sampah, nampaknya pihak berkuasa tempatan tidak mampu. Jadi apabila adanya geran daripada Pusat, ianya membantu. Bukan sahaja ini, tapak pelupusan sampah, *sanitary landfill*, ataupun *incinerator*, kita boleh mencadangkan lokasi yang sesuai.

Jangan seperti apa yang berlaku sekarang, apabila daripada Yong Peng ia berpindah ke Sri Wangi, masing-masing bising kerana kita tidak mahu tapak pelupusan sampah yang tidak sempurna berlaku di sekeliling kita. Sebab itulah masing-masing mempunyai satu sindrom iaitu *not in my backyard syndrome*. Saya rasa kesemuanya masalah ini dapat diuruskan dengan baik sekiranya ada *detail* EIA yang secara terperinci seperti mana yang diperuntukkan dalam undang-undang Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

Satu perkara lagi, saya berharap kita dapat mewujudkan satu mekanisme, satu kaedah perhitungan tentang kadar ataupun apa yang perlu dibayar oleh PBT kepada syarikat konsesi yang ada dan mengambil kira juga perkembangan, apakah peratusan yang dibayar agar apabila selepas dua, tiga tahun perhitungan kepada fi yang akan dibayar oleh jabatan ini, ia adalah tidak membebankan penghuni-penghuni.

Saya rasa itu satu cara atau satu kaedah yang perlu dibentuk supaya ia akhirnya meringankan beban. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam.

4.21 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mengatakan bahawa pihak kami juga ingin melihat supaya kita mengadakan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang berkesan. Hari ini, kita meluluskan suatu akta dan Kerajaan Barisan Nasional pun mengakui bahawa pihak PBT telah pun gagal dalam aspek ini.

Apa sebab kegagalannya? Yang Berhormat Bera telah mengatakan ini adalah kerana sistem PBT ini pada waktu sekarang ialah tertutup. Pihak kami mengatakan tertutup ini bermakna Ahli Majlisnya tidak dipilih oleh pembayar cukai. Oleh sebab itu, dia boleh tidak mempedulikan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pihak sana juga seperti Yang Berhormat Bera.

Masalah pokok kepada kegagalan PBT dalam pengurusan sisa pepejal ialah kerana sistem PBT sekarang di mana Ahli-ahli Majlis tidak dipilih. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan ialah untuk mengelak membuat perubahan kepada sistem politik iaitu sistem pilihan raya PBT. Saya rasa kita walaupun boleh mengelakkan hanya untuk sementara waktu, tetapi kegagalan PBT akan berterusan dan pada waktu sekarang Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan pun telah mengambil alih beberapa tanggungjawab daripada PBT.

Yang pertama ialah sistem pembetulan. Yang kedua, apa yang telah dilakukan ialah telah mengambil alih juga perancangan desa dan bandar. Perancangan pun telah diambil alih daripada PBT dan sekarang ialah sistem pengurusan sisa pepejal. Berapa lagi fungsi-fungsi yang pada waktu sekarang ataupun yang patut dilakukan oleh PBT akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya fungsi-fungsinya telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, adakah kita mengatakan bahawa kakitangan-kakitangan di PBT seharusnya berkurangan tetapi pada waktu ini, adakah ia sudah berkurangan ataupun hakikatnya ialah begini, kita menambahkan jabatan-jabatan yang baru seperti yang kita akan tubuhkan di bawah akta ini.

Kakitangan-kakitangan di PBT yang melaksanakan kerja yang sama ini, yang sepatutnya melaksanakan fungsi ini juga dikekalkan dan tidak tahu apakah fungsi yang mereka lakukan. Bukankah ini satu kaedah yang kurang bijak? Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah perbezaannya selepas kita mengadakan rang undang-undang ini kerana *players* yang sedia ada sekarang akan juga memainkan peranan pada masa hadapan apabila kita menubuhkan satu jabatan yang baru.

Adakah sistem memungut juga akan diadakan bersama selain daripada kita akan memisahkan jenis-jenis sampah? Sekiranya *players* adalah sama, PBT juga di bawah Kerajaan Barisan Nasional dan jabatan ini juga di bawah Kerajaan Barisan Nasional, jadi

bagaimana dia boleh meyakinkan kami bahawa dengan mengadakan rang undang-undang ini dan juga dengan mengeluarkan RM1 bilion untuk menubuhkan satu jabatan, dia akan menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pihak kami berasa bahawa kalau kita hendak menyelesaikan masalah kurangnya keberkesanan di PBT ialah dengan mengubah sistemnya. Saya menyokong kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bera supaya meminda undang-undang supaya Ahli-ahli Majlis dipilih oleh rakyat. Kalau mereka tidak berkesan, mereka boleh ditukar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Habiskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekarang mereka tidak boleh ditukar, jadi mereka bermaharajalela lebih ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bermaharajalela Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... lebih berkuasa daripada Speaker. Speaker pun mesti berdepan dengan pembayar cukai untuk memilih pada pilihan raya yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita semua begitu, tetapi Ahli-ahli Majlis ini tidak begitu. Itulah yang menyebabkan kegagalan ataupun ketidakberkesanan apa-apa fungsi yang dilaksanakan oleh PBT. Apakah Yang Berhormat Menteri akan ataupun Barisan Nasional akan terus *build up* ataupun mengambil alih sahaja tanggungjawab PBT.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Bukit Mertajam. Silakan Sabak Bernam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan tidak ingin mengubah langsung di sana. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

4.27 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang dibawa untuk penambahbaikan kepada urusan dan pengurusan pentadbiran kerajaan demi kepentingan rakyat.

Sabak Bernam ingin membawa dua perkara. Yang pertama ada kaitan dengan satu garis panduan yang baru saya terima tetapi tajuk buku ini ialah, 'Garis Panduan Hiburan Dalam Islam.' *[Mengangkat buku berkenaan]*

Saya hendak mencadangkan kepada kementerian ini supaya dalam pengurusan sisa pepejal, pengurusan sampah, pengurusan kekotoran untuk kebersihan ini supaya ada satu buku atau garis panduan bagi setiap keluarga. Sebagai orang yang pernah terlibat secara langsung dalam berbagai-bagai kempen di peringkat negeri dulu dan sekarang tentang kitar semula dan pembersihan dan sahabat-sahabat tadi pun sudah sebut mengenai Sungai Klang begitu juga Sungai Bernam, dahulu kita suka masukkan kaki di dalam sungai itu, kita main air tetapi sekarang sudah tidak ada yang hendak main kerana bertan-tan kekotoran yang ada di dalam sungai itu.

Pentingnya buku panduan ini ialah supaya setiap individu rakyat harus memainkan peranan dalam agenda mengurangkan sisa ini seperti Yang Berhormat Mambong nyatakan tadi bahawa setiap individu rakyat sebenarnya menghasilkan 1.5 kilogram setiap hari sisa

pepejal ini. Ini akan bertambah dan yang penting katanya kerana cara hidup kita (*our lifestyle*) ini sekarang nampaknya lebih hebat daripada negara-negara maju di dunia.

Dalam konteks ini, maka Sabak Bernam ingin mengulangi supaya dalam buku ini dijelaskan antara lain senario ataupun keadaan mengenai sisa pepejal yang ada dalam negara kita sekarang yang akan turut menjejaskan bukan sahaja mereka masa kini tetapi generasi masa depan. Namun yang lebih penting dalam buku ini ialah apakah peranan setiap individu dan keluarga yang berkaitan.

Dengan adanya garis panduan ini, kita yakin bahawa ia akan dapat ataupun setiap individu rakyat akan dapat memainkan peranan tetapi kalau boleh dan ini kena boleh, dengan adanya garis panduan ini koordinasi dengan kementerian lain juga harus diadakan umpamanya dengan Kementerian Penerangan. Kita harus menggunakan kekuatan media cetak dan juga media elektronik.

Kalau kita lihat sekarang, saya ingat ramai di antara rakyat Malaysia ini akan terlibat dalam satu pertandingan yang akan dianjurkan oleh Petronas.

Kita beli RM20 dapat satu resit kerana hendak memenangi kalau tidak silap saya 50 buah kereta. Itu dalam konteks memberikan ganjaran kepada orang yang terlibat dalam agenda seperti ini.

Perkara yang kedua ialah, saya rasa ini Kuala Selangor selalu bangkitkan. Nampaknya Ahli Parlimen ini selaku pihak yang sebenarnya membahas dan terlibat dalam memastikan kelulusan rang undang-undang ini nampaknya di peringkat bawah tidak terlibat. Oleh kerana itulah mungkin, saya ingat, Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan bukan Ahli Parlimen itu masuk sebagai ahli majlis kalau boleh begitu, tetapi sekurang-kurangnya ditubuhkan satu jawatankuasa petugas khas yang ada kaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini.

Ini Sabak Bernam ketengahkan kerana peranan dalam PBT selama lebih kurang lima tahun sebenarnya hampir tidak ada perkara yang dibicarakan berkaitan dengan aspek modal insan dan perkara mengenai sampah dan sisa pepejal. Yang selalu dibicarakan ialah aspek fizikal sahaja iaitu aspek pembangunan, pembangunan bangunan, aspek jambatan, aspek jalan dan seumpamanya tetapi kurang sekali perkara ini. Demi masa depan kita, maka Sabak Bernam mencadangkan supaya diwujudkan satu Jawatankuasa Petugas Khas dan di sinilah Ahli-ahli Parlimen ataupun pimpinan di peringkat akar umbi yang prihatin dapat turut memainkan turut memainkan peranan.

Dengan itu Sabak Bernam menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Melaka dan selepas itu menteri menjawablah. Lima minit, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/I S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh mencelah nantilah.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penggubalan rang undang-undang ini yang merangkumi lebih kurang 112 seksyen yang dibahagikan kepada 12 bahagian. Bagi saya, dalam semua seksyen ini sebenarnya saraf tunjang bagi rang undang-undang ini apabila ia diluluskan pada petang ini, ia sebenarnya merangkumi Bahagian X yang merupakan saraf tunjang.

Mengapa saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana saya rasa Bahagian X ini ia merupakan satu bahagian yang menyatakan pengurangan dan juga mendapatkan semula sisa pepejal terkawal. Seperti mana yang kita sedia maklum, pada hari ini jika kita bergantung pada peningkatan populasi di dunia ini dan juga kita bandingkan dengan penghasilan sisa pepejal, sebenarnya manusia di dunia ini telah menggunakan 20% lebih daripada apa yang boleh dicernakan dan juga diserap oleh muka bumi ini. Saya percaya bahawa satu cara yang paling baik yang mana kita dapat menangani masalah pengurusan

sisa pepejal dan pembersihan awam ialah dengan cara 3R seperti mana yang disebut oleh Sabak Bernam tadi.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya rasa 3R ini belum lagi menjadi sebahagian daripada kehidupan warga kita. Apa yang perlu kita buat ialah kita haruslah menggunakan kos yang sama banyak, masa yang sama banyak juga supaya kita dapat memahat konsep 3R ini dan supaya ia boleh diterjemahkan dalam kehidupan harian rakyat kita, kerana cara yang terbaik di dunia ini untuk menangani masalah pengurusan sisa pepejal ialah dengan cara mengurangkan sisa pepejal dengan cara mengguna semula sisa pepejal itu dan juga dengan cara kitar semula.

Saya ada sedikit perangkaan untuk tinjauan Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut satu perangkaan yang diberikan, yang saya dapatkan daripada internet. Dalam tahun 2005 disebabkan oleh Kempen 3R ini yang telah pun dilaksanakan secara maksimum dan berkesan di Amerika Syarikat, mereka telah dapat mengitar semula seberat 79 juta ton sisa pepejal dan dapat menghasilkan lebih kurang 4,500 jenis barangan yang diperbuat daripada bahan yang di kitar semula.

Dengan wujudnya kebaikan kitar semula ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam satu tahap yang besar kita dapat menangani masalah pembuangan sisa pepejal dalam negara kita ini. Kebaikan-kebaikan bagi 3R ini termasuklah seperti mana yang dikatakan iaitu pengurangan (*reduce*) penghasilan sisa pepejal iaitu melibatkan pembelian barangan yang tahan lama dan ia juga melibatkan pembelian produk yang mana *packagingnya* tidak bertoksik seperti plastik. Berkenaan dengan konsep penggunaan semula, kita haruslah mendidik rakyat bahawa botol-botol yang digunakan boleh digunakan semula dan kita haruslah juga menggunakan *refillable* pen, pensel dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mesej-mesej ini adalah cukup penting. Jika kita tidak memahat mesej-mesej ini maka kita akan berebut-rebut dengan masa, dan kita sentiasa terbelenggu dengan masalah sisa pepejal yang berkelompok ini.

Saya berharaplah supaya dengan wujudnya undang-undang sisa pepejal sebegini kita boleh wujudkan satu pasaran bagi barang-barangan kitar semula. Setakat manakah insentif dari segi cukai boleh diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengendalikan atau pun menceburi dalam industri yang melibatkan barang-barangan kitar semula ini, ataupun barang-barangan yang diperbuat daripada bahan kitar semula.

Saya rasa jika kita memberikan insentif sebegini dalam industri ini kita boleh memupuk satu budaya kitar semula supaya rakyat tahu bahawa pentingnya kita menggunakan konsep 3R ini dan ia dapat diterjemahkan dalam kehidupan harian bagi warga kita.

Satu lagi cadangan yang ingin saya beri kepada kementerian, disebabkan oleh kesuntukan masa iaitu, bolehkah kita wujudkan kedai-kedai khas dalam negara kita yang menjual barang-barangan kitar semula dengan harga yang berpatutan? Ini kerana selama ini dalam negara kita masih belum wujud lagi mana-mana kedai yang menjana atau menjadikan satu produk kitar semula sebagai satu *re-branding* seperti mana yang wujud dalam negara-negara maju di negara-negara barat.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tamat iaitu kita harus memberi insentif kepada rakyat kita untuk menghantar barang-barang yang boleh di kitar semula ke pusat-pusat. Saya difahamkan pada hari ini wujudnya tidak kurang daripada 6,000 pusat penggunaan semula di Amerika Syarikat yang begitu senang *accessibilitynya* dan ia telah pun memberi kesenangan kepada warga-warga mereka dan mungkin juga kita boleh memberikan sedikit ganjaran kepada warga kita yang menghantarkan barang-barang untuk kitar semula ke pusat-pusat itu. Saya percaya dengan pembayaran kepada warga kita yang menghantar barang-barang untuk kitar semula itu ia akan jauh lebih rendah daripada pembayaran yang kita akan buat ke atas tapak pelupusan sampah ataupun *incinerator*.

Akhirnya saya juga ingin merayu kepada pihak kerajaan supaya janganlah kita buka lagi terlalu banyak tapak pelupusan sampah kerana bukan sahaja ia tidak *sanitary* tetapi ia sentiasa menjadi isu politik bagi wakil-wakil rakyat. Jika pun kita tidak dapat mengurangkan sisa pepejal mungkin cara yang terakhir sekali ialah secara *incinerator*.

Incinerator, secara peribadinya saya tidak bantah cuma kita kena pastikan *incinerator* yang akan kita bina itu tidak menghasilkan bahan-bahan toksik seperti *dioxin*, *mercury* ataupun *cadmium*. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands, tiga minit, Yang Berhormat.

4.39 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih. Saya tahu banyak perkara perlu di bincang tetapi perkara yang saya hendak bawa itu sedikit sahaja. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengambil masa sembilan tahun untuk menjernihkan dan memurnikan akta ini dan *federalization* ini cukup cantik sekali dan menepati masa.

Cuma satu sahaja, soalnya bila kita memberi kepada syarikat-syarikat kuasa atau peluang untuk mengendalikan sisa pepejal, saya bimbang bahawa industri-industri hiliran yang kini telah mantap dalam proses lima dekad kita merdeka ini, seperti industri besi buruk mungkin akan menerima padah akibat daripada munculnya syarikat-syarikat yang mungkin akan diperkasakan peranan mereka seperti Alam Flora dan Southern Waste. Ke manakah akan pergi industri-industri ini? Contohnya ada ratusan industri besi buruk di merata negara yang membuat perniagaan dan juga menawarkan pekerjaan yang begitu banyak sekali. Ini mungkin juga menjadi satu isu kerana ada segelintir masyarakat India yang terlibat dalam industri seperti ini yang menjana pendapatan kepada golongan-golongan tertentu.

Maka memohon kepada Yang Berhormat supaya menelaah dan meneliti peranan seperti Alam Flora dan juga Southern Waste atau pun mana-mana syarikat akan diberi konsesi ini untuk mengambil kira perkara yang berkaitan dengan pembuangan sisa toksik dan industri-industri hiliran yang berkaitan.

Kedua, apabila sisa pepejal itu dibuang dan diproses lama kelamaan benda itu akan jadi sisa toksik. Saya ingin maklumkan bahawa sisa toksik bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian ini ianya di bawah bidang kuasa Kementerian Alam Sekitar, di manakah terletak antara dua ini? Sisa pepejal dan sisa toksik. Apabila benda itu menjadi sisa toksik adakah ia masih di bawah bidang kuasa syarikat-syarikat ini atau tidak lagi, kerana lama kelamaan buangan itu boleh jadi sisa toksik dan di manakah letaknya proses pembersihan dan proses pembuangan ini.

Saya minta supaya penjelasan diberi dan saya ucapkan terima kasihlah kepada kementerian kerana telah melakukan langkah ini, dan ini adalah satu isu yang cukup besar sekali. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput menteri jawab. Nanti Yang Berhormat boleh mencelah ya, Yang Berhormat Menteri sila.

4.41 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan dan banyak pandangan telah pun diberi, terdapat juga kritikan yang membina terdapat juga pandangan yang merupakan *consent* dengan izin.

Saya cuba menjawab seboleh-bolehnya perkara yang berkait dengan dasar yang termasuk dalam bidang kuasa rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Ledang telah membangkitkan beberapa perkara seperti banjir kilat. Sekiranya pengurusan sisa pepejal ini tidak dikawal dengan baik, diurus dengan baik, tidak ada penguatkuasaan, terdapat ramai orang buang sampah ke dalam parit atau longkang dan sungai itu memang akan menjadi salah satu masalah yang boleh menyumbang kepada masalah banjir kilat. Ini memang telah pun mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan.

Bagi bekas pekerja-pekerja PBT yang diambil oleh syarikat konsesi yang dikatakan tidak beri bonus dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat lain telah menyentuh tentang kontraktor, subkontraktor yang tidak dibayar oleh syarikat konsesi. Sebaliknya pihak syarikat konsesi telah juga mengadu kerap kali kepada kementerian saya dan juga pihak kerajaan bahawa mereka tidak dapat dibayar sehingga hutang telah bertimbun. Sehingga bukan sahaja berpuluh juta secara *accumulated that* bagi kedua-dua syarikat sudah sehingga hari ini telah pun berdekatan dengan kira-kira RM100 juta, ia bukan satu *figure* yang kecil.

Inilah jadi satu *chicken and eight* isu, ini adalah satu perkara yang memang boleh diatasi selepas rang undang-undang ini diluluskan dan selepas perbadanan telah pun siap sedia untuk berfungsi mengikut dasar, strategi dan apa yang telah pun digariskan di dalam bidang kuasa rang undang-undang ini.

Namun begitu saya ingin dengan jelasnya di sini mengatakan bahawa rang undang-undang ini ia tidak bertujuan langsung untuk *bail out* mana-mana seorang individu ada syarikat.

Semasa saya membentang rang undang-undang ini telah dengan jelasnya bahawa ini adalah satu dasar, satu strategi, satu pelaksanaan yang bersepadu dan boleh menyelesaikan semua isu pengurusan sisa pepejal untuk negara kita dan ia tak berkaitan dengan mana-mana satu *bail out*.

Lagipun syarikat konsesi yang kedua-dua telah pun beroperasi selama kira-kira sembilan tahun, mereka tidak dalam keadaan gulung tikar ataupun bankrap sehingga kerajaan nak menyelamatkannya, tidak ! sebenarnya hutang terhadap mereka itu harus dibayar oleh PBT. Apa yang mereka tunggu-tunggu ialah supaya mereka boleh pergi ke bank untuk dapatkan pinjaman melabur untuk beli menambah *facilities*, menambah kakitangan untuk memperbaiki kebolehan mereka untuk menguruskan sisa pepejal.

Jadi dalam hal ini memang ia sejajar dengan hasrat kerajaan dan rakyat supaya kita nak tengok penambahbaikan dalam pengurusan sisa pepejal.

Begitu juga yang dikatakan pihak berkuasa tempatan juga perlu di *bail out* pun tak tepat, tak betul langsung kerana pihak berkuasa tempatan adalah kerajaan tempatan yang menjaga kepentingan penduduk di dalam kawasannya.

Apabila PBT kekurangan sumber kewangan mereka tidak ada jalan lain kecuali mereka cuba kutip banyak hasil daripada rakyat dan itu akan membebankan itu akan jadi satu isu yang hebat dan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini akan semuanya bantah, kata tak boleh bagi PBT naikkan hasil naikkan cukai pintu.

Tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat akan datang sini minta Kerajaan Persekutuan cepat sikit campur tangan untuk membantu rakyat, dia bukan membantu PBT supaya pengurusan sisa pepejal di semua tempat itu akan bertambah baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mencelah kerana Yang Berhormat mencadangkan saya berbuat demikian.

Yang Berhormat Menteri, memang kita tahu PBT menghadapi masalah tapi Yang Berhormat sedarkah apabila Alam Flora dan *Southern Waste* serta E-Idaman membuat perjanjian dengan kerajaan mereka pun tahu juga, dia buat kajian bukan main veteran di dalam hal pemungutan sisa pepejal saya ada baca pengalaman dia, dia tahu dah. Apabila dia menghadapi masalah sembilan tahun kemudian kerajaan mengambil alih dan syarikat-syarikat kekal jadi konsesi, itu masalah yang pertama.

Kedua Yang Berhormat, saya ada baca daripada rang undang-undang ini daripada segi pentadbiran, apakah fungsi PBT selain daripada Yang Berhormat pernah sebut bagi dia sedikit kuasa pemantauan dan apakah sebenar fungsi PBT dan batasan kuasanya di dalam pengurusan sisa pepejal?

Di dalam rang undang-undang ini tidak ada sebut kuasa ia ini, di sini saya percaya Yang Berhormat kita akan menghadapi banyak masalah kerana kalau ada masalah dia kena cari Yang Berhormat Menteri, dia punya pasal bukan kena mengena dengan PBT, dia cuci tangan mesti dah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, cukup, cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ... kerana dia tahu Yang Berhormat Menteri akan jawab, saya akan ulangkan hal ini apakah fungsi PBT dan batasan kuasanya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Saya sebenarnya akan sampai ke situ. Sekarang saya baru mula dengan apa yang dibangkit ataupun berkaitan dengan yang PBT saya sebut tadi kekurangan sumber kewangan itu memang satu perkara di luar batasan atau di luar kawalan mereka.

Saya rasa kita semua tahu bahawa kerajaan di Malaysia ini sebenarnya amat mesra rakyat, cuba jangan membebankan rakyat cuba jangan naik sangat cukai pintu dan sebagainya. Jika kita nak bandingkan dengan banyak negara lain terutamanya negara-negara yang sudah mempunyai prestasi yang baik dalam perlindungan alam sekitar, mereka memang dapat banyak bayaran daripada rakyat sehingga mereka amat mampu untuk melakukan pelbagai aktiviti menjaga alam sekitar.

Di Malaysia ini dengan adanya cukai taksiran atau cukai pintu yang amat kurang itu memang susah untuk PBT macam mana berkesan pun dia tidak boleh menjalankan sesuatu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal itu dengan baik, ia nak buat *landfill* dia tak ada wang dia nak buat mengangkut sampah dengan lori-lori yang canggih dan moden serta tidak akan mencemarkan *environment* dia tidak akan mampu berbuat demikian, sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya akan sampai ke situ. Sekarang saya baru mula dengan apa yang dibangkit berkaitan dengannya. Yang PBT saya sebut tadi kekurangan sumber kewangan itu memang satu perkara di luar batasan ataupun di luar kawalan mereka. Saya rasa kita semua tahu bahawa kerajaan di Malaysia ini sebenarnya amat mesra rakyat. Cuba jangan membebankan rakyat, cuba jangan naikkan sangat cukai pintu dan sebagainya.

Kalau kita hendak banding dengan banyak negara lain terutamanya negara yang sudah mempunyai prestasi yang baik dalam perlindungan alam sekitar, mereka memang dapat banyak bayaran daripada rakyat sehingga mereka amat mampu untuk melakukan pelbagai aktiviti menjaga alam sekitar tetapi di Malaysia ini dengan adanya cukai tafsiran atau cukai pintu yang amat kurang itu memang susah untuk PBT macam bagaimana berkesan pun dia tidak boleh menjalankan sesuatu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal itu dengan baik. Dia hendak buat *landfill* dia tidak ada wang. Dia hendak buat mengangkut sampah dengan lori-lori yang canggih, yang moden, yang tidak akan mencemarkan *environment* dia tidak akan mampu untuk berbuat demikian sebagai contoh.

Saya telah kata bahawa syarikat konsesi tidak dikatakan sudah mahu dibela. Dia tidak ada masalah ini, cuma PBT kalau bayar hutang itu *on time* dia akan dapat gerak dengan baik. Saya telah baca semasa bentang rang undang-undang ini kerana maklumkan kepada Dewan ini bahawa hutang yang bertimbun hingga hujung tahun lepas sampai meningkat RM160 juta lebih. dan sehingga hari ini setahu saya telah melebihi RM200 juta untuk kedua-dua syarikat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Mereka hendak bayaran itu saja. Dia bukan hendak siapa buat *bill out* dan sebagainya. Dia hanya hendak hutang itu dibayar. Kami tahu ini adalah satu masalah yang perlu dibantu oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan rang undang-undang yang akan diluluskan nanti, adakah kerajaan akan menimbangkan supaya cukai tafsiran ke atas kondominium dan apartmen dan juga *gated community* di mana mereka ini dipagari dengan pagar sendiri dan segala

kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan termasuk kutipan sampah adalah dilakukan oleh *management community* sendiri dan PBT atau Kerajaan Pusat nanti tidak ada kerja-kerja untuk bidang ini. Adakah Yang Berhormat akan menimbang supaya cukai tafsiran ini akan diturunkan satu tahap yang minima? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, cukai pintu dan tafsiran itu di bawah kuasa kerajaan negeri dan cukai itu bukan semata-mata untuk pengurusan sisa pepejal. Sebenarnya sumber kutipan cukai pintu atau tafsiran itu adalah diguna untuk memberi pelbagai perkhidmatan termasuk selama ini pengurusan sisa pepejal. Banyak lagi perkara lain perlu dilakukan. Jadi tidak ada mana-mana satu komuniti boleh kata dia tidak berkaitan dengan kerajaan tempatan yang menjaga mereka.

Jadi, sumbangan itu adalah amat minima sekali. Kalau tidak ada kutipan, maka susah untuk sesebuah PBT itu untuk menjalankan perkhidmatannya dengan baik. Saya rasa itu pun kalau betul-betul hendak ukur cukai pintu sekarang ini betul-betul diukur kalau semua perkhidmatan itu dikira dia sebenarnya cukai pintu tidak cukup untuk mengadakan satu perkhidmatan yang sempurna dan membekalkan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan asas yang serba lengkap. Memang kecuali PBT yang amat penuh dengan hartanah yang dapat cukai selain daripada cukai pintu ataupun cukai tafsiran yang lain. Dari sumber lain itu mungkin dia dapat menampung.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya, tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan mengenai pengangkutan. Proses mengangkut sisa pepejal. Ini berkaitan dengan pembuangan pepejal. Saya hendak tanya, apakah definisi sisa pepejal itu dijelaskan dalam akta ini ataupun dalam proses 'federalisasi' ini? Ini kerana berkaitan dengan sisa pepejal yang dibuang di peringkat rumah dan peringkat industri.

Bagaimanakah kita mengasingkan definisi ini? Kerana apabila kita kata industri ini mesti ada sisa toksik yang terlibat *aside's waste*. Maka saya ingin tahu bagaimanakah definisi ini dan proses pengamalan ini dapat diperbetulkan ataupun dijelaskan. Yang keduanya, bila mengangkut sisa-sisa pepejal ini yang juga mungkin melibatkan sisa toksik, maka kita terlibat dengan *Environmental Quality Act 1974* dan juga menjadi sebahagian daripada *Bases Convention on Control of Trans Boundary Move of Hazardous Waste Disposal*. Sejauh manakah kesan ini terhadap akta-akta lain dan bidang undang-undang lain yang melibatkan segala pembuangan ini. Saya rasa bukan sesenang begitu. Saya rasa di manakah *diembarkation* dengan izin?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Biar saya jawab apa yang Yang Berhormat Kepong timbulkan tadi itu. Mengenai fungsi PBT. Di bawah undang-undang ini ketua pengarah yang dilantik dia akan memberi sebahagian kuasa pemantauan penguatkuasaan kepada PBT untuk membantu penguatkuasaan yang akan dijalankan oleh jabatan dan juga kepada perbadanan. PBT masih mempunyai tanggungjawab untuk mengawal selia, memantau apabila terdapat sesuatu yang tidak kena dari segi pembersihan awam. Nampak lagi sesuatu yang tidak baik. Pada bila-bila masa dia boleh menguatkuasakan sesuatu menjadikan lebih baik dan ataupun dia akan maklumkan balik kalau sesuatu yang di luar daripada kawalan PBT.

Maka fungsi PBT dari segi penguatkuasaan dan pengawal seliaan masih ada. Walau bagaimanapun, perbadanan di bawah undang-undang ini akan terus mempunyai kuasa seterusnya kalau sekiranya PBT tidak buat sesuatu dengan betul, perbadanan tetap boleh memantau PBT. PBT akan seperti orang lain seperti dengan badan lain kalau dari segi pengurusan sisa pepejal telah sebagai contoh PBT sendiri telah mencemarkan alam sekitar, PBT sendiri tidak bayar *charge* dan sebagainya. Dia boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang ini. Jadi sama rata.

Bagi akta ini telah pun mentafsir lapan jenis sisa di bawah fasal 2 Bahagian I dan semua fasal. Kalau yang 7 sisa telah disebut itu telah saya baca semalam. Boleh Yang Berhormat semak dengan itu. Kalau sekiranya sisa itu adalah merupakan sisa berjadual, *schedule waste* maknanya dia merupakan toksik dan sebagainya dengan automatiknya dia masuk dalam Akta Alam Sekitar.

Kalau sekiranya apabila undang-undang ini telah dikuatkuasakan masih ada *grey area*, ada sesuatu sisa yang tidak dapat dikategorikan dengan jelas oleh tujuh kategori yang telah dibaca yang saya bantah di sini ataupun *schedule waste* yang telah dimasukkan dalam alam sekitar, maka di bawah rang undang-undang ini menteri masih boleh buat definisi terhadap apa-apa yang belum jelas. Ini memang sudah ada *privation enabling* untuk masa depan. Jadi, oleh kerana ini amat spesifik kita kena tengok apakah *nature of waste* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu. Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kena jelaskan bahawa dalam huraian saya sejak semalam sampai hari ini tidak pernah saya kata yang pengurusan sisa pepejal ini tidak akan melibatkan kenaikan cukai pintu. Kuasa kenaikan cukai pintu bukan di bawah undang-undang ini ataupun Kerajaan Persekutuan.

Cukai pintu terletak di bawah kerajaan negeri dan seterusnya PBT yang berkenaan. Apa yang saya sebut di sini ialah kerajaan tidak akan mengenakan *charge* ataupun bayaran tambahan daripada isi rumah, daripada pengguna, daripada setiap isi rumah yang berkenaan untuk pengutipan, perkhidmatan sisa pepejal seperti biasa kerana Kerajaan Persekutuan akan berurusan dengan PBT dalam konteks itu. Maka terpulang kepada PBT bagaimana PBT dapat wang itu untuk disumbangkan kepada perbadanan mengikut sebahagian daripada cukai pintu yang selama ini telah pun dikira ikut sesuatu formula yang munasabah.

Formula itu kita tidak dapat tetapkan sekarang. Selepas undang-undang ini kita akan bincang, akan tengok selama ini berapa banyak sisa yang mereka selama ini diurus dan mereka selama ini sepatutnya bayar berapa. Daripada situ kita akan buat satu kiraan yang munasabah. Maksudnya rakyat tidak akan kena bayaran tambahan disebabkan oleh pengambilalihan oleh Kerajaan Persekutuan hasil daripada rang undang-undang ini.

Keutamaan ialah kita mahu tengok penambahan baikk servis selepas undang-undang ini siap, perbadanan sudah siap, perjanjian sudah *disign*, mulai daripada saat itu dalam dua tahun kita hendak ukur syarikat-syarikat konsesi dengan KPI (*Key Performance Index*) dengan izin itu akan dimasukkan dalam perjanjian konsesi. Ini adalah satu perkara yang berlainan dan dari situ saya hendak membezakan IWK dengan apa yang kita buat sekarang. Sebenarnya banyak teguran pada masa dahulu, beberapa tahun dahulu dalam Dewan ini banyak teguran dibuat mengenai apa sahaja kelemahan ataupun sesuatu yang dibimbangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sembilan tahun ini telah pun kita dengar dan telah pun kita kumpul. Kalau tidak ada *consultancies*, Parlimen ini adalah satu tempat yang paling banyak *consultation*. Selama ini, hal sampah ataupun sisa pepejal ataupun hal kitar semula telah banyak dibahaskan di Parlimen ini di bawah pelbagai tajuk sama ada pada masa bajet dibentangkan, dibahaskan, ataupun sewaktu Rancangan Malaysia dibahaskan, ataupun pada suatu rang undang-undang berkaitan dengan kerajaan tempatan dibahaskan.

Sebenarnya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di sini telah bangkitkan banyak perkara yang telah kita catit. Dalam pada itu kementerian saya telah banyak berunding dengan NGO yang giat dalam kitar semula. Sebenarnya saya sendiri telah mempengerusikan satu sesi khas dengan NGO pada 23 Jun tahun lepas di Eastin Hotel. Pelbagai NGO telah datang termasuk *Penang Consumer Association*, saya masih ingat, termasuk wakil daripada pihak akhbar, termasuk juga *players* daripada beberapa *academician* yang buat *research* terhadap pengurusan sisa pepejal. Pada masa itu saya masih ingat *the polluter pay* konsep datang daripada NGO, datang daripada *environmentalist*. Bukan sahaja Ahli Yang Berhormat yang tertentu tahu bagaimana tahu menghubungi *environmentalist*. Kementerian saya banyak menghubungi *environmentalist*. Kita dapatkan juga perkhidmatan pegawai yang amat berpengalaman yang tahu dalam alam sekitar yang baru sahaja dapat *transfer* ke kementerian saya yang dahulunya berkhidmat di kementerian yang menjaga alam sekitar. Semua proses mendapatkan maklumat, dengar secara objektif, semua itu telah pun dibuat dan undang-undang ini telah pun ditangguhkan begitu lama, telah pun ditambah baik setiap kali. Ia amat lain beza daripada apa yang dibimbangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...secara ikhlas memberi tahu bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tanjong.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...bahawa proses dapat dengar maklum balas dan cadangan telah dibuat dengan baik.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan bahawa dalam selepas dua tahun pelaksanaan akta ini penduduk-penduduk tidak perlu membayar sedangkan Yang Berhormat Menteri sendiri memberikan hak kepada PBT dan terpulang kepada mereka untuk menaikkan *assessment rate*. Bukankah secara tidak langsung, penduduk-penduduk mungkin dibebankan oleh kenaikan dalam *assessment rate* ini untuk membolehkan PBT membayar *contribution* kepada perbadanan. Ini saya rasa secara tidak langsung juga merupakan satu beban yang mereka terpaksa pikul untuk menguruskan sisa-sisa pepejal dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Pembersihan yang lain. Jadi saya rasa jaminan itu tidak bermakna langsung, sebab ini tidak menjamin PBT tidak akan naikan *assessment* dan ini secara tidak langsung merupakan jurang untuk perkhidmatan pembersihan dan pengutipan sampah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, saya minta maklum bahawa Yang Berhormat kalau tidak mahu sambung esok kena habiskan sebelum 5.30 petang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, saya hendak habiskan hari ini. Yang Berhormat jangan terlalu ghairah sangat hendak politikkan isu ini. Tidak ada langsung saya beri apa-apa *indication* bahawa penambahan beban itu akan dibuat melalui cukai pintu. Saya telah katakan apa yang telah sedia ada, berapa cukai pintu yang dikutip sekarang ini, berapa yang selama ini dibayar kepada konsesi, dari situ kita ambil bayaran yang sama. Tidak pernah saya kata cukai pintu itu akan dinaikkan untuk tujuan ini. Apa yang saya telah kata tadi, kuasa kenaikan atau penurunan cukai pintu ada pada kerajaan negeri bukan pada Kerajaan Pusat. Jadi tidak boleh saya pergi kaitkan undang-undang ini dengan kenaikan atau penurunan cukai pintu. Lebih selamat saya kata sama ada naik atau turun, saya maksudkan turun cukai pintu itu adalah terpulang kepada pihak berkuasa negeri. Jadi jangan cepat-cepat cari peluang tengok macam mana politikkan ini. Saya amat ikhlas dalam isu ini.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kalau Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan bahawa peratusan sumbangan PBT kepada perbadanan ini akan kekal sama selepas...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Selalu. Kekal selalu.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ini jaminan yang bagus. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan itu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Can or cannot?*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Apa Yang Berhormat Tanjong buat itu, tidak cukup menjamin lagi. Apa yang kita buat ialah kita akan tentukan amaun yang munasabah sekarang dan kita tidak mahupun cakap pasal peratusan. Kalau peratusan itu naik lain kali itu bukan pasal kita. Itu PBT sendiri yang dapat. Ini PBT sendiri yang dapat bukan untuk kita. Jadi jangan putar belit. Jaminan bahawa kita tidak akan menambah beban orang awam ialah ditetapkan. Tidak ada apa yang disembunyi. Jadi Yang Berhormat janganlah adakan macam-macam sangkaan. Apa yang kita buat sekarang ini ialah Kerajaan Pusat akan memikul beban ini dengan penangguhan perbadanan dan semua *detail* itu akan dibincangkan dan rakyat tidak akan diberi beban, apa yang dipikul sekarang. Saya sebut memang tidak ada sesuatu yang dikatakan tidak tentu. Jadi itulah pasti.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, telah sentuh sama ada kita telah mempunyai satu *blue print* ataupun apa sudah jadi kepada pelan strategik, Kepong pun sebut, beberapa Ahli Yang berhormat pun sebut. Suka saya betulkan Kepong bahawa kita tidak ubah JICA yang Kepong kata *Japanese International*

Cooperation itu, mereka hanya buat kajian *safe closure of landfill*. Mereka buat kajian lain tetapi pelan strategik adalah dibuat oleh kementerian. Pelan strategik itu kita tidak pakai wang untuk mengubahkan. Sebenarnya itu adalah satu strategi yang kita buat sendiri ikut kerajaan selepas kita kaji apa sudah jadi di luar negara, apa sudah jadi dalam negara. Dengan ada pelan strategik itu maka sudah wujud satu dasar. Tahun 2005 kita dapat kita dapat pelan strategik. Pelan strategik telah cadangkan kena ada dasar dan dalam pelan strategik sudah cadangkan kena ada undang-undang. Dalam dasar kena ada undang-undang dan dalam dasar berdasarkan pelan strategik telah menghasilkan satu hierarki *waste management* iaitu saya telah jelaskan dalam surat khabar hari ini kalau kita nampak satu segi tiga, hierarki *waste* itu maknanya pada masa kini banyak sampah dilupuskan kepada tapak pelupusan.

3R, *reuse*, *reduce* dan *recycle* dengan izin amat tidak penting pada masa sekarang. Dalam pelan strategik kita, kita jadikan ini sebaliknya supaya kita menuju ke arah kurangkan *landfill*, kalau boleh satu hari *zero landfill*, tetapi banyakkkan *recycling*, *reduce and reuse*. Secara ringkas itu semua faham dan saya rasa semua Ahli Parlimen di sini sudah sentuh, sokong 3R. Kerajaan telah mula dengan 3R, tetapi nampak kerana kekurangan penguatkuasaan tidak ada rang undang-undang yang boleh membantu untuk melicinkan pelaksanaan dasar, maka terpaksa kita adakan rang undang-undang yang serba lengkap di sini. Jadi 3R memang akan jadi satu tumpuan yang amat penting dan ia akan jadi sebahagian strategi yang amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang amat spesifik saya ambil perhatian dan saya akan sebut mengenai dasar sahaja. Mengenai IWK, saya baru sahaja terangkan bahawa ini adalah satu perkhidmatan yang lain daripada IWK, *the nature* dengan izin, *of the service is different* dan undang-undang ini juga amat terperinci, komprehensif, dan juga mempunyai fleksibiliti secara terbuka dan kita boleh menghentikan, batalkan lesen, boleh hentikan konsesi, boleh memastikan kalau sesuatu yang tidak kena dan KPI itu masuk dalam *agreement*, bila-bila kita boleh ambil tindakan terhadap konsesi, mana-mana satu konsesi yang kita tandatangani perjanjian.

Bagi *player-player* yang sudah pun wujud, telah pun dilantik, mereka akan terus diberi peluang untuk sama-sama memberi perkhidmatan dan penyelarasan akan dibuat oleh kementerian melalui perbadanan supaya tidak ada mana-mana satu *player* akan ditinggalkan ataupun diketepikan. Kita masih boleh bawa mereka bersama-sama sama ada sebagai sebahagian daripada konsesi ataupun sebagai *outsourcing* ataupun kita melesenkan mereka untuk menjalankan sesuatu aktiviti.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebab masa, saya takut nanti saya tidak boleh lengkapkan. Minta maafah Yang Berhormat sebab ada lagi undang-undang yang lain yang belum disentuh lagi. Saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Maka dengan undang-undang yang amat lengkap dan juga kalau kita tengok bil ini memang tebal. Ia sudah ambil kira banyak perkara dan ia amat menjamin kerajaan, kepentingan rakyat dan juga untuk tujuan pengurusan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *incinerator* yang disebut ini, dalam hierarki *waste management* ia adalah di bawah kategori rawatan. Pelupusan *landfill* rawatan termasuk *incinerator* di mana perlu, terpaksa dibuat kita akan pilih *incinerator* yang terbukti, *proven* yang tidak begitu mahal dan boleh *affordable* di negara ini kita mampu untuk *maintain* dan sebagainya. Ini juga adalah sebahagian daripada strategi bagi jangka panjang.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada sebut mengenai peranan Ahli-ahli Parlimen dan juga pihak berkuasa tempatan. Sebenarnya dengan rang undang-undang ini, kita telah pun memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan, maka Ahli-ahli Parlimen mempunyai peranan lebih besar selepas rang undang-undang ini diluluskan kerana Ahli-ahli

Parlimen boleh terus bangkit, tegur dan beri maklum balas di Parlimen ini secara *direct*, kerana ini sudah jadi hal dasar dan juga bidang tugas Kerajaan Persekutuan. Perbadanan adalah satu agensi Kerajaan Persekutuan, banyak perkara boleh dibahaskan di sini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang Berhormat saya tidak ada masa, saya rasa boleh timbulkan pada hari yang lain. Yang Berhormat daripada Ketereh sudah sebut dan saya telah terangkan cukai pintu itu adalah bukan niat kita untuk naikkan, kementerian tidak pernah cadang apa-apa kenaikan cukai pintu, dan ia adalah tidak berkaitan dengan ini.

Yang Berhormat daripada Jerai telah sebutkan mengenai masalah kebersihan, denda. Undang-undang ini memang sudah mempunyai penalti yang secukupnya untuk memastikan semua pihak menjaga kebersihan awam, menjaga supaya sampah-sampah tidak dibuang secara haram ataupun *illegal dumping*, dan juga pastikan semua kerjasama untuk memastikan satu persekitaran yang bersih.

Bagi masalah berkaitan dengan PBT telah pun saya ambil kira dan kerana ini kerajaan seterusnya akan menumpu perhatian kepada bagaimana menstrukturkan semula PBT dengan persetujuan bersama kerajaan negeri. Kerajaan juga terus akan mencari satu cara untuk *revamping of local authorities*. Jadi semua hal berkaitan dengan PBT akan dapat kita bincang dalam sesi apabila kita bawa sesuatu yang berkaitan dengan penambahbaikan sistem pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kota Melaka dan ramai lagi Ahli Yang Berhormat telah sebut beberapa perkara. Di sini saya ingin mengatakan bahawa beberapa soalan telah saya sebut tadi, tidak ada soal ... tidak ada dikatakan *consultation*, dan program 3R tidak mati begitu sahaja. Program 3R sebenarnya menanti-nantikan rang undang-undang ini untuk menjadikan 3R lebih mantap. Setakat ini kesedaran orang awam sudah pun ada, dia bukan tidak ada kesan. Walaupun kita buat secara *ad hoc* sebelum ini, ramai rakyat sudah faham betapa pentingnya 3R.

Bagi peruntukkan RM1 bilion itu adalah untuk memulakan penubuhan, perbadanan, jabatan dan juga sebahagian besar akan diguna untuk membantu...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya tidak ada masa...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berkenaan 3R, di mana dilancarkan oleh menteri...

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tadi Ahli Yang Berhormat yang lain semua saya tidak bagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berkaitan dengan 3R yang dilancarkan. Apakah yang telah dicapai setakat hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia tidak bagi jalan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri yang melancarkan 3R...

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya baru...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, saya tahu Yang Berhormat mengatakan bahawa menunggu rang undang-undang ini, adakah itu rasional? *How can we accept that?* Macam mana 3 tahun dulu bila Yang Berhormat melancarkan 3R ingat bahawa rang undang-undang sahaja selepas itu ia betul-betul...

Dato' Seri Ong Ka Ting: 3R jalan tidak ada berhenti...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa yang telah tercapai?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Banyak yang dicapai. Masuk ke dalam laman web boleh nampak apa kita buat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 3R cakap semua tipu sahaja.

Dato' Seri Ong Ka Ting: 3R banyak, NGO telah pun bersama-sama kita sampai ke hari ini. Banyak pusat pengumpulan masih berjalan dan banyak sekolah jadi *partners*. Ini telah pun masuk dalam kurikulum, dalam buku teks sekolah, tidak ada berhenti langsung. Dengan adanya rang undang-undang ini 3R akan lebih mantap, itu yang selalu saya cakap. Ia akan menjadikan semua orang bekerjasama dan oleh kerana tanpa penambahbaikan sistem pengurusan ini, ramai rakyat hendak asingkan sisanya di rumah untuk dihantar kepada mereka yang mengutipnya, pada masa ini belum lengkap.

Jadi dengan adanya sistem lebih lengkap, pihak konsesi dijangka akan melengkapkan dengan *facilities* untuk mengutip dan mereka boleh pergi dari rumah ke rumah mengikut jadual mengutip barangan kitar semula dan itu tentu akan lebih memantapkan kitar semula.

Itu tentu akan lebih memantapkan kitar semula. Sebenarnya kita amat mempunyai harapan bahawa banyak lagi penambahbaikan akan diadakan. Jadi penguatkuasaan adalah penting. Selama ini tidak ada satu undang-undang yang efektif supaya rakyat akan ikut, semua pihak curi-curi buang sampah ke tempat yang tidak betul sampai mencemarkan alam sekitar dan dengan penguatkuasaan undang-undang yang cukup setimpal, maka dijangka ini akan dapat mengurangkan aktiviti, dengan izin, *illegal dumping* dan juga mengotorkan alam sekitar dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Mambong kerana dia telah banyak menjelaskan dari segi teknologi dan juga bagaimana caranya negara kita sepatutnya membaiki cara hidup, gaya hidup dan sebagainya. Memang apa yang diterangkan oleh beliau itu amat sesuai untuk diambil perhatian oleh rakyat Malaysia. Apa yang dikatakan tentang sistem berangkai itu sebenarnya adalah sistem bersepadu dan cadangan-cadangan dalam pengurusan sisa pepejal ini adalah sistem bersepadu kerana kita hendak memastikan daripada masa pengutipan, pengangkutan, penghantaran dan rawatan sampai ke pelupusan, ia akan dibuat dengan secara bersepadu.

Sebelum ini tidak ada perbadanan, maka usaha bersepadu ini susah diamalkan dan dengan adanya undang-undang serta jabatan dan perbadanan, maka dijangka strategi bersepadu ini tetap akan dapat. Semua tapak pelupusan yang tercemar dan yang perlu ditutup dengan selamat ataupun *safe closure*, itu tetap akan dijalankan di bawah strategi ini.

Saya telah sebut tentang RM1 bilion tadi. RM1 bilion itu adalah untuk memastikan Kerajaan Pusat boleh memikul sebahagian daripada tanggungjawab dan juga beban kerana rakyat tidak dikenakan bayaran tambahan dan Kerajaan Pusat perlu membiayai apa yang baki, maka dengan satu *launching grant* RM1 bilion itu memanglah amat penting untuk memastikan dalam dua tahun selepas semuanya sudah siap sedia untuk dimulakan itu dan supaya semua dapat dijalankan dengan baik. Dari semasa ke semasa kita akan kaji semula apakah kelemahannya dan apakah bajet yang seterusnya. Kalau perlu ditambah, kita akan *recommend* kepada Kerajaan Pusat untuk ditimbang. Bajet ini tentu akan jadi besar kerana kita akan meringankan beban rakyat dan kita kena membina banyak kemudahan pengurusan sisa pepejal termasuk stesen pemindahan dan juga lain-lain yang telah pun kita bincang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang disebut oleh Mambong telah pun saya catat dan saya nampak sebenarnya dalam undang-undang ini juga, fasal 102 telah pun memberi kuasa supaya kerajaan boleh memastikan mereka yang mengeluarkan sesuatu produk dari segi *packaging* dan sebagainya, dia kena ambil balik. Apabila kita menetapkan peraturan, sudah ada sistem mereka yang keluarkan sesuatu perlu juga memainkan peranan untuk menerima balik untuk diguna semula atau dikitar semula.

Mengenai fi, caj dan juga levi, setakat ini ia tidak dikenakan terhadap rakyat biasa. Ini boleh dipertikaikan di tribunal kerana semua *player* berhak sama ada seseorang kalau dia telah mengeluarkan *bulky waste*, sebagai contoh, ia luar daripada biasa, bukan dari isi rumah. Katakan dari komersial, dari kilang, dari *construction*, dia *renovate* rumah, dia

dikenakan caj tambahan dan itu adalah munasabah. Kalau PBT tidak bayar kepada perbadanan, ia boleh dirujuk kepada tribunal dan sebagainya. Jadi tribunal adalah satu tempat untuk kita menguruskan dan menuntut bayaran oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan, pihak swasta ataupun orang awam.

Kita mengambil maklum bahawa Malaysia kita pada sekarang ini tidak boleh kita samakan dengan negara barat tetapi semua negara maju telah pun bermula dengan apa yang kita buat hari ini. Sebenarnya kita sudah terlewat sedikit, tetapi lebih baik kita baru bermula daripada kita tidak berbuat apa-apa pun.

Yang Berhormat dari Bera, Tangga Batu, Permatang Pauh, Lipis dan Kepong telah menyebut beberapa perkara yang saya telah sentuh tadi dan saya telah pun jawab sebagai dasar.

Bagi tribunal, tidak ada apa-apa percanggahan. Sebenarnya konsep tribunal ini sama dengan konsep Tribunal Perumahan dan Tribunal *Consumer* di mana anggotanya memang dilantik oleh menteri dan anggota yang akan dilantik itu adalah daripada kalangan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Mereka ini adalah profesional dan *independent*. Menteri tidak boleh campur tangan apa sahaja keputusan yang dia buat. Ini bukan satu perkara yang luar biasa kerana telah pun ada contoh-contoh yang lain.

Maka dengan perkara pokok atau dasar yang saya telah sentuh atas banyak cadangan yang saya telah catat dan saya nampak, saya ingin membetulkan sedikit Bukit Mertajam iaitu kuasa perancangan tidak pernah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Ia masih ada pada pihak berkuasa tempatan. Kerajaan cuma mengkoordinasi ataupun mengadakan satu dasar seragam supaya mereka semua mengikutinya. Pada hari ini, kuasa kelulusan apa-apa sahaja berkaitan dengan perancangan, ia masih di pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa negeri. *Players* yang sedia ada yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, semuanya akan dikekalkan dengan peluangnya, cuma kita akan selaraskan bagaimana melesenkan mereka dengan baik. Semua NGO yang terlibat dalam *recycling* akan diberi pengecualian dan kita akan buat satu *blanket* pengecualian untuk memastikan mereka teruskan dengan usaha *recycling* atau 3R dan insentif yang sesuai akan diberi.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah sebut termasuk Kota Melaka dan beberapa Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kerana telah prihatin tentang 3R. Insentif tertentu akan diberi sebaik sahaja kita dapat menggubal rang undang-undang ini menjadi undang-undang sah.

Garis panduan PSP untuk setiap rumah - ini cadangan yang baik dan saya akan ambil perhatian yang serius. Jawatankuasa petugas khas yang melibatkan wakil rakyat - ini juga satu cadangan yang kita akan pertimbangkan pada masa yang akan datang dan bagaimana untuk mendapatkan maklum balas daripada wakil rakyat, memang satu pandangan yang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya. Kedai-kedai khas yang menjual barangan kitar semula, idea yang bagus. *Buyback centres* dan kurangkan tapak pelupusan memang adalah satu strategi. Cameron Highlands, saya akan beri perhatian tentang produk hiliran yang dikatakan mencemarkan. Banyak perkara disebut adalah bersependapat dengan kementerian sebenarnya. Saya akan kaji dan dapatkan maklum balas apabila saya dapat *Hansard* yang catat dengan baik. Sebenarnya saya telah catat semua *point* yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jadi dengan itu saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan Mesyuarat 54(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di bawah Peraturan 54(2) bahawa Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan untuk mendapat pandangan umum supaya dapat menambah baik peruntukan-peruntukan rang undang-undang ini demi menghasilkan satu sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya sokong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya menyokong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita sudah undi, kita sokong habis cerita Tuan Yang di-Pertua, apa lagi?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Biarlah. Yang Berhormat, perkara ini kita sudah bahas kita telah bincang, terpulang kepada persetujuan nantilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua sudah minta persetujuan kita sudah bersetuju, lebih suara bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, lebih suara bersetuju Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat, cukuplah tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Kalau Tuan Yang di-Pertua bersetuju, kita boleh putuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah Yang Berhormat, teruskan setiausaha.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak, ada Peraturan Mesyuarat macam mana? Bukan Tuan Yang di-Pertua, jika ada Peraturan Mesyuarat kita perlu ikut, bukan tidak payah. Kita tahu kemungkinan besar kita tidak menang tetapi itu bukan dasarnya. Hasrat masyarakat di negara ini adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lebih suara yang bersetuju Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Usul itu patut...

Seorang Ahli: [Menyampuk] Jangan buang masa, sudahlah!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Usul ini lain perkara, takkan Tuan Yang di-Pertua tidak ada keyakinan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ia mesti diputuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah. Setiausaha teruskanlah. *[Dewan riuh-rendah]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan marah-marah ini mengikut prosedur.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jangan marah-marah, *you* kena fahamlah ini ada satu usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita sudah putus kita sudah bersetuju lebih suara bersetuju.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini mesti diputuskan mengikut peraturan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hormatlah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kata putus.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa peraturan lagi benda yang sudah selesai.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua sudah kata putus, putuslah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Just* putuskanlah, membuat keputusan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tolak keputusan itu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Keputusan mesti dibuat oleh Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah buat keputusan, tadi kita sudah buat keputusan.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tolaklah, terlambatlah hang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan setiausaha.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 112 -

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa satu peluang yang baik yang dikemukakan oleh kawan saya Yang Berhormat bagi Tanjong iaitu untuk membuat satu keputusan kepada *select committee* patut mendapat satu keputusan yang tepat. Saya tahu Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sangat kuat, itu tidak menjadi isu. Kalau sedemikian kita tidak perlu datang Parlimen langsung. Kita ada Peraturan Mesyuarat. Saya setuju...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, kalau hendak bahas fasal 1 hingga 12. Ya cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Rang undang-undang ini di mana saya juga berpendapat bahawa ada satu usul...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bahas ikut fasal *by* fasal lah, apa ini? Bukan dasar!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Sila duduk Ipoh Barat. Kalau Yang Berhormat sudah bahas, sila duduklah.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, *go fasal by fasal* lah, apa ini? Sendiri tidak ikut peraturan macam mana?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya boleh *debate clause by clause* kalau perlu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita ada agenda lain Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau perlu *clause ke clause* saya boleh.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah, cukuplah Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, saya baru mula ada 100 lebih *clause*. Saya perlukan sekurang-kurangnya lima minit untuk itu satu *clause* kalau diperlukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah tidak payahlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, saya hendak bahas. Macam mana saya tidak boleh dibenarkan bahas Tuan Yang di-Pertua. Pada dasar pun saya tidak ada peluang untuk bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat esok ada lagi di bawah akta yang lebih kurang sama, cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, perkara ini sangat penting saya tahu Menteri datang hari ini bukan dia tidak boleh. Kalau tidak boleh hari ini bahas boleh sambung esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah! Kalau Yang Berhormat tidak hendak bahas teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, saya hendak bahas, saya hendak bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Barat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya akan ambil klausa pertama iaitu klausa 30 di mana memberi kuasa untuk menaikkan caj atau sebagainya. Saya hendak tahu bilakah dasar atau objektif ini akan diimplementasikan? Kita hendak tahu kerana saya rasa ada undang di sebalik batu iaitu bila membawa rang undang-undang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ini bukan restoran, ini Parlimen mana ada undang?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada undang, di Jerai ada banyak undang. Tuan Pengerusi dia sudah lupa dia punya tanggungjawab. Ini yang mustahak, walaupun menteri mengatakan tidak akan mengenakan apa-apa caj. Tidak ada rakyat Malaysia mempercayai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri kerana selepas satu tahun, selepas dua tahun, yang mustahak sekali selepas pilihan raya, ini mesti akan diimplementasikan. Ini dasar kerajaan kita semua tahu tetapi kita mahu niat yang ikhlas diakui oleh kerajaan bahawa ini adalah, *don't give soft liking* kepada masyarakat tetapi tidak boleh ditunaikan, itu nombor satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Nombor dua adalah mengenai satu bilion iaitu mengenai *clause* 30 di mana satu bilion akan diagihkan. Macam mana ia akan digunakan? Adakah ia sebagai *soft loan* kerana sebelum ini Indah Water di mana lebih dari

RM500 juta telah diagihkan telah diberikan sebagai pinjaman? *Soft loan* sampai sekarang hampir dua dekad wang itu masih belum diterima balik oleh kerajaan.

Nombor tiga yang mustahak sekali adalah. Kenapa tidak ada apa-apa perbincangan mengenai hal-hal dan isu-isu berkaitan ini kepada rakyat? Apakah sebab kerajaan mengelak perkara ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, menteri sila. Cukuplah Yang Berhormat yang lain. [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Parlimen beroperasi bukan mengikut jadual menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita ada ucapan penangguhan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa Tuan Pengerusi? *What is the rush?* Tuan Pengerusi hendak pergi mana?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tidak bermakna kalau menteri tidak datang kita tidak dapat memberi penumpuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak hendak buat ucapan penangguhan? Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Itu hal yang lain.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu lain hal.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sepatutnya sudah ada usul untuk menangguhkan Majlis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Seputeh ada masuk untuk membuat ucapan sekarang, kata diam. Tuan Pengerusi tidak boleh ini macam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, suruh dia duduklah guna peraturan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini Parlimen bukan mengikut jadual menteri.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, suruh dia duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah sila duduk, saya sudah beritahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Kepong advice your vice president*, Kepong. Ikut Keponglah, Kepong baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang tadilah sila, yang lain tidak payahlah cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak boleh ini macamlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong baik, Kepong kasi tahu dia orang Kepong.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya ada 100 *clause* lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi saya rasa Dewan ini ialah Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, Seputeh cukuplah. Saya mempengerusikan sekarang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tahu bukan Dewan Menteri, tidak boleh ikut jadual menteri. Ada banyak, ini merupakan rang undang-undang yang baru yang mana ada banyak fasal belum dibahas lagi.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tutuplah *mic* Tuan Pengerusi, tutup *mic* lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya memohon supaya memberikan *justice* kepada rang undang-undang ini. Mengapa *what's the rush?*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *The minister's giving instruction to the* Tuan Pengerusi? Ada agenda?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat! Silalah duduk!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *What is the rush? Why cannot debate?* mengapa? 100 fasal!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam sila duduk, Seputeh sila duduk, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tidak beri lima minit untuk membahas. *This is not going justice to* rang undang-undang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapa ini tidak disambung esok?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, nantilah bagi saya cakap. Tuan Pengerusi, Ipoh Barat baru bangkit tiga perkara sekarang giliran saya jawab. Selepas itu orang lain hendak tanya saya tunggu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey, okey. Betul?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Okey tapi ini ikut peraturan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jangan ada sangkaan rasa saya yang tidak sabar, saya sabar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tetapi Tuan Pengerusi hendak tutup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia orang yang tidak sabar, Kepong sabar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: 36(6) sangkaan jahat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong *advice* dia orang Kepong, suruh jadi baik.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah sentuh fasal 30. Fasal 30 kata Menteri boleh dari semasa ke semasa menetapkan sama ada secara berasingan atau sebagai satu kadar yang disatukan caj, fi dan levi sisa pepejal terkawal hendaklah dibayar oleh pemunya, penghuni, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain. Saya tidak pernah selindung apa-apa. Daripada pembentangan saya sudah kata bahawa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, PBT akan bayar sebahagian daripada cukai pintu yang mana sepadan dengan apa selama ini dibuat untuk diuruskan, itu adalah caj. Jadi, tidak ada apa-apa disembunyikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Apa dia sebut mengenai RM1 bilion, bagi satu bilion sebahagian besar itu akan diguna untuk menanggung kos pengurusan, kerana bayaran PBT memang tidak cukup. Ada banyak akan dipikul oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak ada *soft loan* akan diberi. Ini RM1 bilion bukan untuk *soft loan*. Ini untuk betul-betul kita menguruskan sisa pepejal oleh perbadanan dan ia tidak berkaitan dengan *soft loan*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak bahas saya boleh sambung besok.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sambung besok.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, kita sambung besok!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat. Kita ada ucapan penangguhan, kita ada usul.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PEMBEKALAN ELEKTRIK DI SABAH MENJELANG 2010

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tuaran sila.

5.41 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembekalan elektrik di Sabah menjangkau 90% menjelang tahun 2010. Setelah 50 tahun merdeka, masyarakat luar bandar di negeri Sabah masih lagi merungut mengenai ketiadaan bekalan elektrik di kampung mereka. Rungutan ini bukan sahaja disuarakan kepada wakil-wakil rakyat tetapi juga dalam surat khabar tempatan. Mereka begitu marah dan kecewa kerana telah dipinggirkan dari arus pembangunan perdana. Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) merupakan sebuah syarikat yang bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur bekalan elektrik di negeri Sabah telah dihadapkan dengan dilema ini kerana mereka tidak mempunyai peranan untuk menentukan pembekalan elektrik secara teratur dan terancang untuk bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, menyedari akan liputan bekalan elektrik negeri Sabah hanya 62% maka SESB telah menggubal sasaran pembekalan elektrik negeri Sabah menjangkau 90% menjelang tahun 2010. Untuk memenuhi sasaran ini SESB telah mendapatkan input dari wakil-wakil rakyat, pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat melalui pejabat pegawai daerah di seluruh Sabah. Untuk mencapai sasaran ini SESB telah menggariskan tiga strategi utama seperti berikut:

Fasa pertama - rumah-rumah yang belum mendapat bekalan elektrik yang berada dalam kawasan yang telah mendapat bekalan. Dalam fasa ini dianggarkan sebanyak 21,000 buah rumah boleh dibekalkan dengan segera. Perbelanjaan dianggarkan sejumlah RM150 juta.

Fasa kedua - menyambung talian kepada kampung-kampung yang belum mendapat bekalan elektrik dari punca bekalan yang terdekat. Dalam fasa ini dianggarkan sebanyak 722 buah kampung boleh diberikan bekalan elektrik dengan kos lebih kurang RM450 juta.

Fasa ketiga - membina stesen jana kuasa di kampung-kampung yang terpencil. Dalam fasa ini dianggarkan sebanyak 274 kampung terpencil boleh diberikan bekalan melalui sistem tenaga solar, diesel hibrid atau mini hidro dengan kos lebih kurang RM250 juta.

Jika strategi ini dipatuhi maka ia boleh mengelakkan berlakunya kampung lompat di mana sesebuah kampung ditinggalkan dan bekalan diberi kepada kampung lain yang lebih jauh. Ia juga dapat mengelakkan berlakunya pembinaan, pemasangan elektrik serta talian telah siap untuk sebuah kampung tetapi bekalan elektrik tidak dapat disalurkan kerana jauh dari punca bekalan. Ini juga menimbulkan kemarahan kepada rakyat di Sabah. Mengikuti SESB untuk mencapai matlamat ini perbelanjaan yang diperlukan adalah dianggarkan RM850 juta. Pada ketika ini walaupun SESB merupakan agensi yang bertanggungjawab terhadap pembekalan elektrik di negeri Sabah tetapi ia tidak dipertanggungjawabkan untuk pembekalan elektrik di luar bandar. Tanggungjawab ini diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tapi pada realitinya SESB dipersalahkan oleh rakyat kerana mereka tahu bahawa bekalan elektrik itu di bawah tanggungjawab SESB.

Pada hemat saya jika tanggungjawab untuk merancang serta mengurus keseluruhan pembekalan elektrik luar bandar ini diserahkan di bawah tanggungjawab SESB maka pelaksanaannya akan lebih teratur dan sistematik. Saya yakin dan percaya SESB boleh memikul tanggungjawab ini kerana mereka mempunyai kepakaran yang diperlukan. Yang paling kritikal ialah Kerajaan Persekutuan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi.

Oleh itu saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kementerian-kementerian yang terlibat dalam soal bekalan elektrik seperti Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya menyusun rapi strategi dan program pemberian bekalan elektrik luar bandar di Sabah. Dengan ini saya berharap mudah-mudahan sasaran SESB untuk menjangkau 90% liputan elektrik negeri Sabah akan tercapai dengan jayanya menjelang tahun 2010. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kementerian menjawab. Timbalan menteri sila.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bekalan elektrik di Sabah menjangkau 90% menjelang tahun 2010. Tuan Yang di-Pertua, saya turut berasa simpati dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat negeri Sabah khususnya di kawasan luar bandar disebabkan ketiadaan bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, dakwaan mengatakan bahawa rakyat luar bandar Sabah telah dipinggirkan dari arus pembangunan perdana adalah tidak adil kerana Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha memastikan rakyat di seluruh negara ini dapat menikmati kemudahan asas seperti bekalan elektrik. Atas dasar inilah kerajaan telah mengambil langkah untuk menswastakan Lembaga Elektrik Sabah (LLS) kepada Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) pada 1 September 1998 melalui satu perjanjian penswastan yang telah dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan, LLS dan SESB. Sebelum penswastan LLS keadaan bekalan elektrik di Sabah berada pada tahap yang amat kritikal. Gangguan bekalan elektrik kerap berlaku yang berpunca daripada kapasiti penjanaan serta sistem penghantaran dan pembahagian yang tidak mencukupi atau lemah. Ini disebabkan kemampuan kewangan LLS yang terhad, yang tidak membolehkan LLS meningkatkan infrastruktur pembekalan elektrik seperti yang diperlukan. Dengan

penwastaaan LLS kepada SESB yang merupakan anak syarikat milik TNB dengan kepentingan 80%, kerajaan berusaha agar sistem bekalan elektrik di Sabah dapat ditingkatkan ke tahap yang setanding dengan bekalan elektrik di Semenanjung secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus bilangan rumah yang telah dibekalkan dengan bekalan elektrik di kawasan luar bandar Sabah telah meningkat 67.1% pada tahun 2000 kepada 72.8% pada tahun 2005. Berdasarkan perancangan peratusan ini dijangka terus meningkat kepada 80.6% pada penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu pada tahun 2010. Kerajaan melalui kementerian saya dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sentiasa bekerjasama dengan SESB bagi memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.

Oleh itu saya rasa kenyataan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tuaran bahawa SESB tidak mempunyai peranan untuk menentukan pembekalan elektrik secara teratur dan terancang bagi bekalan elektrik luar bandar Sabah adalah tidak tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya sentiasa mengambil kira pandangan SESB dalam hal-hal yang berkaitan dengan bekalan elektrik di negeri Sabah. Malah KKLW turut bekerjasama rapat dengan SESB dalam merancang program bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah.

Saya juga tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tuaran supaya tanggungjawab untuk merancang dan mengurus keseluruhan perbekalan elektrik luar bandar di Sabah diserahkan kepada SESB kerana saya percaya tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik di kawasan luar bandar Sabah adalah merupakan tanggungjawab kerajaan dan tidak seharusnya dilaksanakan oleh pihak lain. Jika dilihat kepada masalah bekalan elektrik yang serius yang dihadapi di negeri Sabah pada masa ini saya juga tidak yakin sama ada SESB dapat memikul tanggungjawab untuk merancang dan mengurus keseluruhan perbekalan elektrik di Sabah dengan lebih teratur dan sistematik tanpa sokongan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman mudah sebanyak RM586 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi mengukuhkan sistem bekalan elektrik di negeri Sabah sebagai tambahan kepada RM281 juta yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Sehingga Jun 2007 Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan pinjaman sebanyak RM748.9 juta kepada SESB. Walau bagaimanapun, peruntukan yang dibelanjakan oleh SESB sehingga kini hanya berjumlah RM413.4 juta atau 55.2% daripada jumlah pinjaman yang telah salurkan.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia menimbang permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi membiayai projek-projek bekalan elektrik luar bandar Sabah, tetapi pada masa yang sama, kerajaan perlu memastikan sama ada SESB berkeupayaan untuk membelanjakan peruntukan yang disalurkan kepada mereka. Oleh itu sukacita saya tegaskan sekali lagi bahawa tanggungjawab untuk memastikan supaya sasaran yang ditetapkan bagi meningkatkan liputan bekalan elektrik bandar di Negeri Sabah adalah merupakan tanggungjawab bersama. Apa yang penting ialah semua pihak bekerjasama dan memberi komitmen yang sepenuhnya dengan mengutamakan kepentingan rakyat dalam melaksanakan projek-projek yang dirancang, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan sila.

KUTIPAN TOL DI LEBUH RAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH (BORR)

5.50 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Lingkaran Luar Butterworth (BORR) telah dibuka dengan rasminya dan dikenakan kutipan tol mulai 21 Februari 2007. Oleh kerana bantahan daripada orang ramai kerana mengutip tol di Tol

Plaza Sungai Nyior kerajaan telah menunda buat sementara kutipan di bahagian ini. Kerajaan bercadang membina jalan alternatif iaitu:

- (i) Jalan Jelawat ke Kimsa Garden;
- (ii) melebarkan jalan Persekutuan yang sedia ada;
- (iii) membina jalan dan jambatan baru dari Jalan Todak ke Butterworth.

Perkara satu telah siap dibina dan dibuka untuk kegunaan pada 15 Mei 2007. Perkara dua belum buat apa-apa, perkara tiga belum nampak bayang pun.

Saya telah mencadangkan kerajaan mengambil alih bahagian lebuhraya ini yang pada asalnya adalah sebahagian BKE Butterworth Kulim *Expressway*. Ini dapat dilakukan dengan kontrak sejumlah *liquidates damages* iaitu RM37 juta dari syarikat konsesi BORR kerana kelewatan menyiapkan jambatan Sungai Prai.

Soalannya ialah, jumlah trafik *volume* dari 21 Februari 2007 sehingga sekarang, dan sama ada kerajaan perlu menanggung jumlah tol yang tidak dikutip oleh konsesi. Yang kedua, anggaran jumlah perbelanjaan membina jalan dan jambatan dari Jalan Todak ke Butterworth bila akan bermula dan bila akan disiapkan, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya minta kementerian menjawab, timbalan menteri sila.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR). Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, kutipan tol di Lebuhraya Lingkaran Butterworth (BORR) telah dilaksanakan mulai 21 Februari 2007 di Plaza Tol Prai dan Plaza Tol Bagan Ajam. Manakala kutipan tol bagi Plaza Tol Sungai Nyior telah ditangguhkan di atas keprihatinan kerajaan terhadap kepentingan rakyat dan pengguna.

Bantahan rakyat ke atas kutipan tol di Plaza Sungai Nyior adalah kerana dikatakan tiada laluan alternatif kepada lebuhraya tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, jalan alternatif untuk mengelak tol Sungai Nyior adalah Jalan Siram, Jalan Permatang Pauh dan Lebuhraya Utara Selatan yang tidak ada tol dengan jarak lebih kurang lima kilometer. Alternatif kedua adalah melalui Jalan Siram, Jalan Chan Leng Park dan menggunakan sebahagian Lebuhraya BORR yang tidak ada tol dengan jarak lebih kurang lima kilometer. Alternatif ketiga ialah melalui Jalan Todak ke Jalan Kimsar yang baru disiapkan pembinaannya oleh Jabatan Kerja Raya dengan jarak lebih kurang enam kilometer.

Pihak kerajaan pada masa ini sedang mengkaji untuk mencari penyelesaian terbaik terhadap isu kutipan tol Sungai Nyior supaya kepentingan kedua-dua pihak pengguna dan syarikat konsesi terpelihara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah trafik di ketiga-tiga plaza tol sejak ianya mula beroperasi pada 21 Februari 2007 sehingga 26 Jun 2007 adalah seperti berikut:

- (i) Plaza Tol Prai jumlah kenderaan sebanyak 729,221;
- (ii) Plaza Tol Bagan Ajam jumlah kenderaan sebanyak 714,939; dan
- (iii) Plaza Tol Sungai Nyior jumlah kenderaan sebanyak 4,653,768.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Plaza Tol Sungai Nyior kutipan tol telah ditangguhkan berdasarkan kepada bilangan trafik di atas. Didapati hanya 12% trafik menggunakan Plaza Tol Prai, 11.7% menggunakan Plaza Tol Bagan Ajam dan 76.3% menggunakan Plaza Tol Sungai Nyior yang mana kutipan tol telah ditangguhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unjuran trafik di dalam perjanjian konsesi untuk tempoh tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Plaza Tol Prai sebanyak RM5,630,022 kenderaan;
- (ii) Plaza Tol Bagan Ajam 4,772,502 kenderaan; dan
- (iii) Plaza Tol Sungai Nyior 6,013,098 kenderaan.

Daripada bilangan trafik sebenar, 76.3% trafik menggunakan Plaza Tol Sungai Nyior. Ini bermakna syarikat konsesi akan mengalami kehilangan pendapatan yang agak besar kerana kutipan tol dari Plaza Tol Prai dan Plaza Tol Bagan Ajam tidak akan mencukupi bagi syarikat konsesi menunaikan obligasinya kepada pihak peminjam. Oleh yang demikian, kerajaan perlu membayar pampasan kepada syarikat konsesi kerana kehilangan kutipan tol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran perbelanjaan bagi membina jalan dan jambatan dari Jalan Todak ke Butterworth yang merupakan jalan selari Lebuhraya BRR adalah sebanyak RM25 juta yang meliputi kos pembinaan jalan jambatan dan pengambilan balik tanah. Jika jalan ini dibina ia akan menjejaskan daya maju Lebuhraya BRR dalam tempoh jangka panjang. Setakat ini pihak kementerian tidak ada menerima apa-apa permohonan daripada kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan tahap perkhidmatan rangkaian jalan yang lebih baik, Kementerian Kerja Raya akan mengangkat semula permohonan menaik taraf jalan sedia ada bagi melicinkan pergerakan trafik bagi kawasan sekitar Butterworth dan Seberang Jaya di bawah kajian separuh penggal RMKe-9. Jalan-jalan yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) menaik taraf Jalan Chen Ferry ke Jambatan Tuanku Abdul Rahman kepada empat lorong dengan anggaran kos RM54 juta. Panjang jalan ialah 8 kilometer;
- (ii) menaik taraf jalan Siram ke Jalan Sungai Nyior kepada empat lorong dengan anggaran kos RM30 juta, panjang jalan ialah 2.5 kilometer; dan
- (iii) membina jambatan baru melintasi Sungai Prai dari Jalan Jelawat ke Jalan Taman Bagan dengan anggaran kos RM80 juta.

Dengan terbinanya jalan-jalan di atas, maka pengguna-pengguna di sekitar kawasan Butterworth dan Seberang Jaya akan mempunyai rangkaian jalan alternatif yang lebih baik, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat urusan kita hari ini selesai. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.58 petang.